



2020

LAPORAN TAHUNAN KHAS COVID-19 HOSPITAL SUNGAI BULOH



"FULLY COVID-19"



KANDUNGAN

KATA-KATA ALUAN

<i>Pengarah Hospital Sungai Buloh</i>	1
Pengenalan	3
Info-grafik	5
Pengurusan Pesakit COVID-19 di Hospital Sungai Buloh	
Pusat Tindakan Kesiapsiagaan COVID-19 HSgB	7
Jabatan Kecemasan Dan Trauma	16
Jabatan Perubatan	23
Jabatan Anaesthesiologi dan Rawatan Rapi	27
Pusat Kawalan Kusta Negara	32
PKRC Institut Latihan KKM Sungai Buloh	34
Jabatan Paediatrik	39
Jabatan Obstetrik dan Ginekologi	43
Jabatan Radiologi	48
Jabatan Patologi	52
Jabatan Perubatan Forensik	56
Jabatan Psikiatri Dan Kesihatan Mental	60
Jabatan Farmasi	67
Unit Kejururawatan	72
Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (UKKP)	76
Unit Kesihatan Awam	84
Unit Pencegahan Kawalan Infeksi	88
Unit Penyeliaan	92
Unit Spiritualiti Dan Kesihatan	96

Pentadbiran dan Pengurusan Hospital Sungai Buloh	
Bahagian Kewangan dan Akaun	101
Bahagian Perolehan	104
Bahagian Perhubungan Awam	106
Bahagian Psikologi Dan Kaunseling	110
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	114
Bahagian Pentadbiran dan Pembangunan	118
Bahagian Kejuruteraan & Penswastaaan	122
Bahagian Teknologi Maklumat	129
Jabatan Rekod Perubatan	132
Jabatan dan Unit Klinikal Hospital Sungai Buloh	
Jabatan Bedah Mulut Maksilofasial	137
Jabatan Dermatologi	141
Jabatan Neurosurgeri	145
Jabatan Oftalmologi	149
Jabatan Ortopedik	154
Jabatan Otorinolaringologi	156
Jabatan Pembedahan Am	160
Jabatan Pembedahan Plastik dan Rekonstruktif	164
Jabatan Pergigian Pediatrik	168
Jabatan Perubatan Rehabilitasi	172
Dewan Bedah	175
Jabatan dan Unit Bukan Klinikal Hospital Sungai Buloh	
Jabatan Dietetik & Sajian	180
Jabatan Kerja Sosial Perubatan	185
Unit Kajian Klinikal	189
Unit Mediko Legal	193
Unit Pendidikan Kesihatan	196
Pencapaian 2020	200
Gambar Ketua-ketua Jabatan dan Unit	205

KATA ALU-ALUAN

YBRS. DR. KULDIP KAUR

PENGARAH HOSPITAL SUNGAI BULOH

Salam Sejahtera,

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan sidang redaksi dan semua warga Hospital Sungai Buloh yang menjayakan penerbitan Laporan Tahunan Khas COVID-19 2020 Hospital Sungai Buloh ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Laporan tahunan ini merupakan satu penerbitan yang signifikan dan istimewa bagi warga hospital ini kerana merupakan satu refleksi catatan lipatan sejarah pencapaian Hospital Sungai Buloh sepanjang tahun 2020, seterusnya boleh dijadikan sebagai rujukan atau panduan pada masa akan datang.

Dalam hubungan ini, sesungguhnya Hospital Sungai Buloh telah mencatatkan pelbagai pencapaian pada tahun 2020 susulan daripada peranan yang amat penting dan kepercayaan penuh daripada Kerajaan Malaysia, khususnya Kementerian Kesihatan, apabila hospital ini beroperasi sebagai Hospital *Fully COVID-19*. Bagi tujuan itu, segenap lapisan perkhidmatan dan fasiliti Hospital Sungai Buloh telah ditransformasikan, seterusnya membolehkan perkhidmatan rawatan kepada pesakit COVID-19 disediakan. Pada masa yang sama juga, pelbagai pengiktirafan sama ada daripada persada antarabangsa ataupun kebangsaan telah dianugerahkan kepada Hospital Sungai Buloh sebagai penghargaan atas pencapaian sepanjang tahun 2020.

Kesemua keberhasilan dan kejayaan ini tidak mungkin tercapai tanpa sokongan penuh dan kerjasama kuat serta iltizam daripada setiap warga hospital ini. Saya selaku Pengarah Hospital bersama-sama dengan barisan Pengurusan Tertinggi dan Ketua-Ketua Jabatan/Unit saban hari bermusyawarah, termasuklah mendapatkan pandangan bernas daripada pakar-pakar perubatan, untuk memastikan penyampaian perkhidmatan Hospital Sungai Buloh ini dapat memenuhi keperluan penting dan segera semasa tempoh pandemik COVID-19. Keputusan yang dicapai secara konsensus juga membantu memudahkan pelaksanaan oleh warga hospital ini yang berjumlah lebih daripada 3,700 orang sehingga akhir 2020.

Jika diimbau lanjut, pandemik COVID-19 merupakan satu situasi luar jangka yang telah mencetuskan 1,001 cabaran. Namun demikian, warga Hospital Sungai Buloh telah mendepani senario ini dengan penuh positif dan menjalankan amanah sepenuhnya demi agama, bangsa dan negara. Cabaran pandemik ini jugalah yang memangkin cetusan idea inovatif kepada warga hospital untuk berfikir di luar kotak untuk memastikan penyampaian perkhidmatan hospital ini berjalan dengan lancar pada setiap masa.

Dengan itu, saya mengucapkan tahniah, syabas dan terima kasih kepada semua warga Hospital Sungai Buloh atas komitmen yang ditunjukkan pada tahun lalu. Seterusnya bagi tahun 2021, saya menyeru kepada semua warga Hospital Sungai Buloh untuk terus memberi komitmen dan mengekalkan momentum bagi mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan hospital ini kepada masyarakat.

Sekian, terima kasih.



PENGENALAN

Hospital Sungai Buloh menerima kemasukan pesakit COVID-19 pertama pada penghujung Januari 2020. Penyakit COVID-19 yang disebabkan oleh virus SARS-CoV-2 telah memberikan cabaran yang sangat besar kepada pihak Hospital Sungai Buloh dalam tatacara pengurusan dan perawatan pesakit-pesakit tersebut. Kewujudan Jabatan Penyakit Berjangkit di Hospital Sungai Buloh telah menjadikan hospital ini sebagai pusat rawatan utama COVID-19 di Malaysia pada ketika itu. Justeru, semua lapisan warga kerja Hospital Sungai Buloh bersiapsiaga untuk menghadapi pandemik ini.

Hospital Sungai Buloh telah membuat keputusan proaktif dalam persiapan menghadapi COVID-19 dalam bulan Februari 2020, yang mencatatkan kemasukan pesakit COVID-19 seramai 159 orang. Pada mulanya, Hospital Sungai Buloh hanya menyediakan 28 katil di bangunan utama bagi tujuan rawatan pesakit COVID-19. Hospital ini kemudiannya telah diisytiharkan sebagai Hospital Khusus COVID-19 tiga hari sebelum COVID-19 diisytiharkan sebagai pandemik oleh WHO. Semua pesakit di wad-wad dan Klinik Pakar telah dipindahkan ke hospital-hospital lain dalam Selangor bagi meneruskan rawatan. Kerjasama yang telah diberikan oleh setiap hospital melancarkan lagi proses *decanting* tersebut. Selain daripada bangunan utama Hospital Sungai Buloh, Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN) dan Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) juga mula dibuka dengan kapasiti maksimum 1523 katil untuk menempatkan para pesakit COVID-19. Tambahan daripada itu, sebanyak 104 katil Unit Rawatan Rapi disediakan lengkap dengan peralatan terkini termasuk mesin bantuan pernafasan.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Bahagian Perkembangan Perubatan memantau secara langsung berkenaan pengurusan pesakit COVID-19. Pemantauan ini penting supaya segala bantuan yang diperlukan dapat disalurkan dengan cepat dan optimum. Antara bantuan-bantuan yang diperlukan adalah tenaga kerja, kewangan, PPE dan penambahbaikan fasiliti. KKM juga memerlukan data daripada Pusat Tindakan Kesiapsiagaan COVID-19 Hospital Sungai Buloh bagi tujuan pemantauan dan penyelidikan. Selain daripada itu, data tersebut juga digunakan untuk sidang media oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Pengurangan kes COVID-19 pada bulan Julai 2020 telah memberi peluang kepada Perkhidmatan Pembedahan dijalankan kembali dalam skala yang kecil. Walaupun perkhidmatan lain diaktifkan kembali, Hospital Sungai Buloh masih terus menerima pesakit COVID-19. Sejumlah 1119 kes COVID-19 telah dirawat antara bulan Julai dan September 2020.

Gelombang ketiga COVID-19 pada akhir bulan September 2020 menyaksikan peningkatan kes secara mendadak di seluruh Malaysia. Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS), Dato' Indera Shaari bin Ngadiman sekali lagi telah mengisytiharkan Hospital Sungai Buloh sebagai Hospital Khusus COVID-19 buat kali kedua. ILKKM juga telah dibuka semula dengan kapasiti yang lebih besar, iaitu sebanyak 3000 katil berbanding 1120 katil sebelumnya. Pada 18 November 2020, Pusat Kawalan Bersepadu COVID-19 Wilayah Tengah telah diwujudkan bagi penyelarasan penempatan para pesakit COVID-19 di Selangor, WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya. Pusat Kawalan ini diketuai oleh Dato' Indera Shaari bin Ngadiman dan dibantu oleh Dr. Sarah Shaikh Abdul Karim, Pakar Kecemasan Hospital Sungai Buloh. Kewujudan Pusat Kawalan ini telah memudahkan pergerakan para pesakit daripada pusat-pusat rawatan dan kuarantin dalam Wilayah Tengah.


COVID-19 telah memberikan kesan jangka panjang kepada sesetengah pesakit. Sehubungan dengan itu, Hospital Sungai Buloh turut mewujudkan program pemulihan multi-disiplin bagi pesakit-pesakit yang memerlukan rehabilitasi. Program ini diterajui oleh Jabatan Rehabilitasi yang diketuai oleh Dr. Akmal Hafizah dan disertai oleh beberapa jabatan lain seperti Jabatan Perubatan, Perubatan Neurologi, Perubatan Geriatrik, Jabatan Psikiatri & Kesihatan Mental dan Unit Terapi Carakerja. Program ini mendapat sambutan dan sokongan baik daripada Pakar Perubatan Respiratori dari Hospital Universiti Teknologi MARA yang bersama-sama menjayakan program ini.

Inisiatif Kerajaan Malaysia menangani COVID-19 melalui program immunisasi COVID-19 telah disambut baik oleh Pengurusan Tertinggi Hospital Sungai Buloh. Persediaan telah dilakukan sejak bulan Disember 2020 bagi memastikan program ini dapat berjalan lancar di peringkat Hospital. Seperti yang sedia maklum, kumpulan penerima daripada Fasa 1 ini melibatkan para petugas barisan hadapan yang berisiko tinggi merawat pesakit COVID-19. Bermula 26 Februari 2021, penerima pertamavaksin COVID-19 telah menerima suntikan pertama di Hospital Sungai Buloh. Pengurusan yang sistematik dan teratur telah membantu program ini berjalan dengan lancar dan mencapai misi dalam pemberian vaksin kepada semua petugas barisan hadapan yang berkhidmat di Hospital Sungai Buloh.


INFO-GRAFIK

Jumlah pesakit COVID-19 sehingga 31^{hb} Disember 2020 di Hospital Sungai Buloh: 33,118 (Jumlah Kebangsaan: 113,010)

Jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 di Hospital Sungai Buloh pada 31^{hb} Disember 2020: 3026 pesakit (Jumlah Kebangsaan:23,598)




Kadar Kematian Pesakit COVID-19 di Hospital Sungai Buloh sehingga 31^{hb} Disember 2020: 0.23% (Kadar Kebangsaan: 0.42%)



Jumlah dan Peratusan Kes Pembedahan di kalangan Pesakit COVID-19 di Hospital Sungai Buloh sehingga 31^{hb} Disember 2020: 144 pesakit (0.43%)

Taburan Katil Pesakit COVID-19 Di Fasiliti Hospital Sungai Buloh





**PENGURUSAN
PESAKIT
COVID-19
HOSPITAL
SUNGAI BULOH**

**"BERAT SAMA DIPIKUL,
RINGAN SAMA DIJINJING"**

PENGURUSAN PESAKIT COVID-19 DI HOSPITAL SUNGAI BULOH

PUSAT TINDAKAN KESIAPSIAGAAN COVID-19 HOSPITAL SUNGAI BULOH


Pengenalan

Pusat Tindakan Kesiapsiagaan COVID-19 Hospital Sungai Buloh ditubuhkan pada 9 Mac 2020, apabila Hospital Sungai Buloh diisytiharkan sebagai Hospital Khusus COVID-19 bagi Selangor sehari sebelumnya. Turut dikenali sebagai Crisis Preparedness Response Centre (CPRC), unit ini diselia oleh Pengarah Hospital, YBrs. Dr. Kuldip Kaur A/P Prem Singh dan diketuai oleh YBrs. Dr. Harsheila Binti Hasnan, Ketua Penolong Pengarah (Perubatan). Lokasi bilik operasi ini terletak bersebelahan dengan Pejabat Pengarah dan beroperasi secara 24 jam. CPRC dibubarkan untuk sementara waktu pada bulan Julai 2020 apabila Hospital Sungai Buloh bertukar status kepada Hospital Hibrid dan kembali beroperasi pada 2 Oktober 2020 semasa gelombang ketiga wabak COVID-19 melanda negara.




Statistik


Taburan Kemasukan Pesakit COVID-19 Mengikut Disiplin




Kapasiti Katil Pesakit COVID-19 Mengikut Fasiliti




Jumlah Pesakit COVID-19 di Unit Rawatan Rapi Mengikut Jenis Kemasukan



Kes Kematian COVID-19 Mengikut Penempatan Terakhir




Pesakit dihantar ke fasiliti lain (MAEPS & hospital-hospital lain)




Pesakit dihantar ke fasiliti lain (MAEPS & hospital-hospital lain)	AWAL COVID-19: JAN-FEB	FULLY COVID-19: MAC-JUN	HIBRID: JUL-SEP	FULLY COVID-19: OKT-DIS
	0	123	0	3040

Kemasukan Kes Harian COVID-19 Mengikut Tahap Penyakit



Warga Kerja Semasa COVID-19



	AWAL COVID-19: JAN-FEB	FULLY COVID-19: MAC-JUN	HIBRID: JUL-SEP	FULLY COVID-19: OKT-DIS
Pakar Perubatan	11	13	10	19
Pakar Rawatan Rapi	18	34	18	36
Pakar "O&G"	2	10	12	10
Pakar Kanak-kanak	7	7	8	6
Pakar Perubatan Kecemasan	13	13	13	12
Pegawai Perubatan HSgB	16	86	10	250
Pegawai Perubatan Mobilisasi	0	140	0	261
Pegawai Perubatan ICU	0	15	0	22
Pegawai Perubatan "O&G"	4	8	1	22
Pagawai Perubatan Kanak-kanak	28	28	31	27
Pegawai Perubatan Kecemasan	72	49	82	78
Jururawat	20	760	741	886
Penolong Pegawai Perubatan	65	112	112	209

Aktiviti

1. Menyelaras semua aktiviti dan tindakan yang berkaitan dengan isu COVID-19 di Hospital Sungai Buloh.
2. Mengumpul dan memantau semua maklumat dan data yang berkaitan dengan COVID-19 di Hospital Sungai Buloh, Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN) dan Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) Sungai Buloh.
3. Sebagai hab pengumpulan data COVID-19 :
 - 3.1 Data bilangan harian pesakit COVID-19 mengikut fasiliti
 - 3.2 Data senarai pesakit aktif COVID-19 di Hospital Sungai Buloh
 - 3.3 Data bilangan kemasukan harian pesakit COVID-19 berdasarkan kategori mengikut fasiliti
 - 3.4 Data bilangan discaj harian pesakit COVID-19
 - 3.5 Data pemindahan pesakit ke fasiliti pusat kuarantin.
 - 3.6 Data bilangan stok PPE.


- 3.7 Data bilangan kapasiti katil di setiap fasiliti
- 3.8 Data senarai kematian pesakit COVID-19
- 3.9 Data pesakit *End Stage Renal Failure* COVID-19
4. Mengadakan mesyuarat harian untuk membincangkan status, perkembangan, koordinasi dan pengurusan isu COVID-19 di Hospital Sungai Buloh.
 5. Mengemas kini dan menganalisis maklumat dan data mengenai COVID-19 di Hospital Sungai Buloh.
 6. Menyediakan dan mengedarkan laporan harian berserta data berkaitan pesakit COVID-19 di Hospital Sungai Buloh, PKKN dan ILKMM kepada CPRC Kementerian Kesihatan Malaysia, CPRC Jabatan Kesihatan Negeri Selangor dan pihak yang berkaitan.
 7. Mengumpul dan memantau maklumat dan data berkaitan semua jenis sumber termasuk sumber manusia, PPE, peralatan perubatan dan peralatan bukan perubatan, bekalan ubat, oksigen, reagen makmal patologi dan logistik yang mencukupi untuk pesakit COVID-19 di Hospital Sungai Buloh.
 8. Menyelaras pergerakan serta pemindahan pesakit-pesakit COVID-19 ke stesen/ pusat kuarantin luar setelah diluluskan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Selangor.

COVID-19 Response Unit Hospital Sungai Buloh


COVID-19 Response Unit (CRU) telah ditubuhkan pada bulan Oktober 2020 ketika gelombang ketiga COVID-19 melanda. Unit ini telah menggantikan tugas sekumpulan pakar perubatan yang secara sukarela membantu mengurus pergerakan Pegawai Perubatan sejak bulan Mac 2020. Tujuan utama penubuhan unit ini ialah untuk menyelaras pergerakan Pegawai Perubatan dalam perawatan pesakit COVID-19 di Hospital Sungai Buloh. Unit ini diterajui oleh YBrs. Dr. Mohd Hafizuddin Bin Azman sebagai Ketua Unit dan dibantu oleh YBrs. Dr. Izreen Binti Ramli sebagai Timbalan Ketua Unit. Mereka dibantu oleh 7 orang anggota daripada pelbagai perjawatan bagi melancarkan proses kerja di CRU. Penubuhan CRU ini selaras dengan arahan Pengarah Hospital untuk mengoptimumkan perkhidmatan perubatan dalam perawatan pesakit COVID-19 .



Statistik



Beban Kerja Di Luar HSgB



Gerak kerja CRU merangkumi dua aspek iaitu penyelarasan Pegawai Perubatan dan pengurusan sumbangan daripada pihak luar. CRU bekerjasama dengan Unit Penyeliaan, Unit Kejururawatan dan Bahagian Sumber Manusia bagi memudahkan penyelarasan Pegawai Perubatan sama ada di Hospital Sungai Buloh atau mobilisasi dari luar. Penyelarasan pergerakan Pegawai Perubatan ini merangkumi:

1. Mobilisasi Pegawai Perubatan daripada jabatan-jabatan di Hospital Sungai Buloh ke Jabatan Perubatan.
2. Bekerjasama dengan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) bagi mobilisasi Pegawai Perubatan daripada hospital di negeri Selangor dan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) lain ke Hospital Sungai Buloh.
3. Memenuhi keperluan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan JKNS bagi pergerakan anggota daripada Hospital Sungai Buloh ke pusat rawatan yang lain seperti mobilisasi ke Sabah dan MAEPS, Serdang.

Dengan wujudnya CRU, pergerakan Pegawai Perubatan menjadi lebih lancar dan tersusun. Penglibatan pihak pengurusan tertinggi Hospital Sungai Buloh dalam pengendalian CRU membantu mempercepatkan penyelesaian masalah berkenaan sumber manusia seperti kekurangan anggota dan masalah kebajikan anggota. Selain daripada itu, kewujudan unit ini dapat meringankan beban Jabatan Perubatan yang perlu menumpukan sepenuh perhatian dalam perawatan pesakit COVID-19 .

Pegawai Perubatan yang melapor diri perlu menjalani orientasi yang dianjurkan oleh CRU. Pelbagai topik yang dibincangkan oleh beberapa jabatan seperti Jabatan Perubatan, Unit Kawalan Infeksi, Jabatan Psikiatri, Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan lain-lain. Sesi orientasi ini sangat penting untuk memberi persediaan kepada Pegawai Perubatan untuk bertugas merawat pesakit COVID-19. Justeru, pegawai menjadi lebih yakin untuk merawat pesakit dan pesakit seterusnya mendapat perkhidmatan yang terbaik daripada Pegawai Perubatan.

Gelombang ketiga COVID-19 telah menarik minat ramai penyumbang untuk membantu anggota Hospital Sungai Buloh khususnya dan barisan hadapan amnya. Oleh yang demikian, terdapat keperluan untuk mewujudkan unit yang membantu mengurus sumbangan yang diterima. CRU bekerjasama dengan Bahagian Perolehan dan Aset bagi melancarkan pengurusan sumbangan mengikut tatacara yang ditetapkan oleh pihak kerajaan. Segala sumbangan yang diterima akan diberikan secara sama rata dan mengikut keperluan jabatan-jabatan.


JABATAN KECEMASAN DAN TRAUMA

Pengenalan

Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Sungai Buloh memberi perkhidmatan kecemasan 24 jam kepada penduduk sekitar Sungai Buloh dan beberapa kawasan yang berdekatan serta bertanggungjawab dalam melakukan penilaian awal, perawatan, penstabilan dan penempatan pembedahan dan perubatan kecemasan. Perkhidmatan yang diberikan adalah berdasarkan pelan perawatan yang menyeluruh termasuklah pengendalian prahospital, resusitasi, penstabilan dan pengurusan perawatan yang muktamad, pusat khidmat bersepadu (OSCC), dan pengendalian pasukan perubatan. Oleh kerana Hospital Sungai Buloh termasuk di dalam rangkaian kawasan Lembah Klang, Jabatan Kecemasan dan Trauma berfungsi sebagai pusat bantuan apabila berlaku bencana.




Statistik





*Data berkenaan 'mass triaging' hanya mula diperoleh pada akhir bulan November 2020

Jumlah Kemasukan Melalui Jabatan Kecemasan Mengikut Kategori Pesakit



Beban Kerja





Perkhidmatan dan Rawatan Kecemasan

Cabaran terbesar wabak COVID-19 kepada Jabatan Kecemasan dan Trauma pada peringkat awal adalah keperluan untuk mengembangkan protokol saringan dan sistem triaj yang dapat mengenalpasti pesakit berisiko. Untuk menangani peningkatan bilangan pesakit dan mengelakkan jangkitan bersilang kepada pesakit kecemasan yang lain, sebuah pusat saringan khusus telah siap dibina pada 1 Mac 2020 yang mengambil masa hanya 2 hari terletak di aras bawah Jabatan Kecemasan dan Trauma. Semenjak itu, semua pesakit yang mempunyai risiko COVID-19 telah disaring dan dirawat di pusat saringan tersebut.

Antara skop tugas utama pusat saringan ialah menyaring, mengambil sampel, melakukan notifikasi penyakit serta khidmat nasihat penjagaan di rumah dan melakukan stratifikasi risiko menggunakan mesin ultrasound (*lung ultrasound*) untuk mengetahui jumlah skor dan keadaan paru-paru pesakit sebelum dirujuk kepada pakar kecemasan atau pakar penyakit berjangkit. Jumlah tertinggi pesakit di pusat saringan adalah sewaktu gelombang COVID-19 pertama iaitu pada bulan Mac-Jun dan gelombang ketiga pada bulan Oktober-Disember 2020. Pesakit-pesakit yang didapati tidak stabil semasa proses saringan akan melalui proses resusitasi oleh pasukan kecemasan di khemah Isotent (negative pressure) yang mempunyai fasiliti setaraf dengan zon merah atau dipindahkan ke zon merah di Jabatan Kecemasan dan Trauma.

Semasa hospital di dalam fasa ‘Full Covid’ bulan Mac-Jun dan Oktober-Disember, kebanyakan pesakit yang dirawat di Jabatan Kecemasan dan Trauma adalah berkaitan COVID-19 positif dan “*Severe Acute Respiratory Illness*” (SARI). Tumpuan diberikan terhadap pembukaan saluran pernafasan dan proses pernafasan pesakit serta perawatan rapi kritikal seperti *awake prone positioning*, *emergency intubation*, dan penggunaan *high flow nasal cannula* serta aplikasi *point of care ultrasound*. Walaupun bertindak sebagai hospital ‘Full Covid-19’, rawatan pesakit bukan COVID-19 yang tidak stabil juga menjadi keutamaan di mana mereka diberikan rawatan kritikal yang sewajarnya sebelum dipindahkan ke fasiliti perubatan lain yang berdekatan. Antara cabaran terbesar di dalam perawatan pesakit bukan COVID-19 kritikal adalah peningkatan tempoh jangkamasa berada di zon pemerhatian Jabatan Kecemasan dan Trauma. Untuk memastikan perkhidmatan dan perawatan yang berkualiti kepada pesakit-pesakit ini, Jabatan kecemasan dan Trauma memperluaskan skop perkhidmatan sejajar dengan keperluan pesakit ‘in-patient’ kritikal memandangkan kekangan katil pesakit bukan COVID di hospital ini seperti ‘*icu bundle care*’, ‘*mechanical ventilator weaning*’, ‘*enteral/ nasogastric nutrition*’ dan juga bekerjasama dengan unit fisioterapi untuk pesakit trauma khususnya sebelum memperolehi katil di fasiliti yang berdekatan.

Kemunculan kluster-kluster COVID-19 pada akhir tahun 2020 menyaksikan peningkatan kemasukan pesakit ke hospital. Bagi mengurangkan pesakit di Jabatan Kecemasan dan Trauma, proses “*mass triaging*” telah dijalankan di mana pasukan kecemasan bergerak ke kawasan kluster bagi mengenalpasti dan merawat pesakit yang tidak stabil serta membuat saringan terhadap keseriusan penyakit setiap individu sebelum dimasukkan ke wad. Sejumlah 25,037 pesakit telah dikendalikan oleh pasukan kecemasan di pusat saingan dan melalui proses ‘*mass triaging*’ yang terdiri daripada pakar perubatan kecemasan, pegawai perubatan, penolong pegawai perubatan dan jururawat terlatih pada bulan Disember 2020.

Perkhidmatan Pra-Hospital (PHC)

Pesakit-pesakit COVID-19 kritikal yang telah diintubasi di fasiliti lain memerlukan penjagaan rapi dan strategi pemindahan yang selamat ke Hospital Sungai Buloh. Oleh yang demikian, pasukan PHC Hospital Sungai Buloh terus memperkembangkan skop perkhidmatan melibatkan servis pasukan ‘retrieval isopod’ bagi memenuhi keperluan pemindahan antara fasiliti bagi pesakit-pesakit COVID-19 kritikal tersebut. Isopod merupakan teknik pemindahan dimana pesakit dimasukkan ke dalam ‘flexible plastic grommet’ untuk mengurangkan risiko virus transmisi. Ahli pasukan ‘retrieval isopod’ terdiri daripada pakar perubatan kecemasan, pegawai perubatan, penolong pegawai perubatan dan jururawat terlatih di Jabatan Kecemasan Hospital Sungai Buloh. Jadual 4 di bawah meringkaskan jumlah kes ‘retrieval isopod’ yang dikendalikan oleh pasukan PHC sepanjang tahun 2020.

Jumlah panggilan kecemasan yang diterima oleh MECC Hospital Sungai Buloh adalah sebanyak 35911. Secara umumnya, semua panggilan kecemasan 999 akan diterima oleh kakitangan yang terlatih di Medical Emergency Coordination Centre (MECC). Semua

panggilan kecemasan 999 samada berkaitan COVID-19 atau bukan COVID-19 akan diteliti dan dikendalikan mengikut protokol yang telah ditetapkan. Berdasarkan kriteria, pasukan perkhidmatan perubatan kecemasan (EMS) bergerak pantas ke lokasi untuk menganalisa keadaan pesakit, melakukan saringan, memberi perawatan kecemasan dan membawa pesakit ke fasiliti yang bersesuaian.

Selain itu, Jabatan Kecemasan dan Trauma juga bertanggungjawab menjalankan perkhidmatan interfasiliti iaitu pemindahan pesakit yang kritikal dari Hospital Sungai Buloh ke fasiliti perubatan yang lain oleh pasukan CPERT (*Critical Patient Emergency Rapid Transfer*). Antaranya, pesakit jantung yang memerlukan perawatan *Percutaneous Coronary Intervention* (PCI) telah dihantar oleh pasukan CPERT jabatan kecemasan ke fasiliti yang mempunyai kepakaran jantung seperti UITM Sg Buloh, Hospital Serdang dan Institut Jantung Negara (IJN). Jumlah pesakit yang memerlukan CPERT servis pada tahun 2020 adalah banyak 128 kes di mana bulan Mei telah mencatatkan rekod aktivasi CPERT yang tertinggi iaitu sebanyak 20 kes.

Jabatan Kecemasan dan Trauma juga memainkan peranan penting dalam memastikan pesakit-pesakit COVID-19 ditempatkan di fasiliti yang mempunyai kepakaran dan perkhidmatan yang bersesuaian dengan kategori pesakit. Semasa COVID-19, Hospital Sungai Buloh berfungsi sebagai pusat rawatan utama COVID-19 bagi pesakit yang tidak stabil manakala fasiliti yang lain seperti PKKN, ILKKM, MAEPS dan HRC Cheras berfungsi sebagai fasiliti ‘step-down’ bagi pesakit yang stabil. Bagi memudahkan kemasukan pesakit-pesakit ke fasiliti yang bersesuaian, pasukan PHC telah bekerjasama dengan pasukan kecemasan dari fasiliti yang lain untuk menjalankan proses “*mass triaging*” di lokasi luar dari hospital/ fasiliti perubatan. Bagi melancarkan proses kemasukan pesakit COVID-19 ke fasiliti yang telah ditetapkan, unit PHC Hospital Sungai Buloh telah bekerjasama erat dengan pelbagai agensi dan juga pasukan yang mengendalikan pergerakan pesakit COVID-19 di Lembah Klang berpusat di Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS).

Sumber Manusia

Selaras dengan pertambahan skop perkhidmatan Jabatan Kecemasan dan Trauma sewaktu wabak COVID-19 ini, bilangan kakitangan di jabatan juga berubah berdasarkan keperluan jabatan yang juga diguna sama di peringkat hospital berdasarkan keperluan kritikal. Bilangan kakitangan di Jabatan Kecemasan dan Trauma telah dimobilisasikan mengikut keperluan dan keutamaan perkhidmatan. Antaranya adalah kakitangan yang ditempatkan untuk pelaksanaan tugas di pusat saringan COVID-19, “*mass triaging*” pesakit kluster COVID-19, pasukan ‘retrieval isopod’ kod biru aktivasi di fasiliti “step-down” di Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN) dan Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM). Sebilangan besar juga ditugaskan untuk menjalankan pemindahan pesakit ‘interfasiliti’ dan kes-kes diversion pra-hospital ke fasiliti yang lain memandangkan hospital Sungai Buloh tidak mempunyai katil untuk menempatkan pesakit-pesakit bukan COVID-19.

Rumusan

Sepanjang tahun 2020, Jabatan Kecemasan dan Trauma sentiasa bersedia untuk melakukan penambahbaikan dan menyusun semula operasi dan organisasi mengikut keperluan wabak COVID-19 melalui komunikasi antara jabatan, peringkat hospital dan negeri berdasarkan keadaan dan keperluan pesakit Jabatan Kecemasan dan trauma. Pertambahan skop perkhidmatan mengikut keperluan semasa yang merangkumi pra-hospital, pusat saringan dan jabatan telah dilaksanakan dan sentiasa dipantau dan ditambah baik untuk memastikan semua pesakit khususnya pesakit kritikal berpeluang menerima akses perkhidmatan kecemasan samada kes COVID-19 atau bukan COVID-19. Peluang dan cabaran menghadapi pandemik COVID-19 memberikan suatu pengalaman dan nilai yang amat berharga di samping dapat membantu Jabatan Kecemasan dan Trauma mempertingkatkan kualiti, inovasi dan mutu perkhidmatan ke peringkat yang tidak pernah dijangkakan sebelum ini. Ini juga dapat dilihat dengan kelancaran kerja dan persiapan jabatan semasa gelombang kedua dan ketiga COVID-19 sehinggalah sekarang.

Keseluruhannya, pengurusan pesakit telah dilaksanakan dengan pendekatan yang menyeluruh bagi menjamin kebajikan pesakit, akses kepada rawatan dan kualiti perawatan. Semua ini dapat dilaksanakan hasil daripada kerjasama yang erat di antara jabatan di hospital dan jabatan-jabatan kecemasan dari fasiliti sekeliling ditambah padu dengan sokongan daripada pentadbiran hospital dan agensi-agensi lain. Kerjasama berpasukan yang jitu dan semangat yang tidak pernah luntur dari semua lapisan kakitangan jabatan di setiap waktu merupakan tonggak utama di dalam mengharungi pelbagai cabaran pahit manis yang seterusnya membuahkan hasil yang diamanahkan. Pemantauan yang berterusan dan perbincangan dari masa ke semasa di setiap lapisan pengurusan masih diteruskan dalam usaha memastikan Jabatan Kecemasan dan Trauma sentiasa bersedia menghadapi pelbagai keadaan di setiap masa.

JABATAN PERUBATAN

Pengenalan


Jabatan Perubatan merupakan salah sebuah jabatan yang agak aktif dengan pengurusan perawatan pesakit dalam dan pesakit luar di Hospital Sungai Buloh. Jabatan ini termasuk Unit Penyakit Berjangkit, yang merupakan pusat rujukan bagi penyakit berjangkit kebangsaan dan juga pusat latihan subkepakaran penyakit berjangkit.

Pada tahun 2020, Hospital Sungai Buloh telah bertukar status sebanyak 2 kali daripada hospital hibrid kepada hospital COVID-19 sepenuhnya. Semasa pertukaran kali pertama pada Februari 2020, pihak kami telah memindahkan pesakit dalam dari Hospital Sungai Buloh ke hospital berhampiran termasuk pesakit rawatan kecemasan. Pada Oktober 2020, perubahan dilakukan secara berperingkat-peringkat dengan memindahkan pesakit daripada Jabatan Kecemasan.


Walau bagaimanapun, Jabatan Perubatan terus mengekalkan wad perubatan di MAW. Perkara ini bertujuan untuk menampung pesakit SARI yang bukan COVID-19 dan pesakit yang telah selesai rawatan COVID-19 tetapi masih tidak selamat untuk discaj.




Statistik



Rawatan Harian



Warga Kerja



Sebagai tambahan kepada kerja klinikal, Jabatan Perubatan turut terlibat dalam penyelidikan dengan kerjasama CRC dan Jabatan Farmasi. Kami merupakan pusat penyelarasan untuk pengumpulan data 6,000 orang pesakit pertama di negara ini dan kajian ini diterbitkan pada bulan November 2020. (Sim, Benedict Lim Heng, et al. "Karakteristik Klinikal dan Faktor Risiko untuk Jangkitan COVID-19 yang teruk di Malaysia. : Kajian Pemerhatian di Seluruh Negara. "Kesihatan Lancet Regional - Pasifik Barat, Jilid 4, 2020, hlm. 100055.).

Hospital Sungai Buloh juga telah banyak terlibat dalam pembentukan garis panduan rawatan nasional mengenai pengurusan COVID-19 dan kerap mengadakan sesi pembelajaran untuk doktor di sektor swasta dan juga awam. Secara ringkasnya, Jabatan Perubatan telah memainkan pelbagai peranan penting sepanjang tahun 2020.

JABATAN ANAESTHESIOLOGI DAN RAWATAN RAPI



Pengenalan

Pandemik COVID-19 , juga dikenali sebagai pandemik koronavirus ialah wabak penyakit koronavirus 2019 yang merebak secara global berpunca daripada koronavirus sindrom pernafasan akut teruk (SARS-CoV-2). Wabak ini pada mulanya dikesan pada pertengahan Disember 2019 di Bandaraya Wuhan, Hubei, China iaitu jangkitan Coronavirus 2019 (2019-nCoV).


Virus ini kebanyakannya menular antara seseorang dengan cara yang serupa dengan influenza, melalui titisan pernafasan daripada batuk atau bersin. Virus ini dianggap paling mudah berjangkit apabila seseorang menerima tanda gejala, walaupun penyebarannya mungkin sebelum gejala muncul. Masa antara pendedahan dan permulaan gejala biasanya lima hari, tetapi mungkin berkisar antara 2 hingga 14 hari. Gejala umum termasuklah demam, batuk, dan sesak nafas. Komplikasi mungkin termasuk radang paru-paru dan sindrom kesukaran pernafasan akut. Pada masa ini, tiada vaksin atau rawatan antiviral yang khusus. Usaha terdiri daripada pengurangan simptom dan terapi sokongan. Langkah-langkah pencegahan yang disyorkan termasuk membasuh tangan, menutup mulut apabila batuk, mengekalkan jarak 1 meter dari orang lain (terutamanya mereka yang tidak sihat), dan pemantauan dan pengasingan diri selama 14 hari untuk orang yang disyaki.




Statistik



Penggunaan Alat Bantuan Pernafasan



Warga Kerja



B I L	UNIT	NO. OF BEDS
1	ICU COVID - ICU West Wing	24
2	ICU COVID – Unit Rawatan Rapi Jantung (CCU)	8
3	ICU COVID –Burn Unit (3A)	10
4	ICU COVID - ICU East Wing	18
5	MAW	12
6	Day care (OT)	14
7	Recovery OT	18
Jumlah katil		104

No	ASSET	ANALES ASSET AVAILABLE	Asset acquisition non COVID-19	Asset acquisition COVID-19	TOTAL	MAW	CCU	BURN	GOT	DCOT
1.	BIPAP VISION V60	13			13					
2.	BLANKET WARMER MACHINE	17		24	41					
3.	BRONCHOSCOPES FLEXIBLE	1		2	3					
4.	CHEST COMPRESSION	1			1					
5.	DEFIBRILLATORS	7		2	9					
6.	DVT VEINFLOW	22		19	41					
7.	ELECTROCARDIOGRAPHS	4		2	6					
8.	FEEDING PUMP	24		26	50					
9.	HFNC			5	5					
10.	FLUID WARMER/PLASMA	4			4					
11.	GA MACHINE	21	3		24					
12.	PORTABLE MONITOR	6		5	11					
13.	CRRT MACHINE	2		4	6					
14.	SLAD MACHINE	3			3					
15.	PATIENT MONITOR (BEDSIDE)	42		52	94	10		8	18	14
16.	SYRINGE PUMP	240		284	524	72	34		108	70
17.	SYRINGE PUMP (PCA)	10			10					
18.	TCI PUMP	7		3	10					
19.	TRANSPORT VENTILATORS	8		4	12					
20.	ULTRASOUND	3		2	5					
21.	C-MAC VIDEO LARYNGOSCOPE			4	4					
22.	GLIDE SCOPE GO-PRO	1		1	2					
23.	VENTILATOR	70		70	140					
24.	VOLUME METRIC PUMP(VP7)	47		65	113		15		36	14
25.	ICU BED	42		51	93	6	3	5	18	14
26.	RIPPLE MATTRESS	18		68	68					
27.	CARDIAC TABLE	10		20	30					
28.	PROCEDURE TROLLEY	20		54	74					
29.	DRESSING TROLLEY	15		30	45					
30.	TROLLEY BOX EXTUBATION	6		20	20					

COVID-19 merupakan penyakit yang baru yang berasal dari Wuhan, China. Penyebaran penyakit ini sangat pantas sehingga Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengumumkan penyakit ini sebagai pandemik. Pada permulaannya, semua kes dirawat di Hospital Sungai Buloh. Namun akibat terlalu banyak kes penyakit tersebut, kerajaan telah mengambil inisiatif untuk menyediakan sebuah hospital/pusat perubatan bagi setiap negeri untuk merawat penyakit ini.

Wabak COVID-19 telah mengejutkan seluruh dunia dengan kewujudannya, ditambah pula dengan masalah utama dalam merawat penyakit ini ialah tiada sebarang ubat-ubatan dan rawatan spesifik.

Unit rawatan rapi (ICU) Hospital Sungai Buloh telah mula menerima dan merawat pesakit COVID-19 pada bulan Mac 2020. Pesakit tersebut memerlukan bantuan pernafasan dan bilik isolasi khas dan telah ditempatkan di salah satu ICU. Rawatan terhadap pesakit COVID-19 mempunyai cabarannya yang tersendiri kerana tiada sebarang kajian dan data yang dapat dilakukan terhadap penyakit tersebut. Walau bagaimanapun, pakar perunding Unit Rawatan Rapi (Intensivist), berjaya merawat pesakit-pesakit COVID-19 di Hospital Sungai Buloh. Kerjasama antara beberapa jabatan telah membantu dalam merawat penyakit yang penuh misteri ini.

Namun demikian, penyakit ini mula menjadi isu paling serius di negara ini ekoran gelombang keduanya yang turut mencatatkan kematian yang tinggi di Malaysia pada pertengahan Mac 2020. Peningkatan bilangan pesakit yang mendadak telah menyebabkan pembukaan daripada hanya satu ICU ke 4 unit ICU yang lain di Hospital Sungai Buloh termasuk ICU East Wing, ICU West Wing, CCU dan Burn Unit.

Peningkatan bilangan pesakit telah menyebabkan staf yang merawat pesakit mengalami kepenatan dan stres. Pakar perubatan anaesthesiologi, pegawai perubatan dan jururawat daripada hospital seluruh Malaysia telah datang membantu meringankan beban kerja staf.

Kerajaan mengambil tindakan untuk mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung wabak COVID-19 daripada terus merebak. Inisiatif tersebut telah membantu mengurangkan bilangan pesakit COVID-19 seterusnya mengurangkan bilangan pesakit yang memerlukan rawatan di ICU. Pada penghujung bulan Julai 2020, ICU telah mula membuka operasi mereka sebagai hibrid dengan menerima pesakit selain pesakit COVID-19 .

Gelombang ketiga muncul pada bulan September. Pada kali ini, pihak ICU lebih bersedia dalam penerimaan pesakit COVID-19 berdasarkan pengalaman yang diperolehi daripada merawat pesakit COVID-19 pada gelombang pertama dan kedua.

PUSAT KAWALAN KUSTA NEGARA (PKKN)

Pengenalan


Hospital Sungai Buloh telah diwartakan sebagai hospital *Fully COVID-19* pada 9 Mac 2020 buat pertama kalinya dan buat kali kedua pada 17 Oktober 2020. Pada 2 Julai 2020, Hospital Sungai Buloh diwartakan sebagai hospital hibrid yang menerima pesakit COVID-19 dan bukan COVID-19 .

PKKN kini diubah suai untuk perawatan pesakit COVID-19 di bahagian:

1. Barat –
 - 1.1 line A : wad 27-39 (240 katil + 27 cot bed)
 - 1.2 line B : wad 48-57 (214 katil)
 - 1.3 JKR 43 (50 katil)
2. Timur – wad 86-91 (5 wad) (121 katil), Wad 90 dijadikan *nurse base*
3. *Communal Home* – dewan makan (31 katil), pejabat (40 katil), Dewan Serbaguna dijadikan *nurse base*



Statistik



Perkhidmatan Yang Disediakan

1. Unit Pengurusan (termasuk *Covid Respond Unit* dan unit Pemandu)
2. Unit Kejururawatan
3. Unit Penyeliaan
4. Unit Pengurusan Katil (*Bed Management Unit*)
5. Penjagaan pesakit dalam wad (Lelaki & Perempuan)

Perkhidmatan Lain Di PKKN

- 1) Unit Dietetik & Sajian
- 2) Unit Farmasi
- 3) Unit Radiologi
- 4) Perkhidmatan Sokongan Radicare
- 5) Perkhidmatan Pengawal Keselamatan

PKRC INSTITUT LATIHAN KKM

Pengenalan

Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) yang terletak bersebelahan dengan Hospital Sungai Buloh, merupakan sebuah pusat latihan bagi hampir 3,000 orang pelajar. Asrama pelajar ILKKM yang terletak kira-kira 5 minit dari hospital terdiri daripada 8 buah blok (A, B, C, D, E, F, G dan H) dengan jumlah 163 buah bilik di setiap blok dan kapasiti dua buah katil di setiap bilik. Berdasarkan kemampuan untuk menampung kapasiti pesakit sehingga 3,600 orang, asrama ILKKM telah dijadikan sebagai Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) untuk menampung bilangan pesakit yang semakin meningkat.

Pada 17 Mac 2020, perbincangan pertama telah diadakan antara Hospital Sungai Buloh dengan beberapa pihak seperti Bahagian Pengurusan Latihan, pengurusan tinggi ILKKM dan Radicare Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) untuk pembukaan fasiliti berkenaan sewaktu gelombang pertama (kluster tabligh) pandemik COVID-19 yang melibatkan 4 blok asrama ILKKM (Blok E, Blok F, Blok G, dan Blok H). Hasil perbincangan memutuskan bahawa asrama pelajar di ILKKM akan dijadikan pusat rawatan bagi pesakit Kategori I dan II. Sebelum menerima kemasukan pesakit, PKRC ILKKM telah diubah suai dan dinaik taraf dalam tempoh seminggu, dengan penambahbaikan dan pengubahsuaian kecil di setiap blok dilakukan untuk memanfaatkan penggunaan sepenuhnya kesemua 8 buah blok ini. PKRC ILKKM Sungai Buloh ini dibuka secara berfasa di mana fasa pertama dimulakan dengan kapasiti 600 katil di 2 buah blok (Blok A dan Blok C) dan ditambah secara berperingkat-peringkat mengikut keperluan. PKRC ILKKM Sungai Buloh seterusnya beroperasi semula pada 12 Oktober 2020 dengan kemasukan pesakit positif COVID-19 bukan warganegara Malaysia seramai 60 orang di Blok C.

Pengoperasian PKRC ILKKM Sungai Buloh

BLOK A,B,C,D,E,F

Pada awalnya blok – blok ini dijadikan sebagai blok bagi menempatkan pesakit lelaki bukan warganegara. Berikutan peningkatan kes positif secara mendadak, maka terdapat keperluan untuk mengoptimumkan penggunaan bilik di PKRC ILKKM daripada 2 buah katil di dalam 1 bilik kepada 3 buah katil di dalam 1 bilik. Ini menjadikan jumlah keseluruhan pesakit yang boleh ditampung di setiap blok adalah seramai 450 orang pesakit. Setelah pembukaan PKRC MAEPS secara rasmi, pesakit lelaki bukan warganegara telah dipindahkan ke PKRC MAEPS. Blok A dan Blok C dijadikan sebagai blok yang menempatkan pesakit perempuan warganegara Malaysia, manakala Blok B,D,E dan F digunakan untuk menempatkan pesakit lelaki warganegara Malaysia. Jumlah penggunaan katil dijadikan semula kepada 2 katil di dalam 1 bilik bagi keselesaan pesakit warganegara Malaysia dan ini menjadikan jumlah keseluruhan pesakit yang boleh ditampung oleh Blok A,B,C,D,E dan F adalah 300 orang pesakit di setiap blok.

BLOK G & BLOK H

Blok G dan H dijadikan blok stand by bagi memberi ruang PKRC MAEPS untuk menerima kemasukan sepenuhnya bagi pesakit lelaki bukan warganegara Malaysia. Berikutan peningkatan kes melibatkan pesakit bukan warganegara Malaysia, maka PKRC ILKKM terpaksa

mengoptimumkan penggunaan bilik di blok tersebut dengan memaksimumkan jumlah katil kepada 4 buah katil di dalam 1 bilik dan menjadikan jumlah keseluruhan pesakit yang boleh ditampung di setiap blok G dan blok H adalah seramai 600 orang pesakit. Pengoperasian Blok G dan H ialah sehingga PKRC MAEPS boleh menerima kemasukan sepenuhnya untuk kes pesakit bukan warganegara Malaysia.

Sepanjang tempoh pembukaan PKRC ILKKM Sungai Buloh dari 12 Oktober 2020 sehingga 31 Januari 2021, jumlah keseluruhan pesakit yang telah menerima rawatan di PKRC ILKKM Sungai Buloh ialah seramai 22,293 orang. Penutupan PKRC ILKKM Sungai Buloh telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Proses dekontaminasi setiap blok di PKRC ILKKM Sungai Buloh telah berjaya dilaksanakan oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat dari Bukit Jelutong, Shah Alam pada 15 Januari 2021 (Blok D, Blok E, Blok F, Blok G, dan Blok H) dan pada 3 Februari 2021 (Blok A, Blok B, dan Blok C). Aset-aset daripada setiap blok di PKRC ILKKM Sungai Buloh telah dipulangkan kepada jabatan atau unit asal aset tersebut. Pembukaan PKRC ILKKM Sungai Buloh 2.0 tidak melibatkan sebarang proses perolehan yang khusus memandangkan aset-aset tersebut merupakan asset -aset daripada proses perolehan darurat sewaktu gelombang pertama dan pembukaan PKRC ILKKM Sungai Buloh 1.0. Semasa pembukaan PKRC ILKKM Sungai Buloh 2.0 juga, peralatan telah dipinjam daripada klinik – klinik pakar dan wad untuk sementara waktu. Pihak JKNS juga turut melakukan pinjaman peralatan perubatan daripada hospital – hospital yang berdekatan. Peralatan bukan perubatan pula seperti bantal, cermin, dan katil kanvas, telah diuruskan oleh pihak JKNS. Setelah pengurangan pesakit di PKRC ILKKM Sungai Buloh, peralatan yang disediakan oleh pihak JKNS telah dihantar ke MAEPS berikutan peningkatan keperluan penggunaan di sana.


BLOK	BILANGAN KATIL	PENAMBAHAN KATIL (CANVAS BED)	CATATAN
BLOK A	300	150	Penambahan untuk Bukan Warganegara
BLOK B	300	150	
BLOK C	300	150	
BLOK D	300	150	
BLOK E	300	150	
BLOK F	300	150	
BLOK G	300	300	
BLOK H	300	300	
JUMLAH	2400	1500	

Sumber Manusia


Sewaktu pembukaan PKRC ILKKM, kakitangan yang bertugas merupakan warga Hospital Sungai Buloh yang dimobilisasi daripada klinik – klinik pakar. Seramai 15 orang kakitangan Klinik Pakar yang terdiri daripada Klinik Ortopedik, Klinik Bedah Plastik, Klinik

Oftalmologi, Klinik ENT dan Klinik Neurologi. Bantuan daripada Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) tiba secara berperingkat-peringkat mengikut penambahan blok yang dibuka. Antara hospital di Selangor yang turut terlibat untuk membantu ialah Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Hospital Selayang, Hospital Serdang, Hospital Ampang, Hospital Banting, Hospital Shah Alam, Hospital Kuala Kubu Bharu, Hospital Tanjung Karang, Hospital Tengku Ampuan Jamaah dan Hospital Kajang. PKRC ILKKM juga turut menerima bantuan daripada Jabatan Kesihatan Negeri selain daripada Selangor, antaranya Kedah, Terengganu, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pengambilan Penolong Pegawai Perubatan secara kontrak (COS) juga merupakan pendekatan bagi bantuan PKRC ILKKM dan pengambilan mereka merupakan secara berfasa berdasarkan keperluan semasa. Penerimaan bantuan daripada agensi luar yang lain turut terlibat antaranya paramedik daripada Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Statistik



Warga Kerja



■ Pegawai Perubatan (COVID)	0	48	0	100
■ Jururawat	0	55	0	55
■ Pembantu Pegawai Perubatan	0	112	0	305



Keadaan bilik di PKRC ILKCM



Tempat penerimaan pesakit



Tempat kakitangan bekerja



Penerimaan bantuan daripada ATM



Perpindahan pesakit ke MAEPS



Taklimat perjalanan PKRC ILKKM



Penyediaan peralatan PKRC ILKKM



Proses kontiminasi PKRC ILKKM



JABATAN PAEDIATRIK

Pengenalan


Pesakit COVID-19 pediatrik pertama dari Wuhan, China telah ditempatkan di wad 4C. Untuk melancarkan perawatan yang perlu diberikan kepada pesakit tersebut, Jabatan Pediatrik telah membentuk satu pasukan yang terdiri daripada Pakar Pediatrik, Pegawai Perubatan serta Jururawat Terlatih. Mereka telah ditugaskan secara bergilir-gilir untuk menjaga pesakit pediatrik di wad-wad yang telah dijadikan wad COVID-19. Bagi kes NICU pula, sejarah kemasukan bayi COVID-19 yang pertama ke wad NICU ialah pada 6 Mac 2020 yang berusia 14 hari. Bayi berkenaan dimasukkan melalui Jabatan Kecemasan dan Trauma di mana ibu bayi merupakan kontak rapat dengan kluster tabligh Sri Petaling. Kini, wad 8C telah dibuka kembali sebagai wad COVID-19 untuk kes Pediatrik dan keluarga dengan kapasiti 32 buah katil manakala untuk NICU ialah sebanyak 20 buah katil.




Statistik



Rawatan Harian Pediatrik



Warga Kerja



FASA	Mobilisasi Warga Kerja HSgB
AWAL COVID-19: JAN-FEB	Tiada
FULLY COVID-19: MAC-JUN	7 orang jururawat NICU telah dimobilisasikan ke Hospital Selayang, Serdang dan Shah Alam kerana mengandungi dan juga ada co morbid.
HIBRID: JUL-SEP	Tiada
FULLY COVID-19: OKT-DIS	Tiada

Sepanjang tempoh pandemik COVID-19, prosedur transfusi darah untuk pesakit thalasemia telah dijalankan di Klinik Pediatrik setiap hari bermula 20 Mac 2020 sehingga 28 Julai 2020 seramai 4 pesakit setiap hari.

Staf yang co-morbid dan mengandungi dipindahkan ke luar dari NICU. 7 orang staf yang mengandungi diberi penempatan ke hospital *Non Covid* di sekitar Selangor. Hospital yang terlibat seperti Hospital Selayang dan Hospital Serdang semasa gelombang pertama dan kedua sementara semasa gelombang ketiga tiada mobilisasi ke hospital luar.

JABATAN OBSTETRIK DAN GINEKOLOGI

Pengenalan

Hospital Sungai Buloh merupakan hospital tertiar di negeri Selangor. Pada tahun-tahun sebelum 2020, hospital ini telah menunjukkan kadar kelahiran tertinggi bagi negeri Selangor. Kemunculan wabak COVID-19 di Malaysia pada awal tahun 2020 telah memberi impak yang besar ke atas pengendalian Hospital Sungai Buloh.

Pada 18 Mac 2020, Hospital Sungai Buloh telah diwartakan sebagai hospital khusus COVID-19, di mana kesemua pesakit yang dirawat di hospital ini ialah pesakit yang disyaki dijangkiti COVID-19 ataupun mereka yang disahkan positif.


Dengan pengurangan jumlah kes pada suku ketiga tahun 2020, Jabatan O&G Hospital Sungai Buloh telah beroperasi secara hibrid, di mana pesakit-pesakit bukan COVID-19 ataupun COVID-19 juga diterima untuk perawatan. Namun begitu, gelombang ketiga pada pada suku keempat tahun 2020 telah memaksa penukaran status Hospital Sungai Buloh kembali kepada hospital khusus COVID-19 pada 2 Oktober 2020.

Sejajar dengan arahan Kementerian Kesihatan Malaysia, pembedahan elektif juga telah ditangguhkan. Pesakit yang memerlukan pembedahan segera (tetapi bukan kecemasan) telah dirujuk kepada hospital lain mengikut keperluan dan kawasan liputan. Walau bagaimanapun, meskipun status hospital telah ditukarkan kepada Hospital Khusus COVID-19, klinik pesakit luar Jabatan O&G masih menerima pesakit-pesakit bukan COVID-19, tetapi dengan jumlah yang telah dikurangkan.




Statistik


Kemasukan Pesakit O&G Mengikut Fasilitas




Pesakit Luar Di Klinik O&G Mengikut Fasilitas




Pembedahan (Non-COVID-19) Ginekologi, *Full Paying Patient* dan Rawatan Harian




Pembedahan Obstetrik



Jumlah Kelahiran





Krisis COVID-19 merupakan krisis yang terbesar setakat ini yang menyebabkan gangguan kepada penyampaian perkhidmatan O&G di Hospital Sungai Buloh. Selama ini, dengan kadar kelahiran tahunan yang melebihi 12 ribu setiap tahun, penukaran status Hospital Sungai Buloh kepada Hospital Khusus COVID-19 telah memberikan impak yang sangat besar kepada Jabatan O&G dan setiap hospital non-Covid di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan yang terpaksa memberikan ruang dan bantuan kepada pesakit kami yang ramai.

Walau bagaimanapun, setelah mengalami 3 gelombang, Jabatan O&G secara keseluruhannya telah dapat menyesuaikan diri dengan keadaan 'Norma Baru' serta mendapat kerjasama yang baik daripada Ketua-ketua Jabatan O&G di seluruh negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Akhir kata, kerjasama ini diharapkan dapat diteruskan untuk masa akan datang.

JABATAN RADIOLOGI

Pengenalan

Hospital Sungai Buloh merupakan antara hospital pertama yang menempatkan pesakit COVID-19 dan Jabatan Radiologi memainkan peranan penting sebagai petugas barisan hadapan dan terlibat secara langsung dalam perawatan pesakit COVID-19 bermula pada pertengahan bulan Januari 2020. Jabatan Radiologi terlibat dengan perkhidmatan radiografi am mudah gerak (mobile x-ray) di wad-wad dan Jabatan Kecemasan, diikuti dengan perkhidmatan CT-Scan, Ultrasound dan Radiologi Intervensi (IR).



1: Juru x-ray sedang melakukan pemeriksaan mudah gerak x-ray ke atas pesakit COVID-19 di wad, HSqB.



2: Juru x-ray sedang melakukan pemeriksaan mudah gerak x-ray ke atas pesakit COVID-19 di wad 57, PKKN.






3: Juru x-ray sedang melakukan pemeriksaan CT-Scan untuk pesakit COVID-19 di Jabatan Utama, Jabatan Radiologi.



4: Pasukan angiografi sedang melakukan prosedur *Catheter Directed Pulmonary Thrombectomy* untuk pesakit COVID-19 di Angiography Suite, Jabatan Radiologi.

Statistik





Perkhidmatan & Rawatan Yang Disediakan Untuk Pesakit COVID-19

Perkhidmatan Radiologi Mudah Gerak (Mobile X-Ray)

Perkhidmatan Radiologi Mudah Gerak dengan menggunakan mesin x-ray jenis mobile untuk penghasilan x-ray dada terutamanya bagi pesakit COVID-19 yang ditempatkan di wad-wad Hospital Sungai Buloh.

Perkhidmatan ini diperluaskan juga di Wad 57, Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN) apabila terdapat juga pesakit COVID-19 ditempatkan di sana. Berikutan susuna atur dan lokasi wad-wad di PKKN, maka penggunaan mesin jenis mobile di setiap wad tidak digalakkan atas faktor jarak dan permukaan tanah yang tidak rata. Sebuah bilik khas di wad disediakan dan semua pemeriksaan x-ray dilakukan di bilik tersebut.

Perkhidmatan Radiologi Mudah Gerak digunakan kerana pesakit COVID-19 tidak dibenarkan ke Jabatan Utama untuk pemeriksaan x-ray bagi tujuan kawalan jangkitan COVID-19 yang lebih berkesan.

Pemeriksaan ini dilakukan oleh juru x-ray. Laporan x-ray akan disediakan oleh Pakar Radiologi dan dibantu oleh Pegawai Perubatan Radiologi.

Pemeriksaan bedside Ultrasound/Doppler

Pemeriksaan bedside Ultrasound (US) dilakukan oleh Pakar Radiologi dan dibantu oleh Pegawai Perubatan Radiologi di wad. Pemeriksaan yang biasa dijalankan adalah US Thorax, US Abdomen dan US guided Drainage.

Perkhidmatan US dilakukan di wad supaya pesakit tidak perlu dibawa ke Jabatan Utama bagi tujuan kawalan jangkitan COVID-19.

Computed Tomography Scan (CT-Scan)

Pemeriksaan CT-Scan dijalankan di Jabatan Utama, Hospital Sungai Buloh dan pesakit akan dibawa ke Jabatan Utama bagi menjalankan pemeriksaan CT-Scan. Antara contoh pemeriksaan CT-Scan yang kerap dijalankan ialah seperti pemeriksaan HRCT Thorax, CT Thorax, CT PA, CT Brain dan sebagainya.

Dengan adanya perkhidmatan CT-Scan, komplikasi jangkitan paru-paru oleh COVID-19 serta masalah-masalah lain dapat dikenal pasti dengan lebih tepat untuk tujuan rawatan yang seterusnya.

CT Scan di Jabatan Utama (Siemens 16) digunakan untuk tujuan ini kerana carta aliran kerja dan SOP yang lebih selamat telah dikenal pasti. Untuk pesakit-pesakit kategori lain, CT-Scan di Unit Radiologi, Jabatan Kecemasan dan Trauma digunakan. Pengasingan adalah perlu untuk kawalan jangkitan yang lebih berkesan.

Angiografi dan Radiologi Intervensi (IR)

Pemeriksaan Angiografi dan IR turut disediakan untuk perawatan pesakit COVID-19.

Komplikasi lazim pesakit COVID-19 yang dirawat ialah seperti darah beku di pulmonary arteri (pulmonary embolism) yang memerlukan Rawatan Catheter Directed Pulmonary Thrombectomy. Ianya merupakan rawatan yang kompleks dan memerlukan penglibatan pelbagai jawatan seperti Pakar Radiologi Intervensi, Pegawai Perubatan, Jururawat Terlatih dan Juru X-Ray.

Prosedur hanya boleh dilakukan di Angiography Suite, Jabatan Radiologi dan memerlukan pemakaian PAPR (Powered Air Purifying Respirators).

Prosedur lain yang dilakukan ialah US guided line insertion, bedside drainage, catheter insertion dan sebagainya.

Perkhidmatan C-Arm di Dewan Bedah

Perkhidmatan Image Intensifier (II) di Dewan Bedah adalah di bawah Jabatan Ortopedik dan khidmat juru x-ray masih diperlukan untuk mengendalikan C-Arm pesakit-pesakit COVID-19 yang berkaitan.

JABATAN PATOLOGI

Pengenalan

Pada 25 Januari 2020, kes pertama COVID-19 telah dicatatkan di Hospital Sungai Buloh. Tarikh yang melakar sejarah ini turut memberikan isyarat penting untuk jabatan ini mempersiapkan perancangan rapi bagi membolehkan ujian COVID-19 ditawarkan untuk keperluan Hospital Sungai Buloh mahupun hospital-hospital negeri Selangor bermula pada 21 Februari 2020. Jumlah ujian terus meningkat dari mula ianya ditawarkan sehingga melepasi kapasiti makmal harian. Kapasiti awal makmal ialah 150 ujian sehari sehingga kapasiti dipertingkatkan kepada 450 ujian sehari dengan penambahan peralatan, kakitangan dan peruntukan.





1: Kakitangan Jabatan Patologi sedang menjalankan ujian RT-PCR di Makmal Molekular Mikrobiologi.



2: Kakitangan Jabatan Patologi sedang mengendalikan sampel pesakit COVID-19 dalam *BioSafety Cabinet* dan memakai *Personnel Protective Attire* yang lengkap

Jabatan Patologi amat bertuah kerana telah menerima sokongan padu daripada pihak Hospital Sungai Buloh (HSgB), Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) secara langsung dan efisien untuk menangani wabak pandemik COVID-19. Perkara ini termasuklah Waran Peruntukan Khas COVID-19 untuk perolehan reagen, peralatan dan konsumabel bagi menjalankan ujian RT-PCR COVID-19 serta kemasukan kakitangan baharu secara kontrak. 4 orang Pegawai Sains dan 4 orang Juruteknologi Makmal Perubatan (JTMP) kontrak telah ditempatkan di Makmal Molekular, Jabatan Patologi, Hospital Sungai Buloh. Seramai 8 orang tenaga pengajar daripada Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) dan 2 orang Pegawai Sains daripada hospital negeri Selangor telah dimobilisasikan dari 6 April 2020 hingga 14 Mei 2020 bagi membantu aktiviti-aktiviti makmal di Jabatan Patologi.

Statistik



Perolehan dan Pemindahan Peralatan

Jabatan Patologi turut menerima peralatan yang diperlukan untuk menjalankan ujian COVID-19 yang membantu meringankan beban kerja kakitangan dan membolehkan kapasiti makmal dipertingkatkan.

BIL	UNIT	PERALATAN	KUANTITI	TAHUN DIPEROLEHI	SUMBER PEROLEHAN	HARGA SEUNIT / PUKAL (RM)	PENGGANTIAN / TAMBAHAN
1	MIKRO	BIO-RAD CFX96 TOUCH REAL TIME PCR DETECTION SYSTEM	1	2020	CANVIO SDN BHD	149,000.00	BARU
2	MIKRO	BIO-RAD CFX96 TOUCH REAL TIME PCR DETECTION SYSTEM	1	2020	CANVIO SDN BHD	149,000.00	BARU
3	MIKRO	PHARMACEUTICAL REFREGERATOR 3 DOOR	1	2020	MEDIGENE	27,567.00	BARU
4	MIKRO	FREEZER UPRIGHT -20C	1	2020	MEDIGENE	27,667.00	BARU
5	BLOOD BANK	PIPETTE DISPENSER (ELECTRONIC SYRINGE) ID PIPETTOR FP6	1	2020	BIOMARKETING SERVICES (M) SDN BHD	4,200.00	BARU
6	BLOOD BANK	PIPETTE DISPENSER (ELECTRONIC SYRINGE) ID PIPETTOR FP6	1	2020	BIOMARKETING SERVICES (M) SDN BHD	4,200.00	BARU
7		THERMOMETER INFRARED	2	2020	YAYASAN HASANAH	HADIAH	BARU
8	MOLECULAR	EPPENDORF MICROPIPETTE 10ul - 100ul	2	2020	MEDIGENE	1,000.00	BARU
9	MOLECULAR	EPPENDORF MICROPIPETTE 0.5ul - 10ul	2	2020	MEDIGENE	1,000.00	BARU
10	MOLECULAR	EPPENDORF MICROPIPETTE 10ul - 100ul	2	2020	MEDIGENE	1,000.00	BARU
11	MOLECULAR	EPPENDORF MICROPIPETTE 20ul - 200ul	2	2020	MEDIGENE	1,000.00	BARU
12	BLOOD BANK	BLOOD BANK CENTRIFUGE	1	2020	BIOMARKETING SERVICES (M) SDN BHD	12,000.00	BARU
13	BLOOD BANK	GEL CARD CENTRIFUGE	1	2020	BIOMARKETING SERVICES (M) SDN BHD	13,000.00	BARU
14	BLOOD BANK	GEL CARD INCUBATOR	1	2020	BIOMARKETING SERVICES (M) SDN BHD	12,000.00	BARU
15	MOLECULAR	AUTOMATED EXTRACTION & PCR SETUP SYSTEM	1	2020	NEOSCIENCE SDN BHD	250,000.00	BARU
16	MOLECULAR	AUTOMATED EXTRACTION & PCR SETUP SYSTEM	1	2020	NEOSCIENCE SDN BHD	250,000.00	BARU
17	MOLECULAR	MINI DRY BATH	1	2020	TREE MED SDN BHD	HADIAH	BARU
18	MOLECULAR	MINI DRY BATH	1	2020	TREE MED SDN BHD	HADIAH	BARU
19	BLOOD BANK	PHARMACEUTICAL REFREGERATOR 1 DOOR	1	2020	MEDIGENE	14,500.00	BARU
20	MOLECULAR	EPPENDORF MICROPIPETTE 10ul - 100ul	2	2020	MEDIGENE	1,000.00	BARU
21	MOLECULAR	EPPENDORF MICROPIPETTE 0.5ul - 10ul	2	2020	MEDIGENE	1,000.00	BARU
22	MOLECULAR	EPPENDORF MICROPIPETTE 10ul - 100ul	2	2020	MEDIGENE	1,000.00	BARU
23	MOLECULAR	EPPENDORF MICROPIPETTE 20ul - 200ul	2	2020	MEDIGENE	1,000.00	BARU
24	MOLECULAR	CENTRIFUGE 5424 R (REFEGERATED)	2	2020	MEDIGENE	25,000.00	BARU
25	BLOOD BANK	TUBE SEALER	1	2020	TREE MED SDN BHD	9,200.00	BARU
26	BLOOD BANK	TUBE SEALER	1	2020	TREE MED SDN BHD	9,200.00	BARU
27	BLOOD BANK	PIPETTE DISPENSER (ELECTRONIC SYRINGE) ID PIPETTOR FP6	1	2020	BIOMARKETING SERVICES (M) SDN BHD	4,200.00	BARU
28	BLOOD BANK	PIPETTE DISPENSER (ELECTRONIC SYRINGE) ID PIPETTOR FP6	1	2020	BIOMARKETING SERVICES (M) SDN BHD	4,200.00	BARU
29	BLOOD BANK	ULTRA LOW FREEZER -80C	1	2020	PREMIER DIAGNOSTIC	48,000.00	BARU
30	MOLECULAR	CENTRIFUGE	1	2020	AXION HEALTHCARE SDN BHD	3,900.00	BARU
31	MOLECULAR	EPPENDORF MICROPIPETTE 100ul - 1000ul	2	2020	PEMULA CHEMICALS	890.00	BARU
32	MOLECULAR	EPPENDORF MICROPIPETTE 0.5ul - 10ul	3	2020	PEMULA CHEMICALS	890.00	BARU
33	MOLECULAR	EPPENDORF MICROPIPETTE 10ul - 100ul	3	2020	PEMULA CHEMICALS	890.00	BARU
34	MOLECULAR	EPPENDORF MICROPIPETTE 20ul - 200ul	2	2020	PEMULA CHEMICALS	890.00	BARU
35	MOLECULAR	CENTRIFUGE 5424 R (REFEGERATED)	1	2020	MEDIGENE	25,000.00	BARU
36	PARASITE	pH METER BENCH TOP	1	2020	HANNA INSTRUMENT	3,286.00	BARU
37	PARASITE	MIKROSKOP with camera and monitor	1	2020	MATRIX OPTICS	14,000.00	BARU
38	PARASITE	MIKROSKOP with camera and monitor	1	2020	MATRIX OPTICS	14,000.00	BARU
39	JABATAN	THERMOMETER INFRARED	2	2020	SUMBANGAN	HADIAH	BARU

Pencapaian 2020

1. Memulakan perkhidmatan ujian PCR COVID-19 untuk seluruh negeri Selangor pada bulan Februari 2020. Perkhidmatan ujian sepanjang 24 jam dan keputusan tersedia dalam tempoh 24 jam.
2. Sejumlah 85,057 ujian COVID-19 PCR 19 dari negeri Selangor pada tahun 2020 dari tempoh masa Februari sehingga Disember 2020.

3. Mempergiatkan penyelidikan kes-kes COVID-19 secara berkolaborasi dengan jabatan-jabatan lain di Hospital Sungai Buloh dan institusi-institusi lain.
4. Memberikan latihan lanjutan secara hands-on kepada kakitangan baharu dan kakitangan sedia ada berkhidmat di makmal bagi menjalankan ujian COVID-19 PCR.
5. Menyediakan perkhidmatan Makmal Rujukan Kebangsaan bagi ujian Mikrobiologi Perubatan bagi Hospital Sungai Buloh, hospital-hospital Selangor dan hospital-hospital di bawah KKM.
6. Memberikan perkhidmatan bersangkutan Patologi kepada hospital-hospital kluster dengan melaksanakan aktiviti seperti pembelian mesin baharu, penambahan anggota dan memberikan latihan untuk kakitangan terlibat.
7. Menyertai program kawalan mutu luaran anjuran College of American Pathologist (CAP) dan Royal College Pathologist of Australia (RCPA) dan National Indicator Approach (NIA).
8. Menawarkan latihan bagi pelajar sarjana perubatan Mikrobiologi Perubatan dan Patologi Kimia, Pos Basik Kawalan Infeksi dan pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang lain.
9. Pengiktirafan pensijilan MSQH versi 5 daripada Mei 2018 hingga Mei 2022

Perancangan Masa Hadapan

1. Sentiasa berusaha meningkatkan mutu perkhidmatan dan memenuhi aspirasi pelanggan sepanjang masa.
2. Mencapai taraf pusat kecemerlangan sebagai Makmal Rujukan Kebangsaan untuk ujian Mikrobiologi Perubatan.
3. Mempergiatkan usaha menjalankan penyelidikan secara sendiri dan kolaborasi dengan Jabatan atau institusi lain dengan panduan Pusat Penyelidikan Klinikal Hospital.
4. Memperkukuh dan sentiasa memastikan anggota jabatan yang competent dan berupaya menjalankan multitasking demi kecemerlangan perkhidmatan
5. Meningkatkan dan memperbaiki pencapaian Turn Around Time (TAT) bagi ujian-ujian yang dijalankan dari semasa ke semasa.
6. Mengekalkan pengiktirafan pensijilan akreditasi MSQH.
7. Mengekalkan pengiktirafan pensijilan akreditasi Standard Malaysia ISO 15189.

Pandemik COVID-19 telah mencetus satu fenomena baru dalam landskap kehidupan kita. Situasi yang tidak pernah terduga ini menguji keupayaan daripada segi mental, fizikal, emosi dan spiritual dalam memastikan perkhidmatan Patologi yang terbaik dapat disalurkan setiap masa demi untuk kesihatan dan kesejahteraan rakyat negara ini. Pertarungan kita memutuskan rantaian COVID-19 masih belum berakhir. Semua kakitangan Jabatan Patologi, Hospital Sungai Buloh membulatkan muafakat, bertekad bersama-sama dengan semua kakitangan KKM yang lain untuk memerangi COVID-19 sehingga ke pengakhiran.

JABATAN PERUBATAN FORENSIK



Pengenalan

Jabatan Perubatan Forensik telah beroperasi sejak 14 September 2006 berdasarkan keperluan dalam Kanun Tatacara Jenayah (Criminal Procedure Code) yang memerlukan khidmat siasatan kematian bagi kes-kes medikolegal. Selain daripada menjalankan pemeriksaan bedah siasat, peranan utama Jabatan Perubatan Forensik ialah pengurusan kematian di hospital. Sejak Hospital Sungai Buloh menjadi hospital Fully COVID-19, pengurusan kematian termasuklah kes-kes kematian yang disebabkan oleh COVID-19.


Bagi mencapai matlamat perkhidmatan, Jabatan Perubatan Forensik terdiri daripada Pakar-Pakar Perubatan Forensik, Pegawai Perubatan, Pegawai Sains Forensik, Penolong Pegawai Perubatan dan Pembantu Perawatan Kesihatan




Statistik




Kes Bedah Siasat



Ujian Swab





Sebagai sebuah jabatan yang mengurus kematian pesakit COVID-19, Jabatan Perubatan Forensik berharap bilik post-mortem dapat dinaik taraf untuk mencapai Biosafety Level 4 (sekurang-kurangnya Biosafety Level 3) dan dilengkapi dengan powered air-purifying respirator (PAPR) yang mencukupi dan Post-Mortem CT Scan.

Dengan adanya kelengkapan seperti di atas, pemeriksaan bedah siasat medikolegal dan klinikal dapat dilakukan dalam keadaan yang selamat. Perkhidmatan ini adalah perlu sebagai sebuah jabatan yang berfungsi dalam Fully COVID-19 Hospital.

JABATAN PSIKIATRI DAN KESIHATAN MENTAL

Persediaan & Norma Baru

Pada 25 Januari 2020, Malaysia telah mengenal pasti pesakit COVID-19 yang pertama dan telah dihantar ke Hospital Sungai Buloh (HSgB) untuk menerima rawatan. Semenjak hari tersebut, bilangan pesakit COVID-19 semakin meningkat sehingga pada 12 Mac 2020, HSgB telah diisytiharkan sebagai hospital khas dalam pengurusan dan perawatan pesakit COVID-19. Setiap jabatan telah dikehendaki membuat perubahan dan penambahbaikan di jabatannya sendiri untuk melaksanakan arahan tersebut dan Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental turut tidak dikecualikan.

Perkhidmatan wad psikiatri atau pesakit dalaman, dan rumah penjagaan pesakit psikiatri telah ditutup untuk memberi ruang kepada pesakit COVID-19 yang memerlukan wad. Kakitangan jabatan juga telah ditugaskan untuk membantu dalam pengendalian pesakit Covid 19. Oleh yang demikian, penumpuan telah dialihkan kepada pesakit luar dan perkhidmatan Psychological First Aid kepada kakitangan hospital dan pesakit dalaman hospital.



Pengendalian Pesakit Luar

Klinik Pakar Psikiatri Pesakit Luar

Jumlah pesakit telah dikurangkan kepada lebih kurang 25% untuk mengurangkan kontak pesakit dengan hospital dan pesakit yang mengunjungi Klinik Pakar Pesakit Luar akan dipastikan mengikut prosedur operasi standard (SOP) kerajaan. Pesakit yang stabil akan diberi pilihan untuk mendapat tarikh temu janji yang lebih lama, mengambil preskripsi ubat melalui *fast lane* atau menjalankan konsultasi melalui Klinik Maya (*Virtual Clinic*) jikalau memenuhi kriteria. Malah, pesakit yang kurang stabil akan dilihat di bawah golongan 25% pesakit pesakit luar, atau dirujuk ke hospital terdekat untuk menghadiri temu janji di sana, atau dimasukkan ke wad.

Kecemasan dan Rujukan Dalaman

Segala rujukan dalaman akan dikendalikan oleh pegawai perubatan atas panggilan (*on call*) seperti biasa. Pesakit dalaman akan dilihat dan dikendalikan bersama jabatan yang merujuk.

Pesakit yang datang ke Jabatan Kecemasan dan Trauma juga akan dikendalikan oleh pegawai perubatan atas panggilan. Pesakit yang selamat (tiada kecenderungan mencederakan diri atau orang lain) untuk discaj dan mempunyai sokongan sosial yang baik akan diberi rawatan dan temu janji seterusnya di Klinik Pakar Psikiatri, atau, dirujuk kepada *Community Psychiatry Unit* untuk *Acute Home Care*. Pesakit yang tidak selamat untuk discaj dan perlu dimasukkan ke wad, akan dirujuk keluar ke hospital terdekat mengikut polisi jabatan yang sedia ada.

Pesakit yang didapati positif COVID-19 akan dimasukkan ke bilik khas di bawah pengawasan Jabatan Perubatan dan diurus bersama dengan Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental.

Psikiatri Komuniti

Community Psychiatry Unit (CPU)

CPU yang selama ini menjalankan rawatan di peringkat komuniti telah menjadi lebih aktif semasa ketiadaan wad psikiatri, terutamanya dalam pengendalian pesakit yang tidak stabil. Pesakit golongan ini memerlukan *Acute Home Care*. Ini membantu jabatan mengelakkan kemasukan pesakit dan pada masa yang sama, menggalakkan masyarakat untuk turut mengambil bahagian dan sama-sama bertanggungjawab dalam perawatan pesakit. Selain itu, CPU juga perlu meneruskan perkhidmatan kepada pesakit yang sedia ada dalam menjalankan *Assertive Home Care*.

Mentari

Perkhidmatan rehabilitasi pesakit di Mentari juga terpaksa dihentikan buat sementara waktu untuk mengelakkan risiko penyebaran wabak COVID-19 kepada klien.

Pengendalian Servis Lanjutan

Klinik Methadone

Perkhidmatan di Klinik Methadone masih diteruskan dan klien diberi kelonggaran untuk *take-away* Methadone setiap 2 hingga 3 kali seminggu mengikut budi bicara doktor dan pegawai farmasi untuk mengurangkan kontak klien ke hospital.

Hospital Tanjung Karang

Pengendalian Klinik Pakar Pesakit Luar Hospital Tanjung Karang masih diteruskan 2 kali sebulan untuk memastikan perkhidmatan di sana tidak terjejas.

Penjara Sungai Buloh

Lawatan bulanan ke Penjara Sungai Buloh telah dihentikan untuk mengelakkan risiko penyebaran wabak ke dalam penjara. Walau bagaimanapun, konsultasi daripada pegawai perubatan Penjara Sungai Buloh masih diteruskan berdasarkan keperluan.

Psychological First Aid (PFA)

Psychological First Aid (PFA) merupakan satu pendekatan modular yang berasaskan bukti untuk memberi bantuan kepada mangsa selepas kejadian sesuatu bencana. Walaupun wabak COVID-19 tidak meninggalkan impak yang serta-merta dan serius daripada segi kesihatan mental, kewangan atau kerosakan kepada seseorang mangsa seperti dalam bencana gempa bumi atau banjir kilat, tetapi disebabkan “bencana” ini merupakan satu keadaan yang berpanjangan dan berterusan, pengaruhnya terhadap kesihatan mental masyarakat, sama ada golongan barisan hadapan, mangsa, ataupun orang biasa adalah sangat serius. Bilangan orang yang terpengaruh dengan wabak ini ialah setiap individu di seluruh dunia, jauh melebihi bencana semula jadi biasa di mana ia hanya mengganggu keharmonian di satu-satu kawasan atau daerah sahaja. Oleh yang demikian, konsep *Psychological First Aid* turut diaplikasikan, khususnya di Hospital Sungai Buloh.

Satu platform telah disediakan dengan menggunakan alat multimedia untuk memudahkan penyebaran maklumat atau sumber pendidikan, saringan dan memudahkan klien menghubungi pasukan PFA.

Orientasi kepada staf dan pesakit dengan maklumat yang tepat dan berunsur pendidikan memperkasakan mereka daripada ketidaktentuan dan mengurangkan rasa tidak selamat dan kegelisahan. Maklumat mengenai wabak, sebab dan tempoh masa dikuarantin, kriteria untuk discaj, gejala gangguan psikologi ringkas dan langkah mudah untuk membantu diri apabila menghadapi gangguan psikologi ringan merupakan antara tema maklumat yang dibekalkan kepada klien melalui dokumen atau poster.

Saringan yang dibuat melalui *Depression Anxiety Stress Scale (DASS)* dapat mengenal pasti klien yang memerlukan bantuan dari awal supaya tindakan boleh diambil sebelum keadaan klien menjadi lebih teruk. Pada masa yang sama, sistem saringan yang digunakan juga beroperasi untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh klien di hospital dan masalah ini sentiasa dibincangkan bersama Pengarah Hospital untuk mendapatkan jalan penyelesaian secepat



mungkin dan pada masa yang sama, juga merupakan maklumat yang penting bagi memahami kelemahan yang sedia ada dan memperhalusi proses kerja dan SOP hospital berdasarkan keperluan.

PFA telah bermula beroperasi dari Mac 2020 hingga Jun 2020 dan jabatan telah kembali beroperasi dari Julai 2020 hingga September 2020. PFA beroperasi semula pada Oktober 2020 apabila Malaysia dilanda gelombang ketiga COVID-19 pada bulan tersebut sehingga hari ini.


Pasukan PFA dan tugas masing masing:

1. Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental
 - 1.1. Memantau dan memastikan kesihatan minda kakitangan dan pesakit di hospital sentiasa terjaga.
 - 1.2. Memberi terapi dan rawatan kepada klien yang memerlukannya.
 - 1.3. Memantau situasi hospital dan memberi nasihat kepada pihak pengurusan dan mengambil tindakan yang sewajarnya.
1. Unit Kaunseling
 - 1.1. Membantu Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental menilai kesihatan minda klien.
 - 1.2. Memberi perkhidmatan kaunseling kepada klien yang memerlukannya.
2. Occupational Safety and Health Administration (OSHA)
 - 2.1. Memantau dan memastikan kesihatan kakitangan hospital sentiasa terjaga.
3. Spirituality and Health Unit
 - 3.1. Menilai kesihatan minda klien daripada aspek spiritual.
 - 3.2. Memberi perkhidmatan spiritual kepada klien yang memerlukannya.
4. Jabatan Rehabilitasi
 - 4.1. Menyediakan aktiviti individu yang bersesuaian kepada pesakit.
 - 4.2. Memberi ilmu teknik relaksasi kepada klien.
 - 4.3. Memberi perkhidmatan soal jawab kepada pesakit.
5. Jabatan Kerja Sosial Perubatan
 - 5.1. Membantu pasukan melaksanakan aktiviti khas.
 - 5.2. Menerima rujukan klien yang memerlukan perkhidmatan kebajikan.


Statistik



Bantuan Psikologi (PFA)



Warga Kerja



Aktiviti-aktiviti PFA

Berikut adalah antara aktiviti yang telah dilaksanakan melalui rangkaian tersebut:-

1. Peti Luahan: Cara awal di mana staf hospital diberi peluang untuk meluahkan masalah yang dihadapi mereka pada permulaan wabak Covid19.
2. Papan Penghargaan: Satu tempat di mana mesej penghargaan daripada pelbagai pihak boleh disampaikan kepada kakitangan hospital.
3. Penyatuan perkhidmatan sokongan hospital dan cara menghebahkan perkhidmatan kepada pesakit.
4. Penyediaan risalah-risalah yang berunsurkan pendidikan mengenai kesihatan mental.
5. Penyediaan poster-poster untuk meningkatkan semangat barisan hadapan hospital.
6. Projek “Ai Xin Bao” (Pek Penyayang): Satu kerjasama dengan Persatuan Tzu Chi, sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO selama 3 bulan untuk mengirim Pek Penyayang kepada pesakit-pesakit hospital untuk membina semangat mereka.
7. Membantu dalam pengurusan barang sumbangan kepada kakitangan hospital.
8. Menyokong Jabatan Pediatrik untuk menjadikan Wad Pediatrik lebih bersifat mesra kanak-kanak dengan mendapatkan sumbangan dan menyediakan pek-pek aktiviti khas untuk kanak-kanak di bawah umur 12 tahun.
9. Predeployment Briefing di mana pasukan PFA memberi taklimat mengenai penjagaan psikologi sendiri, rakan sekerja dan pesakit kepada semua petugas yang ditempatkan di Hospital Sungai Buloh. Sistem PFA hospital juga diperkenalkan kepada mereka pada masa yang sama.
10. Bekerjasama dengan pihak Celcom untuk membantu pesakit yang baru balik ke Malaysia dan tidak memiliki kad SIM tempatan untuk mendaftar dan mendapatkan talian tempatan melalui cara yang kurang konvensional yang direka khas untuk pesakit COVID-19 .
11. Bekerjasama dengan syarikat Top Glove untuk penyediaan poster-poster dalam bahasa asing.
12. Bekerjasama dengan fakulti luar dalam projek penyelidikan.

Wabak COVID-19 masih belum berakhir. Cabaran dan tekanan yang dihadapi setiap individu, terutamanya kakitangan semakin meningkat menjelang peningkatan kadar jangkitan COVID-19. Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental akan terus berusaha bekerjasama dengan pihak hospital dalam pengendalian kakitangan dan pesakit untuk memastikan kesihatan mental setiap individu terjaga.

JABATAN FARMASI

Pengenalan

Jabatan Farmasi mula beroperasi pada 16 Ogos 2006 iaitu bermula dengan pembukaan Farmasi Klinik Pakar dan seterusnya pembukaan Farmasi Pesakit Dalam dengan perkhidmatan sokongan lain pada 11 September 2006.


Terdapat 7 unit di bawah Jabatan Farmasi yang memberikan perkhidmatan masing-masing iaitu Farmasi Klinik Pakar (FKP), Farmasi Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN), Farmasi Pesakit Dalam, Farmasi Klinikal, Farmasi Logistik, Farmasi Galenikal, dan Farmasi Pusat Sumber dan Maklumat (PRIC).

Pada 10 Mac 2020, Hospital Sungai Buloh (HSgB), yang merupakan Pusat Rujukan Penyakit Berjangkit Kebangsaan telah diisytiharkan sebagai pusat perubatan yang dikhususkan untuk merawat kes COVID-19. Dalam usaha menangani pandemik ini, Jabatan Farmasi (JF) HSgB memainkan peranan sebagai salah satu pasukan sokongan rawatan COVID-19 yang penting daripada segi perolehan, pemantauan dan pembekalan ubat kepada pesakit serta bekalan bukan ubat kepada unit-unit di hospital.




Statistik

Unit Farmasi Pesakit Dalam




	AWAL COVID-19: JAN-FEB	FULLY COVID-19: MAC-JUN	HIBRID: JUL-SEP	FULLY COVID-19: OKT-DIS
■ Preskripsi pesakit dalam yang diterima dan disaring	26,274	21,938	38,325	29,108
■ Preskripsi discaj yang diterima dan disaring	5,110	2,086	5,790	2,411
■ Bilangan item preskripsi pesakit dalam dibekal	100,066	47,855	105,799	61,579
■ Bilangan item preskripsi discaj dibekal	16,840	6,345	19,843	7,645
■ Kaunseling ubat dijalankan (Termasuk IPD dan Klinikal)	3,441	1,248	4,061	969

Unit Farmasi Klinik Pakar




	AWAL COVID-19: JAN-FEB	FULLY COVID-19: MAC-JUN	HIBRID: JUL-SEP	FULLY COVID-19: OKT-DIS
■ Bilangan preskripsi pesakit luar yang diterima & disaring	69,731	77,626	71,632	57,414
■ Bilangan preskripsi SPUB dirujuk keluar	1,357	4,696	2,153	1,947
■ Bilangan preskripsi dibekal melalui ubat melalui pos (UMP)	4,582	19,304	13,755	13,324
■ Bilangan preskripsi perkhidmatan tambah nilai (selain UMP)	1,142	1,776	1,085	1,309
■ Kaunseling ubat dijalankan (Pesakit Luar)	1,601	2,327	1,443	1,497
■ Kaunseling ubat dijalankan (MTAC) secara Virtual	0	76	41	80
■ Kaunseling ubat dijalankan (MTAC) secara bersemuka	1,431	2,258	2,099	1,763
■ Bilangan DOT di Klinik Methadon	2,387	2,161	2,885	1,490
■ Bilangan DBB di Klinik Methadon	1,643	5,602	2,679	4,701


Unit Farmasi Pusat Sumber dan Maklumat




Unit Farmasi Logistik dan PPE




Unit Farmasi Aseptik dan Pengeluaran



Unit Farmasi Aseptik dan Pengeluaran: Bilangan Intervensi perubatan wad, CP3



Warga Kerja



Impak yang paling ketara semasa pertukaran status hospital kepada hospital COVID-19 sepenuhnya ialah bekalan PPE (mengikut borang inden yang diterima), yang menunjukkan peningkatan mendadak sebanyak 2,828%, iaitu daripada 81 kepada 2,372. Bagi bekalan ubat kepada pesakit di wad, terdapat penurunan ketara semasa status hospital bertukar ke hospital rawatan COVID-19 sepenuhnya. Hal ini demikian kerana pesakit telah dipindahkan ke hospital lain. Walau bagaimanapun, berbanding dengan fasa pertama, bekalan ubat meningkat semasa fasa kedua COVID-19. Perkara ini disebabkan oleh peningkatan bilangan pesakit yang menghidapi masalah penyakit kronik dan pesakit pada kategori kritikal semasa fasa kedua. Bagi perkhidmatan farmasi klinik pakar, peningkatan pada preskripsi yang dibekalkan secara pos meningkat empat kali ganda oleh kerana pesakit tidak boleh hadir ke hospital bagi mendapatkan bekalan ubat dan kekal tinggi sehingga kini.

UNIT KEJURURAWATAN



Pengenalan

Seluruh dunia hari ini telah dikejutkan dengan penularan di luar jangkaan Coronavirus yang dikenali sebagai COVID-19. Malaysia sebagai salah sebuah negara di Asia Tenggara telah turut terkesan dan mengambil langkah proaktif dengan memulakan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula dari 18 Mac 2020 lagi. Kakitangan kejururawatan, selaku tenaga kerja terbesar di Hospital Sungai Buloh, merupakan tonggak utama dalam pengurusan pesakit ekoran impak pandemik COVID-19 dan bergerak seiring dengan kerajaan dalam menangani pandemik ini.

Unit Kejururawatan telah melakukan kesiapsiagaan daripada segi penyediaan sumber manusia dan penyediaan fasiliti dengan pengoperasian wad-wad bagi persediaan menerima kemasukan pesakit COVID-19.



Statistik



Mobilisasi Staf Kejururawatan semasa Pandemik COVID-19

Fasa	Mobilisasi Warga Kerja HSgB
AWAL COVID-19: JAN-FEB	Tiada
FULLY COVID-19: MAC-JUN	a) Mobilisasi SN yang ada comorbid / pregnant ke HTK /HSAS / HKKB / Hop. SEL b) Mobilisasi SN yang pregnant /comorbid / non-comorbid untuk perkhidmatan Dewan Bedah;- 1. Neuro Services in IKN dan Hosp. Selayang. 2. Surgikal dan Ortho services in HTK dan Hospital Sabak Bernam. 3. Plastic services in Hospital Selayang.
HIBRID: JUL-SEP	1. Surgikal dan Ortho services in HTK dan Hospital Sabak Bernam. 2. Mobilisasi staf untuk memberi bantuan ke Kedah
FULLY COVID-19: OKT-DIS	Mobilisasi SN yang pregnant /comorbid / non-comorbid untuk perkhidmatan Dewan Bedah dan wad:- 1. Neuro Services in Hosp Shah Alam 2. Surgikal dan Ortho services in HTK. 3. Plastic services in Hospital Selayang

Jururawat yang dimobilisasi ke hospital lain pada gelombang pertama adalah majoriti dalam kalangan yang mempunyai comorbidity, mengandungi dan juga untuk pelaksanaan perkhidmatan Dewan Bedah di IKN, HTK, HKKB, HSAS, Hospital Selayang dan Hospital Sabak Bernam. Semasa fasa ketiga pula, mobilisasi staf ialah ke Hospital Shah Alam, HTK dan Hospital Selayang untuk perkhidmatan Pembedahan Neuro dan Dewan Bedah. Pihak Kejururawatan juga mendapat bantuan kakitangan daripada pelbagai hospital dalam negeri dan juga luar Negeri Selangor bagi membantu pembukaan tambahan katil di Unit Rawatan Rapi.

CADANGAN / RUMUSAN

Unit Kejururawatan telah mengambil banyak pengajaran daripada wabak pandemik COVID-19 ini. Beberapa inisiatif telah dilakukan oleh pihak pengurusan Kejururawatan bagi memastikan kelancaran perawatan pemulihan pesakit COVID-19 dan jika kejadian wabak berlaku lagi, antaranya ;-

1. Memberi taklimat dan latihan berkaitan pemakaian PPE secara berkala dan dapat merangkumi 100% semua staf kejururawatan.
2. Ketua Jururawat bertindak sepenuhnya sebagai link nurse supaya dapat melatih staf di bawah jagaan agar lebih kompeten dan berkeyakinan dalam penjagaan pesakit dengan penyakit berjangkit seperti SARS dan MERS-Cov.

3. Melakukan pertukaran staf antara jabatan terutama di Jabatan Perubatan (ID) dan Unit Rawatan Rapi secara berkala bagi memastikan staf mendapat pendedahan dan tiada kejutan berlaku jika kejadian wabak seperti ini berlaku lagi.
4. Ketua Penyelia Jururawat juga perlu memainkan peranan dengan memohon staf tambahan daripada JKNS bagi menampung beban tugas di wad-wad serta melakukan penggiliran tugas dengan lebih teratur agar dapat memberi cuti kepada staf asal yang telah lama bekerja.
5. Middle manager juga memainkan peranan yang sangat penting dalam memberi kata-kata semangat, sokongan dan pujian bagi pemulihan emosi staf supaya mereka dapat bekerja dalam keadaan harmoni dan rasa lebih dihargai.

Unit Kejururawatan komited dalam memberi perawatan pesakit COVID-19. Pelbagai inisiatif telah dilakukan bagi mempertingkatkan mutu perkhidmatan pesakit di Hospital Sungai Buloh. Sumbangan dan penghargaan daripada pihak luar juga sedikit sebanyak telah memberi semangat dan memotivasikan staf untuk terus berjuang dalam menangani situasi COVID-19 ini.

UNIT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJA (UKKP)

Pengenalan

Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (UKKP) Hospital Sungai Buloh terdiri daripada 7 Pegawai Perubatan, seorang Jururawat Terlatih (JT) dan seorang Penolong Pegawai Perubatan (PPP). Pada masa ini, 4 Pegawai Perubatan (tetap) mempunyai status kelayakan sebagai Doktor Kesihatan Pekerjaan (*Occupational Health Doctor*), manakala 3 Pegawai Perubatan(kontrak) masih di dalam latihan kesihatan pekerjaan di *National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH)*. UKKP tidak ketinggalan bersama-sama berganding bahu dengan jabatan-jabatan lain di Hospital Sungai Buloh dan hospital-hospital di bawah naungan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor di dalam aktiviti penyelarasan dan penstrukturan semula hospital bagi menangani wabak COVID-19 di negara ini.

Skop Tugas

Di samping tugas-tugas hakiki UKKP, kakitangan di unit ini turut menggalas beberapa skop tugas tambahan semasa pandemik COVID-19. Kerjasama berpasukan yang diberikan oleh jabatan-jabatan lain (khususnya Jabatan Pengurusan, Jabatan Perubatan Penyakit Berjangkit, Jabatan Kecemasan & Trauma, Jabatan Patologi, Jabatan Kejuruteraan) dan unit-unit lain (khususnya Unit Kesihatan Awam, Unit Kawalan Infeksi, Unit Penyeliaan Hospital, Unit Penyeliaan Jururawat, dan *COVID Response Unit*) sedikit sebanyak membantu dalam memudahcara proses kerja.



Berikut adalah senarai skop tugas sepanjang tahun 2020:

Tugas Umum

Di peringkat awal proses kesiapsiagaan menghadapi pandemik COVID-19 :

1. Bekerjasama secara aktif dalam proses penyelarasan, penstrukturan semula dan naik taraf jabatan-jabatan dan lokasi-lokasi di Hospital Sungai Buloh bagi memenuhi spesifikasi kawalan infeksi sebagai Hospital COVID.

2. Menjalankan latihan *Personal Protective Equipment Donning & Doffing* di samping *Safety Briefing* bagi semua Pegawai Perubatan, Pakar Perubatan dan Pegawai Perubatan (kontrak) yang baru melapor diri di fasiliti ini.
3. Mengenalpasti status komorbid Pegawai Perubatan dan menyelenggara penjadualan semula Pegawai Perubatan bagi setiap Jabatan bagi mengoptimumkan tenaga kerja di wad-wad Perubatan COVID. Turut mengendalikan jadual syif Pegawai Perubatan di wad-wad berkenaan secara langsung.


Tugasan Khusus

1. Sebagai coordinator kepada *Safe Guard Team, Safe Alliance for Employees (S.A.F.E)* Taskforce di peringkat Hospital Sungai Buloh.
2. Menyediakan protokol pemantauan dan saringan kesihatan bagi anggota kesihatan di Hospital Sungai Buloh bagi:
 - 2.1. Anggota kesihatan bergejala
 - 2.2. Anggota kesihatan yang mempunyai sejarah kontak rapat dengan staf/pesakit positif COVID-19 (first degree contact)
 - 2.3. Anggota kesihatan yang mempunyai sejarah kontak dengan kontak rapat kepada pesakit COVID-19 (second degree contact)
 - 2.4. Anggota kesihatan yang terdedah kepada pesakit atau spesimen COVID-19 tanpa penggunaan alat pelindung diri yang lengkap mengikut prosedur operasi standard.
 - 2.5. Anggota kesihatan yang baru melapor diri di Hospital Sungai Buloh
3. Mengenalpasti status komorbid Pegawai Perubatan dan berurusan secara terus dengan *COVID Response Unit (CRU)* yang menyelenggara penjadualan Pegawai Perubatan bagi setiap Jabatan bagi mengoptimumkan tenaga kerja di wad-wad Perubatan COVID.
4. Menjalankan saringan kesihatan surveilans bagi semua anggota kesihatan yang baru melapor diri di Hospital Sungai Buloh. Ini melibatkan proses deklarasi kesihatan dan penilaian risiko bagi setiap anggota diikuti oleh ujian swab RTK antigen/ RT PCR (sekiranya anggota yang baru melapor diri tiada keputusan terkini, iaitu 3 hari sebelum melapor diri).
5. Mengendalikan saringan kesihatan melalui telekonsultasi *OSH Call Centre* bagi semua anggota kesihatan di Hospital Sungai Buloh berdasarkan protokol Pengurusan Pemantauan dan Saringan Kesihatan Petugas Kesihatan di Hospital Sungai Buloh.
6. Terlibat secara aktif di dalam pengurusan staf positif COVID-19.
 - 6.1. Mengenalpasti staf positif COVID-19 melalui saringan kesihatan/ rujukan dari Pakar Perubatan Patologi.
 - 6.2. Keputusan ujian swab positif ini akan disampaikan kepada staf terlibat melalui telekonsultasi. Pada masa yang sama, perincian demografik, sejarah perubatan dan sejarah pergerakan akan diambil.
 - 6.3. Merujuk kes kepada Pakar Perubatan Penyakit Berjangkit.
 - 6.4. Menguruskan kemasukan staf ke wad COVID.

- 6.5. Turut menguruskan swab kontak rapat ahli keluarga terdekat kepada staf positif COVID-19 .
7. Menjalankan pengesanan kontak rapat bagi setiap kes staf positif COVID-19 berdasarkan penilaian risiko di tempat kerja (*Annex 21 – Risk Assessment and Management of Healthcare Worker with Exposure to A Person with Confirmed COVID-19*) dengan bantuan *Liaison Officer* (LO) yang dilantik.
 8. Menguruskan isu-isu berkaitan dengan kluster di tempat kerja setelah menjalankan analisa kluster. Membentangkan hasil analisa kepada Pengurusan Tertinggi Hospital dan jabatan-jabatan terlibat bagi membincangkan langkah-langkah penambahbaikan untuk membendung penularan kluster.
 9. Menjalankan pemantauan harian kepada staf yang menjalani *Home Surveillance Order* (HSO) setelah ujian swab RT PCR dijalankan.
 10. Berhubung rapat dengan LO yang dilantik bagi menyelesaikan isu-isu yang timbul berkaitan keselamatan, kesihatan, dan kebajikan staf.
 11. Senantiasa bekerjasama dengan Jabatan Perubatan Penyakit Berjangkit, Unit Kesihatan Awam dan Unit Kawalan Infeksi bagi memastikan suasana kerja yang selamat untuk semua staf di fasiliti ini.
 12. Memberi Latihan Safety Briefing kepada semua Pegawai Perubatan yang baru melaporkan diri ke Hospital Sungai Buloh.
 13. Mengumpul data saringan kesihatan bulanan dari setiap jabatan/bahagian/ unit bagi memastikan kepatuhan kepada pemantauan/saringan kesihatan staf dijalankan di setiap lokasi.
 14. Bekerjasama dengan *Safe-T Net Team* dan LO untuk memberi kesedaran tentang keselamatan dan kesihatan semasa wabak COVID-19 di kalangan staf di Hospital Sungai Buloh.
 15. Di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS):
 16. Laporan reten harian yang wajib dihantar ke JKNS bagi pemantauan harian yang dijalankan ke atas:
 - 16.1. Petugas kesihatan yang menjalani HSO
 - 16.2. Anggota kesihatan positif COVID-19
 17. Laporan Penyiataan Petugas Kesihatan Positif COVID-19
 18. Laporan reten mingguan pemantauan harian anggota kesihatan KKM yang terlibat dengan pengurusan kes *PUI* dan COVID-19 & pemantauan harian anggota kesihatan KKM yang terlibat dengan kes positif COVID-19 selain dari Wad COVID-19 .
 19. Berurusan secara terus dengan Unit KPAS dan Unit OSH JKNS bagi isu-isu berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang melibatkan petugas kesihatan semasa pandemik COVID-19 .

Statistik


Perbandingan Jumlah dan Kategori saringan dan kadar PCR Positif



Jumlah PCR Positif Mengikut Tahap Jangkitan




Jumlah Jangkitan Mengikut Perjawatan




Lain-lain termasuk Pemandu Kenderaan Bermotor, Juru X-ray, Pegawai Pemulihan Cara Kerja, Pegawai Pergigian Kanak-kanak, Pembantu Penyediaan Makanan dan Pembantu Tadbir

Jumlah Jangkitan Mengikut Sumber Jangkitan



Jabatan/ Unit/ Bahagian	Staf Menjalani Swab RT PCR	
	n	%
Jabatan Perubatan (COVID)	1082	33.7
Jabatan Perubatan (non-COVID)	87	2.7
Jabatan Anestesiologi dan Rawatan Rapi	683	21.3
Jabatan Kecemasan & Trauma	305	9.5
Jabatan Neurosurgeri	25	0.8
Jabatan Forensik	9	0.3
Jabatan Pediatrik	130	4.1
Jabatan Pembedahan Plastik	15	0.5
Jabatan Radiologi	60	1.9
Jabatan Ortopedik & Traumatologi	32	1.0
Jabatan Bedah Am	194	6.0
Jabatan ORL	21	0.7
Jabatan Patologi	33	1.0
Jabatan Obstetrik & Ginekologi	113	3.5
Jabatan Oftalmologi	36	1.1
Jabatan Pergigian Pediatrik	22	0.7
Jabatan Bedah Mulut & Maksilofasial	14	0.4
Jabatan Rehabilitasi Perubatan	29	0.9
Jabatan Psikiatri & Kesihatan Mental	9	0.3
Jabatan Dermatologi	1	0.03
Wad COVID PKKN	69	2.1
Jabatan Farmasi	63	2.0
Unit Dietetik & Sajian	16	0.5
Unit Kesihatan Awam	22	0.7
Unit Kawalan Infeksi	5	0.2
Unit Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan	26	1.1
Unit Clinical Research Centre	2	0.1
Unit Kualiti	0	0
Unit Medikolegal	0	0
Unit Pendidikan Kesihatan	0	0
Unit Penyeliaan Hospital	14	0.4
Bahagian Sumber Manusia	6	0.2
Lain-lain	88	2.7

Lokasi bertugas	Staf Positif Swab RT PCR	
	n	%
Semua wad-wad COVID di bangunan utama	2	1.5
Wad-wad COVID (Tingkat 4)	29	21.2
Wad-wad COVID (Tingkat 5)	19	13.9
Wad-wad COVID (Tingkat 6)	6	4.4
Wad-wad COVID (Tingkat 7)	8	5.8
Wad-wad COVID (Tingkat 8)	1	0.7
Wad-wad COVID (PKKN)	3	2.2
Pusat Kuarantin Negara (ILKKM)	2	1.5
Jabatan Kecemasan & Trauma (termasuk Pusat Saringan COVID & MECC)	20	14.6
Unit Rawatan Rapi (termasuk <i>ICU West Wing, ICU East Wing, CCU, & Burn Unit</i>)	28	20.4
	8	5.8
Dewan bedah (termasuk GOT & MOT)	1	0.7
Dewan bersalin	1	0.7
Unit Hemodialisis	1	0.7
Jabatan Dietetik & Sajian	2	1.5
Jabatan Radiologi	1	0.7
Klinik Pergigian Dental	1	0.7
Stor Perubatan	1	0.7
Unit CSSD	2	1.5
Unit Pemulihan Carakerja	1	0.7
Unit Penyeliaan Hospital		



Pengurusan Pemantauan Dan Saringan Kesihatan Petugas Kesihatan Di Hospital Sungai Buloh:

1. Anggota kesihatan yang bergejala
2. Anggota kesihatan yang mempunyai sejarah kontak rapat kepada staf positif COVID-19
3. Anggota kesihatan yang mempunyai sejarah kontak rapat kepada pesakit atau spesimen COVID-19 (tanpa alat pelindung diri yang lengkap)
4. Anggota kesihatan yang mempunyai sejarah kontak kepada kontak rapat kes positif COVID-19
5. Anggota kesihatan yang baru melapor diri di Hospital Sungai Buloh

Laporan Kluster Hospital Sungai Buloh

Hospital Sungai Buloh tidak terlepas daripada kluster jangkitan COVID-19 di tempat kerja. Gelombang pertama (G1) staf terkena jangkitan COVID-19 bermula pada 26 Mac 2020 dan berakhir pada 15 April 2020 (selama 3 minggu) yang melibatkan seramai 19 staf. Ini disusuli dengan gelombang kedua (G2) yang bermula pada 17 Oktober 2020 dan berlarutan sehingga akhir bulan Januari 2021 yang melibatkan seramai 156 staf.

Semasa G2, peningkatan ketara bilangan staf yang dijangkiti COVID-19 dapat dilihat di wad-wad COVID (tingkat 4 & 5), unit-unit rawatan rapi (ICU, CCU dan Burn Unit) dan di Jabatan Kecemasan & Trauma. Lokasi-lokasi ini telah menyumbang kepada bilangan terbesar staf yang dijangkiti COVID-19 berbanding dengan lokasi-lokasi lain di Hospital Sungai Buloh.

G2 ini turut menyaksikan penglibatan kepada beberapa kategori pekerjaan yang tidak wujud semasa G1. Di samping itu, kenaikan mendadak juga turut ditunjukkan oleh staf dari kategori pekerjaan yang sama semasa G1.

Berikut adalah kluster-kluster di Hospital Sungai Buloh:

1. Kluster Dewan Bedah (G1)
2. Kluster Jabatan Kecemasan & Trauma (G2)
3. Kluster Wad-Wad COVID (Tingkat 4 & 5) (G3)
4. Kluster Unit Rawatan Rapi (G5)

Sebagai rumusan, walaupun wabak COVID-19 ini merupakan sesuatu yang baru yang tidak dijangka, UKKP telah menyahut cabaran bagi memastikan keselamatan dan kesihatan

kakitangan Hospital Sungai Buloh terpelihara sebaik mungkin sejajar dengan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA 1994).

Secara umum, adalah menjadi peranan dan tanggungjawab pihak majikan di sesebuah fasiliti kementerian bagi memastikan tempat kerja dalam keadaan selamat dan tanpa risiko jangkitan COVID-19 kepada pekerja dan orang awam yang berurusan; memastikan maklumat, latihan dan pengawasan berkaitan COVID-19 disediakan dan disebarkan; menyediakan PPE yang sesuai kepada pekerja mengikut keperluan kerja masing-masing dan mematuhi SOP berkaitan COVID-19 .

Manakala, pihak pekerja bertanggungjawab bagi keselamatan dan kesihatan diri sendiri, rakan sekerja dan orang lain yang mungkin terjejas semasa menjalankan kerja di fasiliti kementerian; mematuhi prosedur kerja selamat dan memakai PPE yang ditetapkan semasa bekerja; mematuhi apa-apa peraturan dan arahan yang ditetapkan oleh majikan berkaitan COVID-19 .

UNIT KESIHATAN AWAM

Pengenalan

Jabatan Kesihatan Awam (Public Health Department) ialah perkhidmatan yang mula diperkenalkan di Hospital Sungai Buloh pada Ogos 2007. Jabatan ini bermula dengan 2 buah unit iaitu Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan/UKKP (Occupational Safety and Health/OSH) dan Unit Kesihatan Persekitaran (Environmental Health/EH). Mulai tahun 2019, Jabatan Kesihatan Awam terdiri daripada 3 buah unit iaitu:

1. Unit Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan/UKKP (Occupational Safety and Health/OSH)
2. Unit Kesihatan Awam/UKA (Public Health/PH)
3. Unit Kesihatan Keluarga dan Sejahtera/UKKS (Family Health and Wellness/FHW).

Jabatan ini terdiri daripada Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Pegawai Perubatan, Jururawat Terlatih, Jururawat Masyarakat, Penolong Pegawai Perubatan, Pegawai Kesihatan Persekitaran, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran, Penolong Pembantu kesihatan, Pembantu Perawatan Kesihatan dan Pembantu Tadbir Sambilan.

Unit Kesihatan Awam atau UKA mempunyai kekuatan anggota sebanyak 15 orang dengan 7 orang Pegawai Perubatan, 7 anggota inspektorat dan seorang Pembantu Perawatan Kesihatan.

↓Pegawai Perubatan UKA bersama
Ketua Unit




*PSH, PPK dan para
Inspektor Kesihatan Unit*




Statistik


KAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT




KAWALAN VEKTOR



Tugas Lain selain Kawalan Vektor dan COVID-19



	AWAL COVID-19: JAN-FEB	FULLY COVID-19: MAC-JUN	HIBRID: JUL-SEP	FULLY COVID-19: OKT-DIS
■ Penguatkuasaan Undang-Undang Kesihatan Awam: Aktiviti Penguatkuasaan Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004	9	17	13	13
■ Kawalan Persekitaran: Pemantauan dan Pesampelan Air "Cooling tower" (Legionella).	0	0	1	1
■ Kawalan Persekitaran: Pemeriksaan TASKA	0	0	0	1
■ Kawalan Persekitaran: Pelupusan Sampah	2	4	2	2
■ Keselamatan dan Kualiti Makanan: Pemeriksaan Premis Makanan	7	13	12	11
■ Keselamatan dan Kualiti Makanan: Pesampelan Makanan	0	3	7	6
■ Pengurusan Data: Kegagalan dan kelewatan menghantar laporan (Reten bulanan sebelum 5hb)	1	2	0	1



Rawatan/Prosedur Khas COVID-19



1. Seksyen 14 dan 15 (1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 perlu dikeluarkan kepada pesakit COVID-19 yang menerima rawatan di wad Hospital Sungai Buloh, Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN) dan Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) Sungai Buloh.
2. Siasatan kes penyakit-berjangkit di wad dijalankan di atas talian (telefon).
3. Gambar yang diterima daripada pihak awam berkenaan aktiviti merokok dalam kalangan staf Hospital Sungai Buloh akan diambil tindakan dengan mengeluarkan memo berserta gambar kepada Ketua Jabatan atau Unit bagi tindakan selanjutnya.
4. Aduan bergambar yang diterima daripada pihak awam terhadap pengendali premis makanan di kawasan hospital akan diambil serius dan memo akan dikeluarkan terhadap premis berkenaan untuk dipanjangkan kepada pihak pengurusan dan majikan bagi tindakan selanjutnya.
5. Menghadiri Mesyuarat Tindakan Wabak/Denggi Daerah secara mingguan yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah.
6. Kes penyakit berjangkit tanpa notifikasi dari pegawai perubatan akan diberi satu amaran keras. Jika masih berulang tindakan undang-undang akan diambil terhadap Pegawai Perubatan yang gagal notifikasi kes, supaya perkara yang sama tidak berulang.
7. Setiap wad akan diberikan ID untuk mengakses sistem E-notifikasi dan latihan tentang penggunaan serta cara menginput notifikasi akan diberikan kepada setiap staf baru .
8. Penubuhan Unit Kesihatan Awam Command Centre (UKACC) dalam pengurusan data kes-kes COVID-19 dan beberapa peranan penting yang lain dalam membendung pandemik COVID-19 .




UNIT PENCEGAHAN DAN KAWALAN INFEKSI

Pengenalan

Unit Pencegahan dan Kawalan Infeksi mula beroperasi pada tahun 2007. Unit ini bertanggungjawab menjalankan pemantauan terhadap kes-kes Hospital Acquired Infection (HAI) serta Multi Drug Resistant Organism (MDRO) dan mempertingkatkan amalan pencegahan dan kawalan infeksi untuk mengurangkan jangkitan dengan mengikuti polisi terkini daripada Kementerian Kesihatan Malaysia. Unit Pencegahan dan Kawalan Infeksi kini terdiri daripada Ketua Unit, Pegawai Perubatan, Penyelia Jururawat dan *Infection Control Nurse*.

Pada akhir Januari 2020, Hospital Sungai Buloh telah menerima pesakit COVID-19 yang pertama dan ditempatkan di wad 4C. Sepanjang tahun 2020, Unit Pencegahan dan Kawalan Infeksi aktif dalam memberi latihan kepada semua kakitangan Hospital Sungai Buloh serta memperkukuhkan amalan pencegahan dan kawalan infeksi di hospital bagi mengelak penularan jangkitan dalam kalangan kakitangan.


Bil	Aktiviti Yang Dilaksanakan	Elemen / Penerangan
1	<u>Latihan:</u> Memberi latihan donning & doffing PPE serta latihan PAPR kepada semua kakitangan kesihatan, petugas perubatan dan bukan perubatan.	
2	<u>Kesiapsiagaan Pembukaan Wad COVID-19</u> <ol style="list-style-type: none">1. Menyediakan senarai semakan keperluan dan alatan di wad.2. Melaksanakan <i>zoning</i> kawasan dalam wad3. Berhubung dengan pihak konsesi dan Kejuruteraan.4. Bekerjasama dengan Unit kejururawatan bagi penempatan staf.	
3	<u>Menyediakan Sop Berkaitan COVID-19</u> <ol style="list-style-type: none">1. Terminal Cleaning2. Daily Cleaning3. Process dekontaminasi Ambulan/ wad/ Unit4. Proses pengendalian dan pengurusan <i>Clinical Waste, Linen</i> dan <i>sharp Bin</i>5. <i>Zoning</i> dan Lantai laluan petugas, pesakit dan peralatan (laluan bersih dan laluan kotor di hospital)	

4	<p>Rondaan dan audit pematuhan norma baru & amalan pencegahan kawalan infeksi dilaksanakan mengikut garis panduan.</p>	
5	<p>Spesifikasi PPE</p> <ul style="list-style-type: none"> • Terlibat secara langsung dalam Jawatankuasa Penilaian Spesifikasi PPE. • Menjalankan <i>Fit Test</i> kepada kakitangan yang terlibat di dalam <i>Aerosol Generating Prosedur</i>. • Memberi latihan penggunaan reused N95. • Mengukur antropometri muka kakitangan untuk mengenalpasti jenis respirator yang sesuai 	
6	<p><u>Proses Dekontaminasi</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Memantau proses daily cleaning dan terminal cleaning • Memantau dekontaminasi untuk wad/unit yang akan ditukarkan dari COVID-19 kepada NON-COVID-19 . • Memantau pelaksanaan proses dekontaminasi wad/ unit bagi wad-wad yang mempunyai kakitangan yang telah disahkan positif COVID-19. • Proses pembersihan surface cleaning secara menyeluruh dan penggunaan UV light. 	





Statistik

Latihan *Donning & Doffing PPE*



Beban Kerja





Unit Pencegahan dan Kawalan Infeksi memainkan peranan yang penting dalam kesiapsiagaan dan pengurusan pandemik COVID-19 pada tahun 2020. Perancangan yang rapi dan teratur diperlukan bagi memastikan semua kakitangan menerima taklimat, latihan dan sekali gus mempraktikkan amalan yang betul dalam rutin kerja harian bagi tujuan mengelak penularan jangkitan terutama dalam kalangan kakitangan.

UNIT PENYELIAAN


Pengenalan

Pada bulan Januari 2020, pihak kami telah digemparkan dengan berita penularan COVID-19 di Malaysia. Hospital Sungai Buloh merupakan hospital pertama yang telah dipilih sebagai pusat penempatan perawatan pesakit positif COVID-19. Keterlibatan Penolong Pegawai Perubatan (PPP) pada awalnya bermula di Jabatan Kecemasan dengan persiapan Pasukan Prahospital, Pasukan Pusat Saringan PUI, Pasukan Mass Screening, Pasukan Yankee, Pasukan Tango, Pasukan ISOPOD dan Pasukan Screening pesakit di Klinik Pakar (Kaunter Saringan Khas).



Pada pertengahan bulan Februari 2020, Hospital Sungai Buloh telah menerima pesakit pertama positif COVID-19 dari Johor Bahru. Disebabkan peningkatan kes dari semasa ke semasa, kakitangan diperlukan di Pasukan Transporting kes - kes dari blok utama Hospital Sungai Buloh secara berperingkat-peringkat dipindahkan ke hospital di sekitar Selangor yang dipanggil hospital Non-COVID-19. Pada masa ini, keadaan sangat kritikal di mana kakitangan diselubungi ketakutan dan pesakit semakin hari semakin bertambah. Namun, dengan persiapan dan pengalaman yang ada sebelum ini serta berbekalkan semangat dan sokongan daripada semua pihak, kakitangan telah dapat melaksanakan tugas yang diberikan dengan baik. Pada bulan Mac hingga Jun 2020, Hospital Sungai Buloh dijadikan hospital sepenuhnya bagi perawatan COVID-19. Kesemua wad termasuk di Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN) dan fasiliti asrama Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) Sungai Buloh dibuka bagi menampung keperluan pesakit yang semakin meningkat dengan begitu mendadak. Peranan PPP dan Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK) diperlukan di ILKKM Sungai Buloh yang berfungsi sebagai Pusat Kuarantin Pesakit Berisiko Rendah 1.0 (PKRC 1.0) bermula bulan Mac 2020 sehingga bulan Jun 2020, Mobilisasi PPP dan PPK daripada Klinik Pakar ke PKRC ILKKM bermula dan dibantu dengan lantikan PPP Kontrak Fasa 4 dan 6 ditugaskan khususnya di ILKKM.

Statistik



Berikutan dengan penurunan kes semenjak akhir bulan Jun 2020, pihak hospital telah diarahkan semula untuk beroperasi seperti biasa. Pada awal bulan Julai 2020, Hospital Sungai Buloh kembali beroperasi sebagai hospital hibrid. Kes-kes biasa mula diterima walaupun masih ada wad-wad yang dikekalkan sebagai wad COVID-19. Namun demikian, kakitangan sentiasa diterapkan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh pihak hospital. Pemantauan berterusan daripada pihak yang dilantik memastikan keadaan pengawalan jangkitan sentiasa terkawal.

Pada awal September 2020, sekali lagi Lembah Klang mencatatkan jumlah jangkitan COVID-19 semakin meningkat selepas Sabah. Berikutan dengan penambahan pesakit, sekali lagi Hospital Sungai Buloh bersiap siaga untuk menerima pesakit COVID-19 di seluruh Lembah Klang.

Pembukaan Semula Wad COVID-19 Fasa Ke-3 (2 Oktober 2020)

Pada awal September 2020, satu perjumpaan antara Ketua Penyelia Jururawat bersama Pengarah, Unit Kawalan Infeksi dan Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) diadakan bagi membincangkan tentang penukaran semula Hospital Sungai Buloh daripada hospital hibrid kepada hospital COVID-19 sepenuhnya. Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan pembukaan semula wad COVID-19 di bangunan utama hospital, Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN) dan ILKKM Sungai Buloh. Pelbagai lagi perkara yang dibincangkan bagi memastikan penampungan pesakit COVID-19 mencukupi serta kebajikan kakitangan dijaga.

Pengoperasian semula PKRC ILKKM Sungai Buloh merupakan langkah proaktif JKNS bagi memastikan kesiapsiagaan hospital sentiasa berada pada tahap optimum. Pada 17 Mac 2020, perbincangan melibatkan Hospital Sungai Buloh bersama Bahagian Pengurusan Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia, ILKKM Sungai Buloh, dan Radicare Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) diadakan untuk pembukaan pertama sewaktu gelombang pertama (kluster tabligh) pandemik COVID-19 yang melibatkan 4 buah blok asrama ILKKM (Blok E, Blok F, Blok G, dan Blok H). Terdapat peningkatan kes positif COVID-19 berikutan saringan yang dijalankan ke atas pekerja khususnya warga asing di kilang dan juga tapak binaan pada gelombang kedua. Kes positif COVID-19 ini kebanyakannya daripada kategori 1 (pesakit yang tidak bergejala) dan kategori 2 (yang bergejala ringan). Pesakit ini telah dimasukkan ke PKRC ILKKM Sungai Buloh manakala bagi pesakit COVID-19 kategori 3, kategori 4 dan kategori 5 telah dimasukkan ke hospital khusus rawatan COVID-19 .

Bilangan kes positif COVID-19 turut dijangkakan meningkat memandangkan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah memaklumkan bahawa saringan COVID-19 ke atas pekerja khususnya warga asing yang mencarum dengan PERKESO akan dilaksanakan di 6 buah negeri iaitu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. PKRC ILKKM Sungai Buloh ini dibuka secara berfasa di mana fasa pertama dimulakan dengan kapasiti 600 katil di 2 buah blok (Blok A dan Blok C) dan ditambah secara berperingkat-peringkat mengikut keperluan. PKRC ILKKM Sungai Buloh telah pun mula beroperasi pada 12 Oktober 2020 dengan kemasukan pesakit positif COVID-19 bukan warganegara seramai 60 orang di Blok C.

Sewaktu pembukaan PKRC ILKKM kakitangan yang bertugas merupakan kakitangan Hospital Sungai Buloh yang di imobilisasi daripada klinik – klinik pakar. Seramai 15 orang kakitangan Klinik Pakar yang terdiri daripada Klinik Orthopedik, Klinik Bedah Plastik, Klinik Oftalmologi, Klinik ENT dan Klinik Neurologi. Bantuan daripada Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) tiba secara berperingkat mengikut penambahan blok yang dibuka. Antara hospital di kawasan Selangor yang turut terlibat untuk membantu adalah Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Hospital Selayang, Hospital Serdang, Hospital Ampang, Hospital Banting, Hospital Shah Alam, Hospital Kuala Kubu Bharu, Hospital Tanjung Karang, Hospital Tengku Ampuan Jamaah dan Hospital Kajang. PKRC ILKKM juga turut menerima bantuan daripada Jabatan Kesihatan Negeri selain daripada Selangor antaranya Kedah, Terengganu, dan Penang dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pengambilan Penolong Pegawai Perubatan secara kontrak (COS) juga merupakan pendekatan bagi bantuan PKRC ILKKM dan pengambilan Penolong Pegawai Perubatan kontrak secara berfasa dan mengikut keperluan semasa. Penerimaan bantuan daripada agensi luar turut terlibat antaranya paramedik daripada Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Sepanjang tempoh pembukaan PKRC ILKKM Sungai Buloh daripada tarikh 12 Oktober 2020 sehingga 31 Januari 2021, jumlah keseluruhan pesakit yang telah menerima rawatan di PKRC ILKKM Sungai Buloh seramai 22,293 pesakit. Penutupan PKRC ILKKM Sungai Buloh ditutup secara berperingkat. Bangunan di PKRC ILKKM Sungai Buloh telah berjaya dikontaminasi oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Bukit Jelutong pada tarikh 15 Januari 2021 (Blok D, Blok E, Blok F, Blok G, dan Blok H) dan pada 3 Februari 2021 (Blok A, Blok B, dan Blok C). Aset – aset daripada setiap blok di PKRC ILKKM Sungai Buloh dipulangkan kepada jabatan atau unit asal aset tersebut.

Pembukaan PKRC ILKKM Sungai Buloh 2.0 tiada pembelian khusus, peralatan diguna semula sewaktu pembelian darurat sewaktu gelombang pertama dan pembukaan PKRC ILKKM Sungai Buloh 1.0. Sewaktu pembukaan PKRC ILKKM Sungai Buloh 2.0 peralatan dipinjam daripada klinik – klinik pakar dan wad untuk sementara waktu. Pihak JKNS juga turut melakukan pinjaman peralatan perubatan daripada hospital – hospital yang berdekatan. Peralatan bukan perubatan pula seperti bantal, cermin, dan katil kanvas, pembelian dilakukan dibawah JKNS. Setelah pengurangan pesakit di PKRC ILKKM Sungai Buloh, peralatan yang diberi oleh pihak JKNS dihantar ke MAEPS untuk penambahan katil di MAEPS.



UNIT SPIRITUALITI DAN KESIHATAN

Pengenalan


Unit Spiritualiti dan Kesihatan telah ditubuhkan pada bulan Februari 2020 berdasarkan arahan daripada Bahagian Perubatan, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) sebagai Projek Rintis di bawah direktorat Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN) dan Sokongan Klinikal, Hospital Sungai Buloh (HSgB). Ia bertujuan untuk menjamin kelestarian Program Hospital Ibadah serta peningkatan kebolehcapaian pesakit terhadap perkhidmatan kesihatan yang memenuhi pendekatan *Bio-Psycho-Socio-Spiritual* menerusi penyediaan perkhidmatan penjagaan spiritual yang komprehensif. Unit ini bertanggungjawab untuk meyampaikan perkhidmatan di atas kepada pelanggan yang terdiri daripada pesakit, waris dan kakitangan hospital. Tiga seksyen telah dipertanggungjawabkan kepada unit ini iaitu Seksyen Penjagaan Spiritual, Seksyen Hal Ehwal Islam / Hospital Mesra Ibadah dan Seksyen Pengurusan Masjid / Surau Fasilitas.



Statistik



Sesi Penjagaan Spiritual dan Sesi Latihan



WARGA KERJA	AWAL COVID-19: JAN-FEB	FULLY COVID-19: MAC-JUN	HIBRID: JUL-SEP	FULLY COVID-19: OKT-DIS
Pegawai Perubatan COVID	1	1	1	1
Pegawai Penjagaan Spiritual	1	1	1	1

Secara keseluruhannya, Unit Spiritualiti dan Kesihatan telah melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan serta memainkan peranan yang aktif menyokong perkhidmatan perubatan di dalam mendepani cabaran pandemic COVID-19 di Hospital Sungai Buloh. Unit ini telah menyumbang kepada pengendalian sejumlah 341 kes rujukan berkaitan perkhidmatan sokongan spiritual, 38 sesi latihan yang berkaitan dengan perkhidmatan di dalam dan luar faisliti serta 44 pengurusan jenazah COVID 19 mengikut tatacara pengurusan jenazah penyakit berjangkit sepanjang tahun 2020 dengan kekuatan 2 orang anggota. Ringkasannya adalah seperti di butiran berikut:

1. Memberikan perkhidmatan penjagaan spiritual serta pelbagai perkhidmatan atas rujukan yang diterima daripada pesakit, waris dan kakitangan hospital.

2. Mengedarkan panduan amalan (*Spiritual PPE*), bacaan doa pagi memohon perlindungan wabak dan keselamatan, program keagamaan kepada kakitangan hospital.
3. Menyelia dan mengagihkan sumbangan wakaf yang diterima seperti al-Quran, bahan bacaan keagamaan dan lain-lain kepada kumpulan sasar.
4. Terlibat di dalam mengkoordinasikan pengurusan jenazah pesakit COVID-19 bersama Jabatan Perubatan Forensik, Unit Kesihatan Awam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Pengurus Jenazah Hospital Sungai Buloh.
5. Melaksanakan dua siri Kursus Pengendalian Jenazah Pesakit COVID-19 kepada semua Pengurus Jenazah Hospital Sungai Buloh.
6. Memberikan perkhidmatan Konsultasi Penjagaan Spiritual (*Spiritual Care Consultation*) kepada waris Muslim yang kehilangan ahli keluarga disebabkan COVID-19 serta waris bukan Muslim (atas rujukan).
7. Turut serta menguruskan jenazah pesakit COVID-19 bersama Pasukan Pengurusan Jenazah Hospital Sungai Buloh.
8. Menguruskan anggota badan / uri pesakit COVID-19 .
9. Menyelia dan memantau pematuhan Prosedur Operasi Standard (*SOP*) di Masjid Hospital Sungai Buloh.



PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN HOSPITAL SUNGAI BULOH

**"BERSATU TEGUH.
BERCERAI ROBOH"**

PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN HOSPITAL SUNGAI BULOH



BAHAGIAN KEWANGAN DAN AKAUN

Pengenalan

Bahagian Kewangan dan Akaun merupakan bahagian di bawah Jabatan Pengurusan yang bertanggungjawab menyelaras dan melaksanakan Pengurusan Belanjawan, Pengurusan Bayaran Tuntutan, Pengurusan Hasil dan Pengurusan Kewangan Hospital Sungai Buloh.



Statistik



Bahagian ini tidak ketinggalan dalam memberi perkhidmatan sampingan bagi menyokong perkhidmatan hospital semenjak pandemik COVID-19 sepanjang tahun 2020. Hal ini demikian kerana pihak Kementerian Kesihatan dan Kerajaan Malaysia telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi membantu dan menghargai petugas-petugas COVID-19 dengan menyediakan kemudahan Elaun Covid, tuntutan perjalanan dan tuntutan pascabayar telefon bimbit. Secara tidak langsung, beban tugas kakitangan kewangan telah bertambah dan tindakan task force telah diadakan untuk menyelesaikan tugas tambahan dibuat sepanjang tempoh pandemik ini.

Susulan kepada arahan Kementerian Kesihatan yang telahewartakan Hospital Sungai Buloh sebagai Hospital COVID-19, pesakit-pesakit positif COVID-19 telah ditempatkan di hospital ini. Sebuah fasiliti kesihatan iaitu Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) Sungai Buloh telah dijadikan pusat rawatan COVID-19 tambahan juga diselenggara oleh Hospital Sungai Buloh.

Oleh kerana Hospital Sungai Buloh merupakan hospital IT, maka pendaftaran pesakit dibuat melalui sistem eHIS di mana pertambahan pesakit yang hadir secara berkelompok memerlukan jumlah pegawai pendaftaran yang ramai bagi memastikan pendaftaran dapat dibuat dengan cepat dan lengkap.

Oleh yang demikian, bahagian ini telah mengambil inisiatif untuk mengembangkan kaunter pendaftaran Jabatan Kecemasan dengan menambahkan jumlah kakitangan yang digilirkan secara 24 jam bagi membantu pendaftaran pesakit. Seramai 24 orang kakitangan telah digilirkan berbanding 8 orang yang bertugas di Kaunter Pendaftaran Jabatan Kecemasan sebelum penularan Covid -19.


BAHAGIAN PEROLEHAN

Pengenalan

Bahagian Perolehan, Hospital Sungai Buloh (HSgB) mempunyai 2 unit di bawah pentadbirannya iaitu Unit Perolehan dan Unit Pengurusan Aset. Unit Perolehan mengurus pelbagai perolehan secara pembelian terus dan pembelian kontrak selain ubat-ubatan, perolehan sebut harga dan perolehan darurat. Unit Pengurusan Aset pula berfungsi untuk mengurus segala aktiviti pengurusan aset daripada permohonan, penerimaan, pendaftaran, pemeriksaan dan pelupusan aset alih/aset tak alih. Selain itu, unit ini juga melaksanakan aktiviti penyelarasan kelulusan sumbangan hadiah dan aktiviti pengurusan stor.



Statistik



Secara keseluruhannya semasa pandemik COVID-19 , pihak Bahagian Perolehan melalui Unit Perolehan dan Unit Pengurusan Aset bergerak aktif menyokong perkhidmatan perubatan dengan membantu dalam:


1. Pengurusan Pembelian/ Perolehan Aset-aset Perubatan dan Bukan Perubatan, Reagen/ Consumable/ Ubat secara Pembelian Terus, Kontrak Sebut harga dan Perolehan Darurat bagi persediaan menghadapi COVID-19 .
2. Sehingga Disember 2020, sebanyak (33) mesyuarat Perolehan Darurat telah dilaksanakan dengan melibatkan perolehan sebanyak (23) item termasuk ubat, peralatan consumable, reagen/ujian dan aset-aset perubatan dan bukan perubatan.
3. Di samping Perolehan Darurat, pihak Bahagian ini turut melaksanakan perolehan secara Pembelian Terus dan Kontrak dengan pengeluaran sebanyak 1,801 pesanan tempatan. Selain itu, perolehan secara sebut harga juga turut dilaksanakan dengan melibatkan sebanyak 151 sebut harga telah dimuktamadkan.
4. Sepanjang tahun 2020, sebanyak 438,324 item pelbagai barangan keperluan seperti aset perubatan/bukan perubatan, peralatan consumable/ PPE, makanan minuman dan lain-lain kelengkapan (misalnya kosmetik, baucar, alat mandian dan lain-lain) telah disumbangkan oleh pihak syarikat korporat, agensi kerajaan/ badan berkanun dan orang persendirian.

BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM

Pengenalan

Bahagian Perhubungan Awam mula ditubuhkan pada Oktober 2009 di bawah Unit Pentadbiran, Bahagian Pengurusan. Pada peringkat awal penubuhan, Bahagian ini dikenali sebagai Unit Perhubungan Awam. Bahagian ini diketuai oleh seorang Pegawai Perhubungan Awam S41/44 dan dibantu oleh Penolong Pegawai Perhubungan Awam S29/32, dua Pegawai Khidmat Pelanggan N19 dan dua orang Pembantu Tadbir N19. Mulai Januari 2011, Unit Perhubungan Awam dikenali sebagai Bahagian Perhubungan Awam.

Bahagian Perhubungan Awam bertanggungjawab dalam pengurusan maklum balas pelanggan dan pengurusan dengan media melalui perancangan strategi media dalam penyebaran maklumat secara berkesan.




Gambar 1 & 2 : Staf bekerja di Bahagian Perhubungan Awam dan Kaunter Informasi, Lobi Utama



Gambar 3 & 4: Liputan sidang media sewaktu lawatan dari Kedutaan China dan semasa Sambutan Hari Raya oleh petugas di Jabatan Kecemasan & Trauma


Statistik

Pengurusan Maklum Balas Pelanggan




■ Aduan	20	10	22	23
■ Non- Aduan: Cadangan	1	2	0	0
■ Non- Aduan: Penghargaan	7	5	6	7
■ Non- Aduan: Pertanyaan	4	2	7	1
■ Non- Aduan: Permohonan	3	0	1	2
■ Perjumpaan Aduan Kompleks/Medicolegal	6	2	7	3

Permohonan Penggambaran, Liputan Media dan Permohonan Jurugambar




■ Jumlah Penggambaran	2	8	6	3
■ Liputan Media	1	0	1	0
■ Pemantauan Media	0	0	0	2
■ Permohonan Jurugambar	19	1	10	8

Pengurusan Khidmat Pelanggan di Kaunter Informasi, Lobi Utama



Pengumuman, Pengurusan Kandungan Media Rasmi Hospital & Teks Ucapan



Rumusan

1. Pengurusan Maklum Balas Pelanggan daripada pelbagai sumber seperti bersemuka, telefon, emel, media sosial, peti maklum balas pelanggan, akhbar, surat, JKNS/ KKM/BPA, dan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA).
2. Sepanjang tahun 2020, Bahagian Perhubungan Awam telah mengurus maklum balas pelanggan yang meliputi sebanyak 75 aduan dan 57 bukan aduan (pertanyaan, penghargaan, permohonan dan cadangan).
3. Selain itu, sebanyak 18 perjumpaan dengan ahli keluarga telah diatitkan melibatkan aduan-aduan yang kompleks.
4. Sebanyak 2 pemantauan media sosial (Facebook, Twitter dan lain-lain) telah diambil tindakan siasatan dan penambahbaikan.
5. Bagi liputan media pula, sebanyak 2 liputan media telah diuruskan iaitu liputan media semasa lawatan daripada Kedutaan Besar Republik Rakyat China, dan lawatan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).
6. Bahagian Perhubungan Awam juga telah mengurus sebanyak 19 permohonan penggambaran dan temu ramah staf-staf hospital daripada pihak media.
7. Sepanjang tahun 2020, pengurusan Khidmat Pelanggan di kaunter informasi dan lobi utama diteruskan seperti biasa.
8. Sepanjang tahun 2020, sebanyak 38 permohonan jurugambar telah diuruskan oleh Bahagian Perhubungan Awam meliputi aktiviti jabatan, bahagian dan unit.
9. Sebanyak 523 pengumuman telah dibuat sepanjang tahun 2020, meliputi 61 pengumuman permohonan daripada jabatan, 444 pengumuman berkala (Hari Bertemu Pelanggan, Tamat Waktu Melawat, Perhimpunan Bulanan dan Pengumuman COVID-19) dan 18 pengumuman kecemasan (System stand down - IT)
10. Bagi pengurusan kandungan media rasmi hospital iaitu Facebook HSgB, sebanyak 269 kandungan adalah berbentuk hebahan umum, 31 hebahan khas (COVID-19), 20 album dan 32 hebahan berbentuk kempen (awareness) telah dimuat naik sepanjang tahun 2020.
11. Bahagian Perhubungan Awam juga telah menyediakan sebanyak 4 teks ucapan untuk program-program di peringkat hospital.

BAHAGIAN PSIKOLOGI DAN KAUNSELING

Pengenalan

Perkhidmatan psikologi kaunseling tertumpu kepada pembangunan dan pemulihan emosi anggota hospital dan juga orang awam, iaitu pesakit yang terkesan dengan pandemik COVID-19. Perkhidmatan psikologi kaunseling kepada anggota barisan hadapan adalah bagi mengenal pasti mereka yang mula mengalami kelesuan mental serta membantu mereka membina daya tindak dalam penjagaan aspek kesihatan emosi dan mental yang baik.



Bahagian Psikologi Kaunseling bekerjasama rapat dengan Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental, Unit Terapi Carakerja, Unit Penjagaan Kesihatan dan Spiritualiti, dan Jabatan Kerja Sosial Perubatan bergabung di bawah satu unit yang dinamakan sebagai Kumpulan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial (Mental Health and Psychosocial Support - MHPSS). Gabungan ini bertujuan untuk mengendali isu kesihatan mental kesan daripada penularan wabak pandemik COVID-19 .




Statistik

Sesi Taklimat <i>Pre-Deployment</i>	Petugas Kesihatan yang terlibat
38 Siri	1320 Petugas

Saringan Kesihatan Mental (Saringan DASS-21)





Demografi Kes Keseluruhan:

Rujukan Kes – Kategori Jantina	
Lelaki	225
Perempuan	513

Kategori Pekerjaan	
Tidak Bekerja	149
Bekerja Sendiri	85
Swasta	205
Penjawat Awam	34
Warga HSgB	32
Warga KKM	70
Pelajar	175

Kategori Klien	
Kanak-Kanak	88
Remaja	128
Dewasa	495
Warga Emas	27

Jenis Perkhidmatan Kaunseling	
Individu	681
Kelompok	10
Keluarga	43
Perkahwinan	13

Jumlah Sesi - 1472	Baru	806
	Susulan	666

Perkhidmatan sokongan ini juga banyak memberi manfaat kepada pesakit-pesakit yang juga berjuang dalam melawan wabak COVID-19. Keadaan ini memberi kesan kepada perubahan psikologi manusia serta kepada kehidupan secara amnya. Terdapat dalam kalangan mereka yang kehilangan ahli keluarga dan ada juga dalam kalangan mereka mengalami tekanan perasaan, kebimbangan yang melampau dan kesukaran dalam mengurus pemikiran. Justeru, amatlah wajar agar kesihatan mental dan kesejahteraan emosi diberi perhatian sejajar dengan kesihatan fizikal.

Garapan dan sokongan daripada pelbagai jabatan dan profesion di Hospital Sungai Buloh membentuk satu pasukan yang jitu bagi mempromosikan, menggalakkan, dan memberikan perkhidmatan ke arah penjagaan kesihatan mental yang baik dalam kalangan anggota kesihatan mahupun pesakit-pesakit yang mendapatkan rawatan.

Antara aktiviti yang dijalankan termasuklah:

1. Taklimat sebelum bertugas (*pre-deployment briefing*)

Sesi penerangan ini lebih kepada pemantapan berkaitan persediaan, penjagaan dan pengurusan aspek kesihatan fizikal, mental dan juga emosi anggota yang terlibat dalam perkhidmatan perawatan pesakit COVID-19 agar mereka dapat melaksanakan tugas dengan lebih baik.

Anggota yang terlibat dalam sesi penerangan ini terdiri daripada Pegawai Perubatan Pakar, Pegawai Perubatan, Jururawat, Penolong Pegawai Perubatan, Pembantu Perawatan Kesihatan, Pemandu dan juga jawatan-jawatan lain yang turut serta dalam misi melawan pandemik COVID-19 .

2. Saringan Minda Sihat melalui *QR Code*

Saringan Minda Sihat atau DASS melalui imbasan *QR code* merupakan salah satu kaedah yang diguna pakai bagi mengenal pasti atau mendapatkan maklumat daripada mana-mana anggota yang memerlukan sokongan psikososial berikutan keadaan kesihatan emosi dan minda berada dalam keadaan kurang baik. Saringan ini juga terbuka kepada mana-mana pesakit yang ingin mendapatkan bantuan sokongan kumpulan Petugas MHPSS yang berada di hospital.

3. Kaunseling individu melalui talian tele-kaunseling

Perkhidmatan psikologi kaunseling semasa pandemik COVID-19 berubah daripada kaedah konvensional (secara bersemuka) kepada kaedah kaunseling atas talian atau tele-kaunseling melalui panggilan telefon. Namun, terdapat juga beberapa kes yang memerlukan kaedah konvensional dalam memberikan perkhidmatan kaunseling agar proses hubungan menolong berjalan dengan lebih efektif.


4. Sokongan kelompok (*Support Group*)

Kumpulan MHPSS juga ada menjalankan aktiviti sokongan kelompok kepada anggota kesihatan namun kelompok ini adalah terhad kepada kelompok yang kecil dan diadakan mengikut prosedur operasi standard (SOP) pencegahan wabak COVID-19 .



BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Pengenalan


Anggota-anggota kesihatan sedia ada di Hospital Sungai Buloh (HSgB) daripada pelbagai skim perkhidmatan telah dimobilisasi untuk bertugas sebagai petugas barisan hadapan. Selain itu, pegawai dan kakitangan sokongan yang lain turut ditugaskan bagi membantu urusan penyelarasan operasi seperti menganggotai Ahli Jawatankuasa Kesiapsiagaan bagi merancang pelan tindakan pada peringkat hospital dan pasukan penyelarasan terimaan sumbangan daripada pihak luar. Pada Disember 2020, jumlah keseluruhan petugas barisan hadapan yang terlibat dalam operasi COVID-19 ialah seramai 3,032 orang.




Statistik



Maklumat Kemasukan Anggota Kesihatan Dari PTJ Luar



Maklumat Kemasukan Anggota Kesihatan Dari PTJ Luar



HSgB juga telah menerima seramai 875 orang pegawai lantikan secara Contract Of Service (COS) sepanjang tahun 2020 bagi membantu hospital dalam operasi COVID-19 .

Mobilisasi Daripada Hospital Luar / ILKKM

Selain anggota kesihatan sedia ada dan lantikan kontrak, HSgB turut dibantu oleh Pakar-Pakar Perubatan dan anggota-anggota kesihatan daripada hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang lain dan hospital swasta serta pelatih-pelatih Pos Basik / Diploma Lanjutan dan juga pengajar-pengajar Institut Latihan KKM (ILKKM).

Pelaksanaan Urusan Latihan Secara Norma Baharu

HSgB telah menerima peruntukan bagi melaksanakan Program Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) bagi tahun 2020 mengikut Pelan Operasi Latihan yang telah dirancang. Peruntukan yang diterima melibatkan agihan kepada Program Pengurusan (48%), diikuti dengan Program Ketua Perkhidmatan KKM (36%), Ketua Program Negeri Selangor (13%) dan Ketua Bidang HSgB (3%).

Pada suku pertama tahun 2020, semua kursus yang telah dirancang berjaya dilaksanakan dengan jayanya namun apabila negara dilanda dengan penularan wabak COVID-19 sekitar bulan Januari 2020, Kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara berfasa bermula pada 18 Mac 2020. Keputusan ini telah menyebabkan sebarang bentuk majlis kerajaan atau swasta, tidak dibenarkan untuk dilaksanakan. Dalam hubungan ini, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) telah mengambil ketetapan untuk menangguhkan sebarang bentuk pelaksanaan kursus/bengkel/program bermula pada bulan Mac 2020 bagi memberi tumpuan kepada usaha KKM dalam membendung penularan wabak COVID-19 .

Walau bagaimanapun, pada 13 Mei 2020, kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan PKP Bersyarat (PKPB) apabila kes jangkitan wabak COVID-19 mula menunjukkan penurunan. JKNS telah menyahut baik saranan kerajaan bagi mengamalkan norma baharu dan penekanan terhadap prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan, dengan membenarkan kesemua kursus yang telah dirancang pada tahun 2020 untuk dilaksanakan secara maya bermula pada 10 Jun 2020. Ini adalah selaras dengan matlamat bagi memastikan pembangunan modal insan dapat diteruskan mengikut situasi semasa. Sehingga Disember 2020, prestasi perbelanjaan peruntukan LDP Tahun 2020 telah mencapai 99.67% berbanding peruntukan yang diterima.

HSgB telah mengambil pendekatan bagi meneruskan program latihan secara norma baharu di mana pelaksanaan Continuous Medical Education (CME) Program Perubatan telah diadakan secara kaedah sidang video melalui penubuhan jawatankuasa khas. Jawatankuasa eCME ditubuhkan bagi merancang, memantau dan melaporkan pelaksanaan Program eCME kepada pihak Pengurusan Hospital. Program ini mengguna pakai aplikasi Skype For Business (SFB) bagi menyalurkan informasi program kepada peserta yang hadir secara fizikal (mengikut SOP yang ditetapkan) dan secara maya.

BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN PEMBANGUNAN


Pengenalan

Tahun 2020 merupakan tahun yang begitu mencabar susulan daripada pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia. Khusus bagi HSgB, yang diberikan tanggungjawab sebagai hospital utama bagi perawatan pesakit COVID-19 atau Hospital Fully COVID-19 terutama di sekitar Lembah Klang, terdapat keperluan bagi jabatan/bahagian mengorak langkah dengan mengambil inisiatif menyediakan keperluan perkhidmatan yang penting dan bersesuaian berdasarkan kapasiti masing-masing. Jabatan Pengurusan, HSgB turut membantu memainkan peranan penting pada tahun 2020, khususnya dalam aspek pengurusan khidmat sokongan semasa pandemik COVID-19 .




Statistik


Agensi Yang Membantu Menyediakan Kemudahan Penginapan




Jumlah Kemasukan Penginapan Di Kemudahan Kuarters HSgB (Termasuk Kuarters Integrasi Dan Asrama Jururawat) Bagi Petugas COVID-19/Petugas Mobilisasi



Jumlah Keseluruhan Permohonan Penggunaan Kenderaan Jabatan Yang Diluluskan



Jumlah Keseluruhan Projek Pembangunan



Antara pencapaian yang signifikan oleh Bahagian Pentadbiran dan Pembangunan ialah seperti yang berikut:

1. Membantu menyediakan kemudahan penginapan yang selesa untuk anggota kesihatan yang dimobilisasi ke HSgB. Selain kemudahan penginapan di kawasan kuarters hospital sedia ada, pihak Bahagian juga bekerjasama dengan agensi lain, iaitu Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Bukit Kiara, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Sungai Buloh dan Institut Kesihatan Negara (NIH) di Setia Alam, untuk menyediakan kemudahan penginapan susulan daripada keperluan anggota yang semakin ramai dan meningkat dari semasa ke semasa.
2. Menjalinkan kerjasama strategik dengan Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) Sungai Buloh untuk membantu menyediakan kemudahan pengangkutan bagi perkhidmatan shuttle sama ada bas atau van untuk anggota kesihatan yang menginap di INTAN dan UiTM untuk berulang-alik ke HSgB atau Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) ILKKM Sungai Buloh. Sepanjang 2020, pihak pengurusan telah meluluskan sebanyak 2004 permohonan penggunaan kenderaan
3. Menjalinkan kerjasama strategik dengan empat (4) buah hospital (Hospital Selayang, Hospital Kajang, Hospital Serdang dan Hospital Shah Alam) serta Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Gombak dan Petaling bagi penyediaan kemudahan lori dan van susulan daripada pelbagai pengaturan logistik antara fasiliti di HSgB, Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN) dan PKRC ILKKM Sungai Buloh
4. Membantu menyelaras urusan kawalan keselamatan bersama-sama dengan agensi lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Penjara Malaysia dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) susulan daripada peningkatan kemasukan kes pesakit COVID-19 pelbagai kategori dan latar belakang yang terdiri daripada warganegara Malaysia dan bukan warganegara Malaysia;
5. Membantu memudah cara urusan pembukaan dan pengoperasian Bed Management Unit (BMU) yang berpusat di Perpustakaan HSgB sebanyak dua (2) kali pengoperasiannya iaitu semasa tempoh pertama bermula April 2020 dan seterusnya bagi tempoh bermula Oktober 2020. Bagi tempoh ini juga, perkhidmatan perpustakaan beroperasi secara minimum dan warga hospital digalakkan mengakses perkhidmatan virtual library sekiranya terdapat keperluan;
6. Membantu mengurus dan memantau projek-projek naik taraf dan ubah suai yang penting, khususnya berkaitan kesiapsiagaan dalam tempoh pandemik COVID-19, melibatkan pelbagai lokasi misalnya Jabatan Kecemasan dan Trauma di HSgB, dan wad-wad di PKKN. Urusan berkaitan projek pembangunan ini dilaksanakan secara kerjasama erat dengan pihak Bahagian Kejuruteraan dan Penswastaan.
7. Membantu mengurus pelbagai keperluan alat tulis dan juga domestik susulan daripada peningkatan keperluan pelbagai jabatan/wad yang beroperasi di HSgB, PKKN dan PKRC ILKKM Sungai Buloh. Didapati juga terdapat trend peningkatan keperluan apabila lebih banyak wad dibuka di PKKN Timur dan lebih banyak blok beroperasi di PKRC ILKKM Sungai Buloh; dan
8. Membantu menyediakan perkhidmatan telefonis/operator telefon sama ada bagi talian komunikasi dalaman HSgB dan juga PKKN, atau talian komunikasi luaran. Susulan daripada pandemik ini juga, terdapat pelbagai panggilan telefon diterima daripada jabatan kerajaan atau masyarakat umum, termasuklah berbentuk pertanyaan/rujukan orang awam, mengenai sebarang isu atau perkhidmatan kesihatan berkaitan COVID-19 .

BAHAGIAN KEJURUTERAAN & PENSWASTAAN

Pengenalan

Bahagian Kejuruteraan dan Pensiwaan (BKP) telah beroperasi sejak Disember 2009 yang mana bahagian ini diwujudkan dengan mengambil alih tugas SIHAT yang tamat kontrak pada November 2011. Tujuan BKP ini ditubuhkan ialah untuk mengawal selia 6 Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) yang disediakan oleh syarikat konsesi yang dilantik iaitu Radicare (M) Sdn Bhd, memberi khidmat nasihat teknikal, memantau projek pembangunan dan perolehan bekalan serta menjalankan proses pendaftaran aset tak alih di Hospital Sungai Buloh (HSgB). 6 skop Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) ialah seperti yang berikut :

1. Perkhidmatan Pengurusan Fasiliti - Facility Management Services (FMS).
2. Perkhidmatan Kejuruteraan Pengurusan Fasiliti - Facility Engineering Management Services (FEMS).
3. Perkhidmatan Pengurusan Kejuruteraan Biomedikal - Biomedical Engineering Management Services (BEMS).
4. Perkhidmatan Linen dan Pendobian - Linen and Laundry Services (LLS).
5. Perkhidmatan Pembersihan - Cleansing.
6. Perkhidmatan Pengurusan Sisa Klinikal - Clinical Waste Management System (CWMS).

Fungsi Jabatan

Kawal Selia Perkhidmatan Sokongan Hospital

1. Mengurus dan menjalankan pemeriksaan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh pihak konsesi berteraskan panduan-panduan yang telah ditetapkan.
2. Menyemak dan mengesahkan yuran fi bulanan syarikat konsesi melalui Mesyuarat Jawatankuasa Validasi (VCM).
3. Memastikan keenam-enam perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat konsesi mematuhi dokumen perjanjian dan garis panduan yang telah ditetapkan.

Fungsi Nasihat Teknikal

1. Menyediakan laporan nasihat teknikal yang betul dan tepat kepada pengguna berkenaan sesuatu sistem atau peralatan.
2. Memastikan nasihat teknikal yang disampaikan dipatuhi oleh pengguna bagi menjamin keselamatan pesakit dan kakitangan khususnya.


Pelaksana dan Pemantau Projek Pembangunan dan Perolehan Bekalan

1. Membantu jabatan-jabatan lain di HSgB dalam penyediaan spesifikasi teknikal bagi perolehan kerja.
2. Menjalankan penilaian teknikal bagi perolehan kerja dan bekalan ke atas dokumen-dokumen tender/sebut harga.
3. Bekerjasama dengan badan-badan teknikal lain seperti Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dalam memberikan maklumat dan pandangan bagi memastikan projek yang dilaksanakan mematuhi dan memenuhi kehendak pengguna di hospital.




Statistik

Beban Kerja Mengikuti 4 Fasa




Beban Kerja Mengikuti 3 Fasa




Reimbursable Work (RW)	26	135	26
Nota minta	98	174	26
Testing & Commissioning (T&C)	26	135	26
RW (RADICARE (M) SDN BHD)	26	135	26

RADICARE: Beban Kerja



Aduan	3672	8174	5527	6837
NCR HSgB	394	358	751	666
NCR PKKN	295	296	1118	338



Gelombang pandemik COVID-19 telah melanda Malaysia sejak bulan Mac tahun 2020. Seperti yang kita sedia maklum, Hospital Sungai Buloh telah diwartakan sebagai Hospital Fully COVID-19 semasa pandemik ini berlaku. Situasi ini menyebabkan beberapa pengubahsuaian perlu dijalankan merangkumi skop Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH), kerja-kerja perubahan fungsi bilik dan beberapa projek naik taraf bagi memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh Unit Kawalan Infeksi (Infection Control) dalam memberikan rawatan kepada pesakit COVID-19 serta memastikan keselamatan dan kesihatan kakitangan Hospital Sungai Buloh lebih terjamin.

Sepanjang tahun 2020, waran peruntukan bernilai RM5, 850, 000.00 telah diterima di bawah tajuk Kerja-Kerja Kecemasan di Hospital Terlibat bagi Persediaan Isu Jangkitan COVID-19 di Malaysia, Hospital Sungai Buloh, Selangor & Pusat Kawalan Kusta Negara – Fasa 6 daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Melalui peruntukan ini, sebanyak 135 kerja-kerja imbuhan balik (Reimbursable Work) telah dilaksanakan di Hospital Sungai Buloh dan Pusat Kawalan Kusta Negara yang melibatkan pelbagai perkhidmatan di bawah PSH.

Beberapa penstrukturan semula proses kerja telah dilakukan bagi memastikan skop kerja utama BKP, kerja-kerja naik taraf, proses pembayaran dan kerja-kerja hakiki semasa berjaya dilaksanakan dengan baik dan disiapkan mengikut tempoh masa dan prosedur yang betul.

Projek Di Hospital Sungai Buloh

Terdapat 43 kerja-kerja menaiktaraf fasiliti dan kemudahan yang telah mendapat kelulusan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk dijalankan oleh HSgB sebagai kesiapsiagaan dalam

mendepani pandemik COVID-19. Projek tersebut telah berjaya dijalankan dengan kerjasama Syarikat Koneksi Radicare (M) Sdn Bhd dalam tempoh yang singkat dan pengawasan piawaian yang ketat. Sepanjang tempoh itu antara kerja-kerja utama yang dijalankan adalah :

1. Membina dinding pengasingan dilokasi penting bagi mengelakkan pencemaran silang berlaku dikalangan pesakit dan kakitangan hospital .
2. Menaiktaraf sistem ventilasi dan penyaman udara bagi memenuhi keperluan bilik isolasi bertekanan negatif sebanyak 14 bilik satu katil dan 3 bilik dua katil .Ianya melibatkan wad ICU West Wing(6 bilik) , Jabatan Kecemasan (2 bilik) dan wad 4c(9 bilik) .
3. Membina stesen PUI di Jabatan Forensik yang melibatkan pembinaan dinding , bekalan air , bekalan eletrik dan stor penyimpanan.
4. Membina dinding akrilik di kubikel katil pesakit untuk Observation Bay, Red Zone & Yellow Zone di Jabatan Kecemasan .
5. Menaiktaraf sistem ventilasi dengan memasang sistem UVGI untuk 14 kubikel pesakit di Jabatan Kecemasan.
6. Membina kemudahan untuk dofining dan doning di ICU East , GOT dan Day Care Wad.
7. Memasang jerji tingkap bagi tujuan keselamatan pesakit di wad -wad aras 4 blok D Hospital Sungai Buloh .

Projek di Pusat Kawalan Kusta Negara

Bagi menampung jumlah pesakit yang meningkat di sebabkan COVID-19 , PKKN juga tidak ketinggalan dalam projek naiktaraf ini disebabkan HSgB dan PKKN telah diwartakan sebagai hospital COVID-19 di Zon Tengah .Beberapa kerja -kerja menaiktaraf wad-wad di PKKN dijalankan bagi membolehkan fasiliti tersebut dijadikan penempatan untuk pesakit COVID dan juga sebagai bilik gerakan kakitangan kesihatan yang ditempatkan di PKKN . Terdapat 92 projek kerja-kerja menaiktaraf di PKKN yang telah dijalankan bagi tujuan tersebut . Secara ringkasnya, di PKKN Barat , 20 buah wad dan 1 buah Dewan Ilmiah telah dinaiktaraf manakala di PKKN Timur , melibatkan kerja - kerja menaiktaraf 6 buah wad dan 3 blok di Communal Home . Selain itu, bagi memastikan operasi perkhidmatan kesihatan berjalan lancar , kerja - kerja menaiktaraf bekalan elektrik utama dan sistem talian telefon juga telah dijalankan .Antara kerja - kerja utama yang dijalankan di PKKN adalah :

1. Memasang jaring penghalang nyamuk di wad - wad yang menempatkan pesakit COVID-19.
2. Membekal dan memasang jerji besi tingkap di wad- wad yang menempatkan pesakit COVID-19 untuk tujuan keselamatan .
3. Kerja-kerja menaiktaraf bekalan elektrik utama daripada Tenaga Nasional Berhad termasuk menaiktaraf Papan Suis Utama (Main switch board) daripada kapasiti 400Amp kepada 800Amp serta kerja-kerja yang berkaitan bagi mengelakkan gangguan bekalan elektrik .
4. Menaiktaraf tandas di wad -wad pesakit dari tandas cangkung kepada tandas jenis duduk termasuk penambahbaikan sistem bekalan air dan pendawaian .

5. kerja-kerja menaiktaraf sistem perpaipan dan pemasangan pemanas air di tandas pesakit dan kakitangan di wad -wad yang menempatkan pesakit COVID-19.
6. Menaiktaraf sistem pendawaian elektrik , soket mata kuasa dan pemasangan kipas di wad-wad yang menempatkan pesakit dan bilik gerakan kakitangan yang bertugas .
7. Menaiktaraf sistem pendawaian dan talian rangkaian telekomunikasi beserta kelengkapan alat komunikasi di PKKN Timur .
8. Menyelenggara , mengubahsuai perpaipan dan menyewa tandas dan bilik mandi mudah alih untuk kegunaan pesakit dan kakitangan yang bertugas di PKKN . (7 bilik mandi mudah alih , 14 tandas mudah alih dan 32 tandas mudah alih NADMA).

BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Pengenalan

Bahagian Teknologi Maklumat, Hospital Sungai Buloh telah diwujudkan di bawah Jabatan Pengurusan Hospital pada tahun 2005 khusus untuk membantu pihak pengurusan Hospital Sungai Buloh dalam merancang, membangun, melaksana dan menyelenggara sistem dan program ICT dari masa ke semasa. Memandangkan Hospital Sungai Buloh dirancang untuk menggunakan sistem ICT sepenuhnya, Bahagian Teknologi Maklumat telah dipertanggungjawabkan untuk mengurus dan memantau pelaksanaan projek Total Hospital Information System (THIS).

Namun, bermula 8 Mac 2020 hingga sekarang, Hospital Sg Buloh ditransformasi sebagai hospital Full-COVID-19 untuk menangani wabak Pandemik COVID-19. Dari proses transformasi sehingga kini, BTM juga turut berganding bahu dalam menyokong penstrukturan Hospital Covid dari segi peralatan ICT dan juga rangkaian. Begitu juga dengan sistem HIS, pihak BTM menerima banyak pewujudan user ID untuk kakitangan kesihatan yang ingin akses sistem HIS.

Yang pasti, sistem HIS merupakan sistem utama dalam pelaksanaan proses kerja Covid dan untuk mewujudkan capaian sistem HIS di antara 2 bangunan lain juga perlu dibuat dan peluasan serta penaiktarafan rangkaian 1Govnet perlu dilaksanakan.



Bersihkan Peralatan ICT dari Wad COVID



Setup VC




Kuanter BTM Disediakan Dengan SOP



Ruang Menunggu BTM Disediakan Dengan SOP




Persediaan Peralatan ICT Untuk Lokasi COVID




Bilik Latihan Dengan SOP

Statistik

Jumlah Aduan ICT



Beban Tugas Tambahan ICT Semasa Wabak COVID-19



Perkhidmatan Non-Covid Yang Disediakan Semasa COVID-19

1. Sistem HIS untuk kegunaan semua pengguna hospital bagi menguruskan pesakit.
2. Menjana data pesakit COVID-19 yang diperlukan melalui sistem kepada pengguna.
3. Menyediakan keperluan peralatan ICT bagi mengurus pesakit.
4. Menguruskan Video Conferencing untuk semua aktiviti yang melibatkan perbincangan pengurusan pesakit COVID-19.
5. Menghebahkan program/aktiviti hospital melalui pelbagai media seperti emel, desktop dan laman web.
6. Memberi khidmat nasihat/bantuan ICT kepada semua warga hospital.

Norma Baharu Di Jabatan

1. Panduan Pengurusan Peralatan ICT semasa Wabak Penyakit Berjangkit (COVID-19)
2. Panduan Pengurusan Latihan HIS semasa Wabak Penyakit Berjangkit (COVID-19)
3. Panduan Pengurusan User ID semasa Wabak Penyakit Berjangkit (COVID-19)

Selain dari itu juga, bagi menjaga penjarakkan sosial dan saranan dari KKM dan JPA, BTM melaksanakan Bekerja Dari Rumah (BDR) dan juga meminta khidmat nasihat dari Unit Kawalan Infeksi bagi lokasi BTM.

Jumlah aduan yang diterima purata dalam lingkungan 400 hingga 1000 aduan sebulan. Aduan aplikasi adalah melibatkan masalah sistem dan juga penetapan katil di lokasi yang baru diwujudkan. Bagi aduan teknikal pula adalah melibatkan aktiviti relokasi peralatan ICT dan pewujudan rangkaian secara meluas pada Mac 2020 bagi permulaan Hospital COVID-19. Bagi pengurusan User ID, jumlah aduan pewujudan User ID juga bertambah memandangkan kakitangan baru ramai yang melapor diri.

Bagi Video Conference (VC) penggunaan direkodkan bermula Mei 2020 sehingga kini dan semakin meluas. KKM serta agensi lain juga menggunakan VC untuk berkomunikasi dengan pihak HSgB. Secara harian, pihak BTM menguruskan beberapa VC secara serentak dengan lokasi VC yang berlainan.

Pihak BTM juga bertanggungjawab dalam memberi kesedaran ICT kepada semua pengguna supaya tidak leka dengan keselamatan ICT terutama bagi data perubatan dalam tempoh pandemik.

JABATAN REKOD PERUBATAN

Pengenalan

Fungsi utama Jabatan Rekod Perubatan ialah mengurus rekod perubatan pesakit (fizikal dan maklumat elektronik), laporan perubatan / laporan bedah siasat, pengesahan maklumat kesihatan, Lembaga Perubatan (Am, PERKESO dan KWSP) dan pengurusan Data Informatik Kesihatan KKM.

Semasa musim pandemik COVID-19, Jabatan Rekod Perubatan bertanggungjawab menguruskan rekod perubatan pesakit COVID-19 merangkumi rekod perubatan fizikal (rekod perubatan yang tidak boleh dikunci masuk dalam Sistem HIS seperti surat rujukan, Surat Keizinan Pembedahan, Carta Pemerhatian dan borang-borang pengurusan pesakit dan juga Rekod Perubatan (BHT) daripada Pusat Kuarantin dan Rawatan Risiko Rendah COVID-19 (PKRC) ILKKM Sungai Buloh. Rekod-rekod ini perlu disimpan dan dilupuskan mengikut peraturan yang termaktub di bawah Akta Arkib Negara Malaysia dan Jadual Pelupusan Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai rujukan kesinambungan perawatan kesihatan dan bukti kes-kes litigasi serta Medico-Legal.


Jabatan ini juga menerima dan memproses pelbagai jenis permohonan laporan perubatan kes-kes pesakit COVID-19 bagi rujukan majikan, tuntutan insurans, PERKESO, KWSP dan lain-lain tujuan semasa pandemik COVID-19. Selain itu, laporan perubatan yang diuruskan oleh Jabatan Rekod Perubatan terdiri daripada Laporan Perubatan Format KKM, Laporan Ringkas Pakar, Laporan Terperinci Pakar, Laporan Klarifikasi, Borang Sara Ubat, Borang Kebajikan Masyarakat, Borang Bantuan Zakat dan lain-lain format Laporan Perubatan yang berkaitan.

Pelanggan yang berurusan dengan Jabatan Rekod Perubatan ialah pesakit, waris, peguam, polis, majikan, KWSP, PERKESO, syarikat insurans serta agensi kerajaan dan swasta yang lain. Di samping itu, jabatan ini bertanggungjawab mengurus data-data informatik kesihatan yang dijana menerusi input maklumat pendaftaran pesakit dalam, borang bancian harian wad, borang HMIS Rawatan Pesakit Luar serta klasifikasi penyakit pesakit dalam berpandukan piawaian ICD-10 WHO dalam Sistem My Healthcare Datawarehouse (MyHDW - Sistem Maklumat Rawatan Pelanggan) KKM.




Statistik


Rekod Perubatan: Jumlah Kemasukan Wad dan Pesakit Luar



Rekod Perubatan: Jumlah Pembedahan, Rawatan Harian dan Dialisis




Penerimaan Fail Rekod Perubatan (RPP)



Penerimaan Fail Rekod Perubatan (RPP)

Permohonan Laporan Perubatan



Permohonan Laporan Perubatan

Rekod Perubatan

Jumlah penerimaan rekod perubatan di Jabatan Rekod Perubatan mempunyai hubungan yang signifikan dengan jumlah kehadiran pesakit yang mendapatkan rawatan di hospital. Pertambahan dan pengurangan jumlah pesakit susulan daripada COVID-19 , memberi kesan langsung kepada jumlah Rekod Perubatan Fizikal yang disimpan di Jabatan Rekod Perubatan. National Indicator Approach (NIA) KKM bagi penghantaran rekod perubatan dalam tempoh 72 jam perlu dipatuhi sebagai alat pemantauan dan kawalan keselamatan rekod perubatan bagi pesakit yang telah discaj dan selesai rawatan di Hospital Sungai Buloh. Peratus pematuhan terhadap indikator ini adalah sebanyak 97.44% iaitu mencapai standard minimum 95%.

Pengurusan Laporan Perubatan Dan Laporan Bedah Siasat

Indikator pencapaian tempoh penyediaan laporan perubatan kepada pesakit dan pihak ketiga mengikut masa yang telah ditetapkan oleh KKM adalah penting untuk dicapai oleh Jabatan Rekod Perubatan bagi mengukur tahap perkhidmatan jabatan ini kepada pelanggan luaran hospital. Tempoh penyediaan laporan perubatan perlu mematuhi Piagam Pelanggan Teras KKM dan Hospital Performance Indicator for Accountability (HPIA) iaitu 90% siap dalam tempoh empat minggu.

Walau bagaimanapun, pada musim pandemik COVID-19 , piagam pelanggan penyediaan laporan perubatan tidak dapat mencapai tahap 90% disebabkan faktor mobilisasi Pegawai Perubatan ke dalam COVID-19 pool dan bebanan kemasukan kes COVID-19 yang tinggi menyebabkan laporan perubatan tidak dapat disediakan dalam tempoh yang ditetapkan.



JABATAN DAN UNIT KLINIKAL

**HOSPITAL
SUNGAI BULOH**

**"BULAT AIR KERANA PEMBENTUNG,
BULAT MANUSIA KERANA MUAFAKAT"**

JABATAN DAN UNIT KLINIKAL HOSPITAL SUNGAI BULOH

JABATAN BEDAH MULUT MAKSILOFASIAL

Pengenalan

Ketika Malaysia dilanda krisis COVID-19 dan Hospital Sungai Buloh diisytiharkan sebagai Hospital COVID-19 pada awal Mac 2020, Klinik Bedah Mulut dan Maksilofasial hanya dapat menerima dan mengurus kes-kes kecemasan sahaja. Kes-kes trauma dan infeksi orofasial yang memerlukan kemasukan ke wad dan kes kanser yang memerlukan pembedahan telah dirujuk ke Hospital Shah Alam dan Institut Kanser Negara (IKN) untuk rawatan lanjut. Sebahagian kakitangan Jabatan Bedah Mulut & Maksilofasial juga telah diagihkan ke unit/jabatan lain untuk membantu krisis COVID-19 ini. Antara unit/jabatan yang terlibat ialah:



1. Unit Kesihatan Awam (UKA)
2. Covid rotation roster
3. Infection control
4. Screen and swab stations di kawasan PKPD
5. Bed management unit (BMU) (Pada fasa kedua full COVID-19)

Klinik Bedah Mulut juga telah diubah mengikut keperluan dan keadaan semasa. 2 buah bilik telah dijadikan sebagai bilik *aerosol generating procedure* untuk prosedur di bawah bius setempat yang dilengkapi dengan *extraoral aerosol suction machine*. Sepanjang tempoh ini juga, perkhidmatan klinik lebih mengutamakan rawatan untuk kes COVID-19.


Walau bagaimanapun, pada fasa kedua Hospital Sungai Buloh kembali sebagai Hospital COVID-19 , bilangan pesakit luar telah dikurangkan sebanyak 20% dan *aerosol generating procedure* di bawah bius setempat diteruskan seperti biasa. Kebanyakan kes kecemasan yang dirujuk pada tempoh ini ialah daripada wad COVID-19 dan Jabatan Kecemasan sahaja.




Statistik



Pembedahan



Warga Kerja



Penerbitan kertas pembentangan/penulisan

1. Management of Severe Odontogenic Head and Neck Infection with Necrotizing Fascitis in patient under Investigation for COVID-19

- Siti Nur Nabihah Zainul Abidin, Daniel Lim, Syed Iqbal Syed Husman, Syed Yusoff Al-Zawawi Syed Abdul Fattah, Ting Yin Lu

2. The Unbreakable Spirit

- Dr Syed Iqbal Syed Husman, Dr Wan Izzuddin Wan Zaidi, Dr Farah Atiqah Abu Omar

Penerbitan video

1. OMFS Department (2020, June). Langkah Pencegahan COVID-19 Dikalangan Anggota Kesihatan. https://youtu.be/wNl6ytG_iJU

JABATAN DERMATOLOGI

Pengenalan



Perkhidmatan Dermatologi di Hospital Sungai Buloh mula beroperasi pada tahun 2006. Bermula sebagai Unit Dermatologi di bawah naungan Jabatan Perubatan. Sejak tahun 2016 pakar Dermatologi telah ditempatkan di Hospital Sungai Buloh di bawah Jabatan Dermatologi.

ORGANISASI


1. *Ketua Jabatan / Pakar Dermatologi (U56) : 1*
2. *Pakar dalam latihan subkeparan Dermatologi (U52) : 1*
3. *Pegawai Perubatan : 8 (U54):1
(U52):2
(U48):4
(U44):1*
4. *Jururawat Terlatih : 1*
5. *Jururawat Masyarakat : 1*
6. *Pembantu Pegawai Perubatan : 2*
7. *Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK) :2*



Statistik




Beban Kerja di Luar HSgB



■ Pesakit Luar Dermatologi Selayang hospital	0	5	5	0
■ Pesakit Dalam Dermatologi wad HKL	0	1	0	0

Warga Kerja



■ Pakar (Non-COVID)	2	2	2	2
■ Pakar (COVID)	0	0	0	0
■ Pegawai Perubatan (Non-COVID)	9	4	4	3
■ Pegawai Perubatan (COVID)	0	5	5	5
■ Paramedik (Non-COVID)	7	3	3	3
■ Paramedik (COVID)	0	4	4	4

Semasa Hospital Sungai Buloh menjadi hospital fully-COVID-19 pada bulan Mac – Jun 2020, pihak kami telah mengurangkan pesakit luar dan telah merujuk mereka ke Hospital Selayang. Semua prosedur yang dijalankan di daycare telah ditangguhkan dan dirujuk ke Klinik Dermatologi di Lembah Klang

Semasa covid separa (Julai- Sept 2020) jumlah pesakit di klinik telah ditetapkan seramai 10-15 pesakit dan jumlah bertambah secara perlahan hingga hospital menjadi fully-COVID-19

Bilangan doktor yang mengurus klinik hanya seramai 3 orang disebabkan yang lain telah bertugas di wad COVID-19. Walau bagaimanapun melalui kawalan temu janji dan jumlah pesakit, operasi klinik telah dapat dijalankan dengan lancar. Pesakit dan juga staf klinik dipantau untuk memastikan semua mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

JABATAN NEUROSURGERI

Pengenalan

Sepanjang tahun 2020, jabatan ini telah menerima kemasukan pesakit Covid -19 sejak 18 Mac 2020 sehingga 10 Jun 2020. Berikutan dengan polisi hospital yang menjadi hospital hybrid, maka Jabatan Neurosurgeri juga menerima pesakit non-Covid (Neurosurgeri) pada 10 Julai 2020 sehingga 7 Oktober 2020. Seterusnya jabatan sekali lagi beroperasi sebagai wad COVID-19 secara keseluruhan mulai 15 Oktober 2020 sehingga 31 Disember 2020.



Pada 15 Oktober 2020, perkhidmatan Neurosurgeri telah dipindahkan sementara ke Hospital Shah Alam dengan pengoperasian 10 buah katil di Unit Rawatan Harian, Hospital Shah Alam dan 2 buah katil di Unit Perawatan Rapi, Hospital Shah Alam. Seramai 33 orang Jururawat Neurosurgeri telah dipindahkan ke Hospital Shah Alam untuk meneruskan perkhidmatan Jabatan Neurosurgeri dengan diselia oleh 4 orang Ketua Jururawat secara bergilir-gilir setiap bulan.

Pada 15 Disember 2020, semua Jururawat Neurosurgeri telah diarahkan kembali bertugas membantu Unit Rawatan Rapi, Hospital Sungai Buloh merawat kes-kes COVID-19 kecuali staf jabatan yang mempunyai comorbidity yang kekal di Hospital Shah Alam.


Berikutan dengan itu Jabatan Neurosurgeri telah dibantu oleh jururawat daripada Unit Rawatan Rapi, Hospital Sungai Buloh yang comorbidity dan jururawat dari disiplin yang lain untuk bertugas menggantikan staf asal jabatan ini.



Statistik




Perkhidmatan di Luar HSgB



	AWAL COVID-19: JAN-FEB	FULLY COVID-19: MAC-JUN	HIBRID: JUL-SEP	FULLY COVID-19: OKT-DIS
■ Pesakit Luar HSAS	0	0	0	36
■ Jumlah Rujukan di HTAR dan HSAS	0	630	0	370
■ kemasukan HTAR	0	476	0	0
■ kemasukan HSAS	0	0	0	78
■ Pembedahan kecemasan HTAR	0	84	17	80
■ Pembedahan kecemasan HSAS	0	0	0	34
■ Pembedahan Elektif HSAS	0	0	0	13

Warga Kerja



	AWAL COVID-19: JAN-FEB	FULLY COVID-19: MAC-JUN	HIBRID: JUL-SEP	FULLY COVID-19: OKT-DIS
■ Pakar (Non-COVID)	8	8	8	8
■ Pakar (COVID)	0	0	0	0
■ Pegawai Perubatan (Non-COVID)	14	14	14	14
■ Pegawai Perubatan (COVID)	0	0	0	0
■ Paramedik (Non-COVID)	46	10	46	24
■ Paramedik (COVID)	0	36	0	22

Rumusan

1. Tahun 2020 adalah tahun yang amat mencabar bagi Jabatan Neurosurgeri kerana Pandemik Covid -19 ini telah memberi kesan kepada perkhidmatan Neurosurgeri dimana jabatan menerima sepenuhnya kes kes Covid – 19 dan perkhidmatan dipindahkan sementara ke Hospital Shah Alam.
2. Namun begitu, perkhidmatan Neurosurgeri diteruskan untuk merawat pesakit yang memerlukan pembedahan dan rawatan lanjut.
3. Perpindahan perkhidmatan Neurosurgeri menjadi terhad kerana penerimaan pesakit berkurangan.

JABATAN OFTALMOLOGI

Pengenalan

Klinik Oftalmologi di Hospital Sungai Buloh mula beroperasi pada 16 Ogos 2006. Sejak itu, Jabatan Oftalmologi telah berkembang dengan pesat dan kini menyediakan perkhidmatan Oftalmologi Am serta Subkepakaran Kornea. Perkhidmatan kornea telah dimulakan pada tahun 2007, dan kini, Hospital Sungai Buloh merupakan pusat rujukan bagi kes-kes berkaitan penyakit kornea. Tahun ini merupakan tahun yang penuh cabaran dengan munculnya pandemik COVID-19. Hospital Sungai Buloh telah menjadi hospital COVID-19 sepenuhnya. Ini bermakna, perkhidmatan pesakit dalaman dan perkhidmatan pembedahan telah dihentikan pada puncak jangkitan COVID-19 untuk membolehkan hospital berfungsi sebagai hospital COVID-19 sepenuhnya.



Dr Shamala
Ketua Jabatan



Dr Chandramalar
Pakar Perunding



Dr Siti Nor Roha
Pakar



Dr Che Mahiran
Pakar



Dr Nurfahzura
Pakar



Dr Nadine Anne
Pakar



Dr Raihan
Pakar



Dr Jeyarine
Pakar



Dr Sangeetha
Pakar



Dr Nilani
Pakar



Dr Lai Ying Peng
Pakar



Dr Gayathri G.
Pakar



Dr Gaayathri N.
Pakar



Dr Nor Sharina
Pakar



Dr Nurul Laila
Pakar



Dr Sivashankari
Pegawai Perubatan



Dr Gayathiri J.
Pegawai Perubatan



Dr Goh Hui Yin
Pegawai Perubatan



Dr Karthiban
Pegawai Perubatan



Dr Akasah
Pegawai Perubatan



Dr Michelle
Pegawai Perubatan



Dr Low Chun Heng
Pegawai Perubatan



Dr Siti Nurliyana
Pegawai Perubatan



Dr Hanan
Pegawai Perubatan



Dr Nur Sabreena
Pegawai Perubatan



Dr Ezza Amirah
Pegawai Perubatan



Dr Dhaniah
Pegawai Perubatan



Dr Lau Wai Kit
Pegawai Perubatan



Dr Menakah
Pegawai Perubatan



Dr Siti Nurliana
Pegawai Perubatan



Dr Twe Cher Wei
Pegawai Perubatan



Dr Stella
Pegawai Perubatan



Dr Rafikah
Pegawai Perubatan



Dr Wan Dalila
Pegawai Perubatan



Dr Devanai
Pegawai Perubatan



Dr Ng Lay Hui
Pegawai Perubatan



Dr Nurul Farah
Pegawai Perubatan



Dr Nor Diyana
Pegawai Perubatan



Dr Ivan
Pegawai Perubatan























Dr Khor Hui Di
Pegawai Perubatan




Dr Melissa
Pegawai Perubatan



Puan Narjis
Ketua Optometri

						
Puan Erni	Puan Najiha	Puan Tengku Azlina	Puan Nik Nawwar	Puan Suriawati	Puan Ajmal	Cik Nufazliha
Optometri	Optometri	Optometri	Optometri	Optometri	Optometri	Optometri
						
PPP Harman Penyelia Klinik	PPP Haffis Pen Peg Perubatan	PPP Nurfarahiyah Pen Peg Perubatan	PPP Gwenerveir Pen Peg Perubatan	JT Haryati Jururawat Terlatih	JT Roihan Jururawat Terlatih	JT Siti Nor hayati Jururawat Terlatih
						
JT Syuhada Jururawat Terlatih	JT Adilah Jururawat Terlatih	JT Azlina Jururawat Terlatih	JM Noorazzira Jururawat Masyarakat	PPK Aishah Pem Perawatan Kesihatan	PPK Wan Pem Perawatan Kesihatan	


Statistik




Kes Pembedahan



Beban Kerja Luar HsgB





Cabaran Perkhidmatan Oftalmologi Semasa Wabak COVID-19

Semuanya bermula pada akhir bulan Februari 2020 apabila Hospital Sungai Buloh dikenal pasti sebagai Hospital COVID-19 sepenuhnya. Ini bermakna, kesemua wad di Hospital Sungai Buloh diserahkan kepada pasukan Infectious Disease untuk pesakit-pesakit COVID-19. Kesemua kes di wad Oftalmologi telah dirujuk ke hospital-hospital lain. Kerjasama dan sokongan rakan sejawat kami daripada 5 buah hospital di negeri Selangor amat dihargai dalam proses kerja yang baharu ini.

Perkhidmatan Subkepakaran Kornea

Pesakit kornea yang serius dari negeri-negeri lain dirawat di klinik dan dihantar kembali ke pusat rujukan utama untuk rawatan lanjut manakala kes kornea yang memerlukan kemasukan dihantar ke Hospital Kuala Lumpur. Apabila situasi COVID-19 menjadi semakin serius, sempadan negeri seterusnya ditutup. Situasi ini telah meningkatkan kebergantungan kami pada teknologi maklumat untuk berhubung dengan pasukan Oftalmologi utama mengenai pengurusan kes kornea. Urusan mendiagnosis pesakit kornea dengan gambar 2D melalui emel daripada rakan Oftalmologi terbukti menjadi cabaran. Perkhidmatan transplantasi kornea telah berhenti disebabkan kornea dari Amerika Syarikat tidak dapat dihantar susulan daripada pengurangan perjalanan udara. Tisu bank kornea dan media storage kornea turut dipindahkan ke Hospital Kuala Lumpur untuk sementara waktu.

Pengurusan Kakitangan Jabatan Oftalmologi

Pegawai perubatan dan kakitangan paramedik kami telah ditugaskan ke perkhidmatan berkaitan COVID-19. Justeru, hanya pakar-pakar Oftalmologi yang masih ditugaskan untuk rawatan di Klinik Oftalmologi.

Seterusnya, bagi memastikan keselamatan kakitangan dan pesakit, langkah-langkah keselamatan telah dilaksanakan oleh pihak jabatan dengan merujuk kepada garis panduan tempatan dan antarabangsa untuk mengelakan jangkitan secara umum. Langkah-langkah keselamatan khas untuk Oftalmologi juga telah diwujudkan. Oleh kerana jarak di antara pesakit dan doktor perlu ditetapkan sekurang-kurangnya 1 meter, maka pemeriksaan mata yang dijalankan dengan menggunakan alat Slit Lamp telah dilengkapi dengan alat pelindung nafas slit lamp dan dipasang untuk setiap slit lamp di klinik.

Perkhidmatan Pembedahan

Semua perkhidmatan pembedahan telah ditangguhkan apabila Hospital Sungai Buloh telah menjadi Hospital COVID-19. Kes-kes pembedahan katarak dihantar ke Pusat Katarak Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan pakar-pakar Oftalmologi mengambil giliran untuk menjalankan pembedahan. Namun demikian, kes-kes transplantasi tidak dapat dijalankan memandangkan terdapat isu-isu keselamatan berkaitan tisu kornea dari Amerika Syarikat dan kelewatan penghantaran yang tidak sesuai melibatkan cold chain tisu kornea.

Keperluan penggunaan peralatan perlindungan diri (PPE) sememangnya amat penting dan tidak dapat dielakkan serta melibatkan kuantiti yang tinggi. Justeru, untuk membantu dalam menyokong kekurangan PPE, staf Oftalmologi telah membantu menjahit PPE untuk memastikan sumber PPE yang berterusan untuk petugas barisan hadapan.

Mesyuarat Norma Baru

Mesyuarat kerja yang melibatkan ramai ahli terpaksa dihentikan dan bila perlu mesyuarat kecil menepati penjarakan jauh norma baru ataupun mesyuarat melalui media web diaturkan demi memenuhi keperluan perkhidmatan atau pendidikan berterusan jabatan mahupun peringkat hospital lain .


JABATAN ORTOPEDIK



Pengenalan

Tahun 2020 merupakan satu tahun yang penuh cabaran untuk Jabatan Ortopedik, Hospital Sungai Buloh disebabkan pandemik COVID-19. Ini menyebabkan banyak kes ortopedik terpaksa ditangguhkan.



Statistik





Seperti yang dijangkakan, kes ortopedik tahun 2020 telah berkurangan dengan banyak disebabkan oleh penutupan bilik bedah. Staf ortopedik juga ramai yang telah diserapkan ke pasukan COVID-19 bagi kepentingan perkhidmatan.

JABATAN OTORINOLARINGOLOGI



Pengenalan

Bermula Mac 2020, Hospital Sungai Buloh telah digazetkan sebagai Hospital *Fully COVID-19*. Bagi memastikan penumpuan sepenuhnya terhadap rawatan pesakit COVID-19 di hospital ini, Jabatan Otorinolarinologi (ORL) turut memainkan peranan dengan membantu dalam mobilisasi kakitangan di jabatan ke wad-wad COVID-19, termasuklah di Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN) dan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) ILKKM Sungai Buloh. Dengan jumlah kakitangan yang tinggal, aktiviti perawatan pesakit luar di jabatan telah diminimumkan.


Semasa pandemik COVID-19, semua pegawai perubatan yang tidak berisiko (tiada masalah kesihatan) ditugaskan ke wad-wad. Bagi menampung kekurangan pegawai perubatan, pakar-pakar ORL mengambil tugas-tugas atas panggilan pegawai perubatan bagi mengurus kes-kes kecemasan kerana pegawai perubatan yang tinggal di jabatan berisiko tinggi jika terdedah kepada pesakit COVID-19.




Statistik



Kes Pembedahan



Warga Kerja



Klinik Otorinolaringologi

Pengurangan pesakit di klinik dilakukan selaras dengan arahan Kementerian Kesihatan Malaysia yang menetapkan pematuhan-pematuhan SOP semasa pandemik COVID-19. Pesakit-pesakit sedia ada ditukarkan tarikh temu janji dan pesakit-pesakit baharu yang tidak segera dirujuk ke hospital-hospital KKM lain di negeri Selangor. Dengan ini, kadar kesesakan pesakit di jabatan pada satu-satu masa dapat dikurangkan dengan drastik.

Jumlah kedatangan pesakit bagi tahun 2020 ialah seramai 18,922 orang yang terdiri daripada 5,425 orang kes baru manakala 13,497 orang merupakan kes ulangan. Jumlah pesakit keseluruhan bagi tahun 2020 mengalami penurunan ketara iaitu sebanyak 46.1% (16,227) berbanding jumlah pesakit tahun 2019 iaitu 35,199 orang pesakit.

Wad Otorinolaringologi

Sepanjang tempoh pandemik COVID-19, berlaku beberapa siri perubahan terhadap aktiviti perawatan pesakit di wad ORL. Wad ORL iaitu Wad 4B telah diambil alih untuk kegunaan perawatan pesakit COVID-19 pada bulan Mac. Semua pesakit ORL yang memerlukan rawatan dan penghospitalan dirujuk ke hospital-hospital KKM yang lain di negeri Selangor.

Pada bulan Julai 2020, semasa hospital digazetkan sebagai hospital Hybrid COVID-19, wad ORL dibuka semula untuk pesakit ORL. Pada masa yang sama, berlaku penstrukturan semula wad-wad bagi setiap jabatan di Hospital Sungai Buloh. Wad ORL seterusnya ditukar daripada Wad 4B kepada Wad 7D. Sepanjang tahun 2020, jumlah pesakit di wad ORL ialah seramai 203 orang sahaja berbanding tahun 2019 seramai 1,008 orang.

Pembedahan Otorinolaringologi

Aktiviti pembedahan pesakit ORL dihentikan sepanjang pandemik COVID-19 bermula Mac 2020. Dewan bedah ditutup untuk semua pembedahan kecuali kes-kes kecemasan. Pembedahan dijalankan sepanjang tahun 2020 dengan jumlah keseluruhan 142 kes iaitu 82 kes elektif (GA), 4 kes Pembedahan harian (GA), 13 kes bius setempat (Daycare LA) dan 31 kes pembedahan kecemasan. Sebanyak 1 kes pembedahan implan koklea telah dilakukan pada tahun 2020.

Aktiviti pembedahan sepanjang penutupan dewan bedah dilakukan di luar Hospital Sungai Buloh iaitu di Hospital UiTM Sungai Buloh dengan kerjasama Jabatan ORL, Hospital UiTM Sungai Buloh. Sebanyak 17 kes dilakukan di Hospital UiTM bermula April hingga Disember 2020. Selain pembedahan di Hospital UiTM, Pakar Perunding ORL (Otologi) turut melakukan pembedahan Otologi di hospital-hospital KKM yang lain. Sebanyak 26 kes pembedahan dilakukan sepanjang tahun 2020.

Latihan Jabatan Otorinolaringologi Tahun 2020

1. Mengadakan CME jabatan selama satu jam pada setiap hari Isnin untuk pegawai perubatan dan paramedik bagi menambahkan ilmu pengetahuan.
2. Jabatan ini telah menganjurkan 1 kursus pada tahun 2020 iaitu 3rd ORL Dissection Workshop selama 6 hari. Kursus dijalankan di Fakulti Perubatan, Universiti Malaya.
 - 2.1. *Endoscopic Sinus Surgery Workshop – 11-12 Januari 2020 (2 hari)*
 - 2.2. *Head & Neck Dissection Workshop – 13-14 Januari 2020 (2 hari)*
 - 2.3. *Temporal Bone Workshop – 17-18 Januari 2020 (2 hari)*



JABATAN PEMBEDAHAN AM

Pengenalan


Jabatan Pembedahan Am, Hospital Sungai Buloh menyediakan pelbagai perkhidmatan pembedahan yang merangkumi pembedahan am, subkepakaran kolorektal, Upper GI dan Trauma kepada penduduk di sekitar bahagian utara Selangor. Perkhidmatan rawatan dan latihan Pembedahan Am tergendala sepenuhnya pada 8 Mac 2020 kerana transformasi Hospital Sungai Buloh sebagai Hospital Khusus COVID-19 untuk menangani wabak Pandemik COVID-19. Kesemua pesakit di Wad Bedah Am dipindahkan ke hospital-hospital sekitar Lembah Klang untuk meneruskan rawatan pada masa yang singkat. Pada 10 Mac 2020, wad 5B dan 5C bersama-sama dengan staf kejururawatan telah ditugaskan untuk perkhidmatan perawatan pesakit COVID-19 yang meningkat. Warga kerja jabatan juga dipindahkan kepada tugas COVID-19 mengikut peranan masing-masing secara berperingkat-peringkat. Pada akhir bulan April 2020, Jabatan Bedah Am telah terdiri daripada 3 orang Pakar Bedah Am, 4 orang Pegawai Perubatan, 3 orang Penolong Pegawai Perubatan endoskopi serta 3 orang jururawat dan seorang Pembantu Perawatan Kesihatan di klinik pakar bedah Am.



Statistik




Pembedahan / Prosedur



	AWAL COVID-19: JAN-FEB	FULLY COVID-19: MAC-JUN	HIBRID: JUL-SEP	FULLY COVID-19: OKT-DIS
HSgB (GA)	0	88	392	44
HsgB (Daycare)	52	6	34	4
HsgB (Endoscopy)	602	191	650	173
HTK (Minor LA OT)	0	7	1	6
HTK (Endoscopy)	0	94	26	135
HSAS (GA)	0	0	0	15
HTAJ (GA)	0	0	0	13

Warga Kerja



	AWAL COVID-19: JAN-FEB	FULLY COVID-19: MAC-JUN	HIBRID: JUL-SEP	FULLY COVID-19: OKT-DIS
Pakar (Non-COVID)	9	6	9	2
Pakar (COVID)	0	3	0	7
Pegawai Perubatan (Non-COVID)	23	5	24	8
Pegawai Perubatan (COVID)	0	19	0	17
Paramedik (Non-COVID)	64	7	64	11
Paramedik (COVID)	0	57	0	53

Pada bulan Julai 2020, status Hospital Sungai Buloh telah ditukar kepada status Hospital Hybrid COVID-19 dan mula menerima pesakit *Non-COVID-19*. Wad 5B dan 9C telah dijadikan sebagai wad Bedah Am untuk rawatan pesakit dalaman *Non-Covid* di Hospital Sungai Buloh, manakala wad 5C telah diserahkan kepada Jabatan Perubatan untuk digunakan sebagai wad COVID-19. Tenaga kerja termasuk Pegawai Perubatan Siswazah dikembalikan secara berperingkat-peringkat bermula dari bulan Ogos 2020. Perkhidmatan rawatan pesakit dalam dan pesakit luar, pembedahan elektif dan kecemasan, dan endoskopi telah dimulakan secara berperingkat-peringkat. Pada bulan September 2020, bilangan kemasukan pesakit ke wad, kes bulanan pembedahan dan endoskopi secara kecemasan telah mencapai 50% daripada jumlah sebelum pandemik COVID-19 .

Hospital Sungai Buloh diisytiharkan sebagai hospital khusus COVID-19 sekali lagi pada 2 Oktober 2020 akibat daripada peningkatan semula kes COVID-19. Perkhidmatan Bedah Am sekali lagi dikurangkan daripada segi perkhidmatan pesakit dalam dan pembedahan elektif. Dalam masa 2 minggu, perkhidmatan Bedah Am *Non COVID-19* telah dihadkan kepada pesakit luar sahaja. Perkhidmatan pesakit dalam di Wad 9C adalah wad bedah am yang terakhir ditamatkan pada 19 Oktober 2020. Dengan pengisytiharan Hospital Sungai Buloh sebagai Hospital Khusus COVID-19 , pegawai perubatan siswazah telah dipindahkan ke hospital lain, manakala pegawai perubatan diserahkan kepada Unit *COVID-19 Response* hospital. Dalam tempoh ini, Jabatan Pembedahan Am di Hospital Sungai Buloh hanya memberi perkhidmatan pesakit dalam kepada kes-kes COVID-19 sahaja. Kes-kes bedah am pesakit dalam *Non COVID-19* dipindahkan ke hospital-hospital lain jika memerlukan perawatan khusus. Kes-kes yang tidak memerlukan perawatan khusus pula dipindahkan ke Hospital Tanjung Karang. Kes pembedahan elektif, kecemasan dan endoskopi telah dihentikan untuk pesakit *Non COVID-19*. Rawatan pesakit luar *Non COVID-19* diteruskan dengan kadar 30% daripada jumlah harian biasa. Pada masa yang sama, kes-kes pembedahan elektif dijalankan di Hospital Shah Alam dan Hospital Tengku Ampuan Jemaah (HTAJ), Sabak Bernam.

JABATAN PEMBEDAHAN PLASTIK DAN REKONSTRUKTIF

Pengenalan

Perkhidmatan Pembedahan Plastik dan Rekonstruktif di Hospital Sungai Buloh (HSgB) tidak terkecuali daripada pandemik COVID-19 yang melanda negara. Perkhidmatan yang terjejas adalah rawatan pesakit dalam, perkhidmatan pembedahan serta rawatan kebakaran. Wad Rawatan Kebakaran di Selangor hanya terdapat di Hospital Sungai Buloh dan Hospital Selayang, di mana kedua-dua Unit Rawatan telah diambil alih dan dijadikan Unit Rawatan Rapi COVID-19 (Hospital Sungai Buloh, SARI di Hospital Selayang).

Pegawai perubatan dan paramedik juga telah diberikan tugas dalam pengurusan dan penjagaan pesakit-pesakit COVID-19. Perkhidmatan klinik pesakit luar dan pembedahan minor hanya beroperasi sebanyak 30% daripada biasa disebabkan kekangan kakitangan sedia ada. Klinik dan tugas di luar waktu bekerja hanya dijalankan oleh pakar perubatan daripada Hospital Sungai Buloh dan Hospital UiTM Sungai Buloh dengan dibantu oleh 3 orang paramedik dan seorang pembantu perawat kesihatan.

Perkhidmatan pembedahan major dikendalikan oleh pakar-pakar yang sama di Hospital UiTM, Hospital Selayang dan Hospital Tuanku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang. Jabatan juga menyediakan perkhidmatan perundingan kepada kes-kes rujukan daripada hospital di sekitar Lembah Klang yang tidak dapat menerima rawatan di Hospital Sungai Buloh.



MS. SALINA IBRAHIM
KETUA JABATAN



MR. SHAH JUMAAT
PAKAR BEDAH



MS. CHOOI LAI KUAN
PAKAR BEDAH



MS. SHAZWANI FARAH
PAKAR BEDAH




MR. AKMAL HISHAM
PAKAR BEDAH



MR. AHMAD RIZAL
PAKAR BEDAH



DR. TREVOR
PEG. PERUBATAN



DR. DAYSHINE
PEG. PERUBATAN



DR. LIM CHIA CHUEN
PEG. PERUBATAN



DR. HO KIT LUM
PEG. PERUBATAN



DR. KEW CHEE ZIANG
PEG. PERUBATAN



DR. LAM U-NEE
PEG. PERUBATAN



DR. SIDDHIPRIYA
PEG. PERUBATAN



DR. FARAH HANAN
PEG. PERUBATAN



DR. KOH EE YIN
PEG. PERUBATAN



DR. LAILA SYAHIRAH
PEG. PERUBATAN



DR. WONG YEW SING
PEG. PERUBATAN



DR. MUKHLIS
PEG. PERUBATAN



DR. TAN SHI HUN
PEG. PERUBATAN



DR. AMILIA 'AYUNI
PEG. PERUBATAN



PPP. MEZEHAR RASEM
PEN. PEG. PERUBATAN



PPP. MUHAMMAD FAIZ
PEN. PEG. PERUBATAN



PPP. ANDRIAN LEE
PEN. PEG. PERUBATAN



JT. ZALILAH JUSOH
JURURAWAT
TERLATIH



JT. SITI AZALINA
JURURAWAT
TERLATIH



JM. AMINAH
JURURAWAT
MASYARAKAT





JM. SARASVATY DEVI
JURURAWAT
MASYARAKAT




PPK. NURUL FAIZA
PEM. PERAWATAN
KESIHATAN


Statistik



Kes Pembedahan



Warga Kerja



Penerbitan Ilmiah

1. *COVID-19 Plastic Surgery Recovery Plan: The Malaysian Experience*
- U-Nee Lam, Nur Syazwani Farah Md. Mydin Siddik, Shah Jumaat Mohd Yussof, Devananthan Ilengoven, Salina Ibrahim.
2. *N95 Respirator Associated Pressure Ulcer Amongst COVID-19 Health Care Worker*
- Dr. Lam U Nee et.al
3. *Restructuring Burns Management During the COVID-19 Pandemic: A Malaysian Experience*
- Dr. Devananthan et.al
4. *A Case of a Hand Burns Associated with A 'Wrap-Around' Pulse Oximeter In An Infant*
- Mr. Akmal Hisham et.al

Penerbitan Video

1. *Plastic Department. (2020, June 16). Covid Wars: Will We Win?.You Tube.*
https://www.youtube.com/watch?v=EE8EuPMm_XA&feature=youtu.be
2. *Plastic Department. (2020, June 16).Covid Wars: Life with the enemy. You Tube.*
<https://www.youtube.com/watch?v=NjCMaRRB3gY&feature=youtu.be>



JABATAN PERGIGIAN PEDIATRIK

Pengenalan


Pandemik COVID-19 memberi impak secara umum kepada perkhidmatan kepakaran pergigian dan khususnya kepada kepakaran pergigian kanak-kanak di Hospital Sungai Buloh. Bermula Mac 2020, semua jabatan klinikal di Hospital Sungai Buloh telah mengurangkan bilangan temu janji pesakit ke hospital. Hal ini demikian kerana Hospital Sungai Buloh berperanan sebagai hospital untuk pesakit COVID-19. Selain itu, semua rawatan elektif di bawah bius am turut ditunda kerana kapasiti katil di wad-wad digunakan sepenuhnya untuk pesakit-pesakit COVID-19.




Statistik



Kes Pembedahan



Warga Kerja



Beberapa anggota di Jabatan Pergigian Pediatrik telah ditugaskan untuk membantu pasukan Hospital Sungai Buloh dalam memerangi pandemik COVID-19. Antara tugasannya ialah membantu operasi penyaringan di lapangan, bertugas di Bed Management Unit (BMU), membantu Corporate Social Responsibilites (CSR) Unit, membantu Unit Kesihatan Awam, menjalankan kajian untuk COVID-19 Clinical Research Centre dan membantu Jabatan Dietitik dan Sajian.

Bermula Julai 2020, operasi klinik beroperasi dengan kapasiti pesakit dikurangkan 20% daripada biasa supaya perkhidmatan pergigian masih dapat diberikan kepada masyarakat. Meskipun operasi klinik berjalan pada kapasiti minimum, terdapat ibu bapa yang menghubungi klinik untuk menunda temu janji rawatan anak mereka kerana bimbang akan jangkitan COVID-19. Dalam hubungan ini juga, langkah untuk memastikan penjarakan sosial diamalkan semasa rawatan pergigian amatlah mustahil. Oleh yang demikian, norma baharu bagi jabatan ini ialah untuk merawat pesakit hanya apabila diperlukan.

Bermula dengan itu juga, semua rawatan pergigian dijalankan dengan prosedur operasi standard (SOP) Hospital Sungai Buloh dan garis panduan perkhidmatan pergigian seperti yang telah ditetapkan oleh Program Kesihatan Pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), di mana antaranya ialah:

1. Melengkapkan bilik rawatan untuk Aerosol Generating Procedure (AGP). Jabatan telah menerima sejumlah peruntukan RM11,500 untuk melengkapkan bilik rawatan sedia ada. Selain itu, jabatan juga telah menerima 2-unit Extraoral Vacuum Suction (RM6000/unit) dan 1 unit Air Decontamination Unit (RM8400/unit).
2. Rawatan elektif di bawah bius am disambung semula bermula Julai. Untuk pesakit yang akan menjalani prosedur pembedahan elektif di bawah bius am, mereka perlu menjalani ujian swab terlebih dahulu.
3. Anggota jabatan dipastikan memakai alat perlindungan diri (PPE) yang lengkap semasa semua prosedur rawatan.
4. Temujanji rawatan dengan waktu berperingkat bagi membolehkan proses sanitasi bilik rawatan dijalankan bagi setiap pesakit.
5. Melakukan saringan awal terhadap semua pesakit dan penjaga yang hadir dengan mengukur suhu badan dan soal jawab berkaitan seperti tanda-tanda awal jangkitan, sejarah perjalanan atau ke kawasan berisiko tinggi, sejarah kontak rapat dengan pesakit positif COVID-19 .

JABATAN PERUBATAN REHABILITASI

Pengenalan



Perkhidmatan Perubatan Rehabilitasi merupakan bidang kepakaran klinikal yang menyediakan rawatan secara pesakit dalam serta pesakit luar bagi pengendalian klinikal serta rehabilitasi bagi individu yang keupayaannya terjejas akibat penyakit, kecederaan atau masalah kongenital.


Bidang ini merupakan kepakaran perubatan berkaitan dengan evaluasi, diagnosis serta pengendalian individu daripada peringkat pediatrik hingga ke peringkat geriatrik yang keupayaannya terjejas sama ada daripada perspektif fizikal atau kognitif atau kedua-duanya. Ianya menekankan rawatan bagi peningkatan fungsi individu berkaitan di samping mengelakkan komplikasi.

Pakar Perubatan Rehabilitasi mengetuai perkhidmatan ini yang menggunakan pendekatan kepelbagaian kepakaran atau “interdisciplinary model of care” terdiri daripada gabungan unit-unit interdisiplinari iaitu Rehabilitasi Perubatan (Medical Rehabilitation), Fisioterapi (Physiotherapy), Terapi Cara Kerja (Occupational Therapy), Kejururawatan Rehabilitasi (Rehabilitation Nursing), Prostetik & Ortotik dan Unit Perubatan Tradisional India iaitu Terapi Varmam.



Statistik





Sepertimana perkhidmatan lainnya, perkhidmatan utama Perubatan Rehabilitasi turut sama terjejas akibat pandemik COVID-19. Selain meneruskan perkhidmatan klinikal bukan COVID-19 yang terhad serta menyediakan perkhidmatan klinikal khusus bagi COVID-19, jabatan ini turut berperanan dalam pelbagai aspek sokongan dalam menangani pandemik ini.

DEWAN BEDAH

Pengenalan



Dewan Bedah Hospital Sungai Buloh mempunyai 20 buah bilik bedah. Ianya terdiri daripada 12 buah bilik bedah di Dewan Bedah Utama, 6 buah bilik bedah di Dewan Bedah Harian dan 2 buah bilik bedah di Dewan Bedah Bersalin. Berikutan pandemik COVID-19 pada awal 2020, Komiti Dewan Bedah telah memilih Dewan Bedah Maternity untuk dijadikan Dewan Bedah COVID-19. Ahli komiti juga telah bermesyuarat untuk membentuk carta alir kemasukan pesakit COVID-19 yang memerlukan prosedur pembedahan.

Persediaan zoning area di Dewan Bedah telah dibuat berpandukan garis panduan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) iaitu Guidelines COVID-19 Management in Malaysia No. 4/2020 (updated on 26 February 2020) . Panduan dan nasihat diterima daripada Unit Kawalan Infeksi, Bahagian Kejuruteraan dan Pensewastan serta Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) untuk memastikan keselamatan kakitangan dan pesakit diutamakan.




Pasukan Dewan Bedah yang terlibat dalam pembedahan pertama Covid 19 di Dewan Bedah Covid Hospital Sungai Buloh.


Statistik



Kes Pembedahan di Luar HSgB



Warga Kerja



Kewujudan Dewan Bedah COVID-19 mula dirancang pada pertengahan Januari 2020 berikutan kebimbangan pandemik COVID-19 yang semakin menular ketika itu di mana pihak Komiti Dewan Bedah telah bermesyuarat pada 17 Februari 2020 yang dipengerusikan oleh Pengarah Hospital Sungai Buloh. Hasil daripada mesyuarat ini, maka Dewan Bedah Bersalin telah dipilih sebagai Dewan Bedah COVID-19 ..

Pada 19 Mac 2020, kes pertama COVID-19 telah dilakukan untuk pembedahan Caesarian Section dengan jayanya. Berikutan pertambahan pesakit di Unit Rawatan Rapi, ruang pemulihan Dewan Bedah Utama telah disediakan untuk menempatkan pesakit-pesakit yang memerlukan jagaan rapi . Secara tidak langsung, Dewan Bedah COVID-19 telah berpindah dari Dewan Bedah Bersalin ke Dewan Bedah Utama disebabkan peningkatan kes-kes yang memerlukan pembedahan.

Sekitar Jun 2020 hingga Ogos 2020, Dewan Bedah Utama telah beroperasi sebagai Dewan Bedah Hibrid berikutan penurunan wabak COVID-19 ketika itu. Semua kes pembedahan elektif telah dilakukan daripada 30% - 75% . Walau bagaimanapun, ianya bertukar semula kepada Dewan Bedah COVID-19 sepenuhnya pada awal Oktober 2020 berikutan menularnya pandemik ini juga peningkatan kes-kes COVID-19 yang memerlukan pembedahan khususnya daripada Jabatan Obstetrik dan Ginekologi.



**JABATAN
DAN UNIT
BUKAN KLINIKAL**

**HOSPITAL
SUNGAI BULOH**

**"DI MANA ADA KEMAHUAN,
DI SITU ADA JALAN"**

JABATAN DAN UNIT BUKAN KLINIKAL HOSPITAL SUNGAI BULOH

JABATAN DIETETIK & SAJIAN

Pengenalan

Jabatan Dietetik dan Sajian merupakan salah satu daripada perkhidmatan sokongan perubahan yang ada di Hospital Sungai Buloh. Jabatan ini terdiri daripada dua blok berasingan, di mana Blok Utama, Jabatan Dietetik dan Sajian terletak di Blok F, Hospital Sungai Buloh dan Blok Kedua, Unit Dietetik dan Sajian di Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN).



Perkhidmatan Makanan secara *Outsourcing* – bermaksud keseluruhan aktiviti penyediaan makanan dilaksanakan oleh syarikat yang dilantik oleh kerajaan dengan menjalankan kaedah penghidangan makanan secara berpusat (Centralized Plating System). Aktiviti pemantauan dan penilaian terhadap penyediaan makanan dilaksanakan oleh Pegawai Penyediaan Makanan dan Penolong Pegawai Penyediaan Makanan yang berkhidmat di hospital.

Perkhidmatan Makanan secara *Inhouse* – bermaksud keseluruhan aktiviti penyediaan makanan dilaksanakan oleh anggota yang berkhidmat di hospital dengan menjalankan kaedah penghidangan secara pukal (Bulk System) dan hybrid (*Hybrid Plating System*). Proses penyediaan sehingga penghidangan makanan dijalankan oleh Penolong Pegawai Penyediaan Makanan dan Pembantu Penyediaan Makanan.


Antara profesion yang terdapat di bawah Jabatan Dietetik dan Sajian adalah melibatkan perjawatan Pegawai Dietetik, Pegawai Penyediaan Makanan dan Penolong Pegawai Penyediaan Makanan serta Pembantu Penyediaan Makanan.




Statistik



Jumlah Jam Pemantauan Operasi (Pemantauan Harian/ Mingguan/ Bulanan) & Prestasi Sykt Outsource (Kualiti, Aduan, Penalti dll) secara Langsung (Day to day Observation)



Warga Kerja



PERKHIDMATAN COVID-19 YANG DISEDIAKAN

PERKHIDMATAN DIETETIK

Perkhidmatan Dietetik merupakan perkhidmatan sokongan klinikal yang diberikan kepada Pesakit Dalam dan Pesakit Luar dalam bentuk konsultasi diet, khidmat sokongan pemakanan klinikal dan pendidikan pemakanan. Ia merupakan sebuah perkhidmatan yang berdasarkan evidence based dan multiprofesional approach dengan jabatan – jabatan lain yang terlibat dalam proses perawatan pesakit. Berikut adalah antara fungsi yang dilaksanakan oleh perkhidmatan ini :-

1. Perkhidmatan Dietetik sebagai sokongan klinikal dalam pemberian terapi pemakanan perubatan (Medical Nutrition Therapy) kepada pesakit dalam dan luar.
2. Seramai tujuh (7) orang Pegawai Dietetik yang bertugas bagi menjalankan terapi pemakanan perubatan untuk pesakit Covid di wad.
3. Pegawai dietetik akan melaksanakan penilaian pemakanan, diagnosis pemakanan, intervensi pemakanan serta pemantauan dan penilaian semula pemakanan.
4. Preskripsi diet yang bersesuaian akan dilakukan oleh Pegawai Dietetik. Anggota kejururawatan akan melaksanakan pemesanan dan pemberian diet yang sesuai kepada pesakit dalam mengikut preskripsi diet yang ditetapkan
5. Dalam situasi norma baharu, Pegawai Dietetik akan mendapatkan maklumat pesakit melalui sistem eHIS, manakala penilaian pemakanan dijalankan dengan cara menghubungi anggota kejururawatan untk mendapatkan maklumat yang diperlukan dan seterusnya melakukan intervensi pemakanan yang bersesuaian.
6. Lawatan susulan akan dirancang mengikut keperluan berdasarkan perkembangan kesihatan pesakit. Pesakit yang memerlukan lawatan susulan sebagai pesakit luar hendaklah didaftarkan mengikut tarikh temujanji.

PERKHIDMATAN NON-COVID YANG DISEDIAKAN SEMASA COVID-19

Perkhidmatan Dietetik

Perkhidmatan Dietetik merupakan perkhidmatan sokongan klinikal yang diberikan kepada Pesakit Dalam dan Pesakit Luar dalam bentuk konsultasi diet, khidmat sokongan pemakanan klinikal dan pendidikan pemakanan. Ia merupakan sebuah perkhidmatan yang berdasarkan evidence based dan multiprofesional approach dengan jabatan – jabatan lain yang terlibat dalam proses perawatan pesakit. Berikut adalah antara fungsi yang dilaksanakan oleh perkhidmatan ini :-

1. Perkhidmatan Dietetik sebagai sokongan klinikal dalam pemberian terapi pemakanan perubatan (Medical Nutrition Therapy) kepada pesakit dalam dan luar.
2. Seramai tujuh (7) orang Pegawai Dietetik yang bertugas bagi menjalankan terapi pemakanan perubatan untuk pesakit COVID-19 di wad.
3. Pegawai dietetik akan melaksanakan penilaian pemakanan, diagnosis pemakanan, intervensi pemakanan serta pemantauan dan penilaian semula pemakanan.

4. Preskripsi diet yang bersesuaian akan dilakukan oleh Pegawai Dietetik. Anggota kejururawatan akan melaksanakan pemesanan dan pemberian diet yang sesuai kepada pesakit dalam mengikut preskripsi diet yang ditetapkan
5. Dalam situasi norma baharu, Pegawai Dietetik akan mendapatkan maklumat pesakit melalui sistem eHIS, manakala penilaian pemakanan dijalankan dengan cara menghubungi anggota kejururawatan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan dan seterusnya melakukan intervensi pemakanan yang bersesuaian.
6. Lawatan susulan akan dirancang mengikut keperluan berdasarkan perkembangan kesihatan pesakit. Pesakit yang memerlukan lawatan susulan sebagai pesakit luar hendaklah didaftarkan mengikut tarikh temu janji.

Perkhidmatan Sajian

Perkhidmatan sajian memainkan peranan yang sangat penting sepanjang pengurusan wabak COVID-19 yang berlaku sejak awal tahun 2020. Di samping perlu menyediakan sajian kepada pesakit COVID-19, perkhidmatan ini telah juga diberi tanggungjawab mengurus penyediaan makanan kepada petugas kesihatan daripada pelbagai unit/jabatan. Berikut adalah antara fungsi yang dilaksanakan oleh perkhidmatan ini :-

1. Membekalkan bekalan diet berdasarkan pesanan yang diterima daripada wad mengikut kelas atau jenis diet.
2. Membekalkan bekalan diet kelas tiga kepada ibu yang menemani anak di wad kanak-kanak.
3. Membekalkan bekalan diet kelas satu kepada Doktor Bertugas Atas Panggilan (*Doctor On Call*) dan petugas dewan bedah di hospital.
4. Menjalankan pemantauan terhadap operasi perkhidmatan sajian makanan bermula dari proses penerimaan bahan mentah sehingga penghidangan makanan ke wad.
5. Menyediakan makanan berdasarkan jenis diet iaitu diet normal, diet modifikasi konsistensi dan diet terapeutik yang meangkumi empat (4) hidangan makanan iaitu srapan pagi, makan tengah hari, minum petang dan makan malam.

JABATAN KERJA SOSIAL PERUBATAN

Pengenalan

Jabatan Kerja Sosial Perubatan (JKSP) merupakan salah satu jabatan kategori sokongan klinikal yang memberikan perkhidmatan biopsikososial melalui intervensi terapi sokongan serta intervensi bantuan praktikal kepada pesakit di Hospital Sungai Buloh. Perkhidmatan tersebut diberikan untuk meningkatkan kualiti hidup pesakit dan keluarga pesakit.

Kumpulan sasaran terdiri daripada pesakit luar dan pesakit dalam yang menerima rawatan di Hospital Sungai Buloh dan dikategorikan sebagai pesakit yang tidak berkemampuan daripada segi sosioekonomi ataupun pesakit yang memerlukan sokongan emosi.

Jabatan Kerja Sosial Perubatan beroperasi sepenuhnya dengan diketuai oleh seorang Pegawai Kerja Sosial Perubatan (S48) bersama 4 orang Pegawai Kerja Sosial Perubatan (S44), seorang Pembantu Pembangunan Masyarakat, seorang Pembantu Tadbir serta seorang Pembantu Perawatan Kesihatan.



Perkhidmatan Kerja Sosial Perubatan Bagi Pesakit Semasa COVID-19

Sepanjang tahun 2020, JKSP turut mengambil usaha dalam perkhidmatan bagi menghadapi covid 19 terutama dari aspek temujanji dan penilaian sosioekonomi.



1. Temujanji

- 1.1 Perkhidmatan yang diberikan adalah merangkumi untuk pesakit dalam dan pesakit luar yang menerima rawatan di Hospital Sungai Buloh
- 1.2 Tindak balas awal terhadap rujukan pesakit adalah dalam tempoh dua hari bekerja
- 1.3 Pesakit yang dirujuk akan diberikan tarikh temu janji semasa hadir ke JKSP atau dihubungi melalui telefon dan surat temu janji
- 1.4 Hanya 3 temu janji pesakit luar ditetapkan dalam tempoh satu-satu masa
- 1.5 Sekiranya pesakit atau waris tidak dapat datang ke JKSP untuk temubual dan penilaian sosioekonomi, pesakit atau waris akan ditemubual melalui telefon atau persidangan video.
- 1.6 Sesi persidangan video. dijadualkan pada hari Selasa dan Khamis
- 1.7 Pesakit atau waris pesakit yang dijadualkan untuk menjalani penilaian melalui persidangan video. akan dihubungi sehari sebelum hari ditetapkan untuk pengesahan
- 1.8 Jika memerlukan sesi susulan, PKSP akan menetapkan tarikh temu janji dengan pesakit dan sesi temu janji hendaklah mengikut tarikh yang ditetapkan

2. Penilaian Sosioekonomi

- 2.1 Temubual akan dijalankan di Jabatan Kerja Sosial Perubatan atau di wad juga melalui telefon atau persidangan video untuk mendapatkan maklumat dan penilaian sosioekonomi
- 2.2 Maklumat mengenai pesakit akan diperolehi daripada pesakit dan waris pesakit
- 2.3 Sekiranya pesakit hadir ke JKSP, pesakit dan waris perlu memakai pelitup hidung dan mulut dan mematuhi semua saranan KKM yang berkaitan covid 19
- 2.4 Hanya seorang waris dibenarkan untuk bersama pesakit
- 2.5 Pesakit dan waris hanya dibenarkan masuk ke JKSP 10 minit sebelum masa temu janji
- 2.6 Maklumat diperolehi melalui temubual akan diisi dalam Laporan Penilaian Biopsikososial Pegawai Kerja Sosial Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia
- 2.7 Rujukan kes ke agensi luar untuk mendapatkan bantuan hendaklah menggunakan surat rasmi dan menggunakan borang yang berkaitan.
- 2.8 Laporan sosioekonomi dihantar ke agensi bantuan dalam tempoh 14 hari bekerja selepas dokumen lengkap diterima

Statistik




Program Bungkusan Rindu

JKSP telah melaksanakan program Bungkusan Rindu sejak bulan April 2020 yang melibatkan anggota JKSP sebagai penghubung antara pesakit yang menjalani kuarantin di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) Sungai Buloh dengan keluarga mereka.

Anggota JKSP mengurus barangan yang dihantar oleh keluarga pesakit seperti keperluan peribadi, makanan dan minuman tertakluk kepada peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak hospital. Penerimaan barangan ini juga melibatkan pihak penghantar barangan seperti Grab Food, Food Panda dan Lalamove.

Objektif utama program Bungkusan Rindu ini ialah untuk membantu memenuhi keperluan psikososial pesakit melalui intervensi bantuan terapi sokongan sepanjang pesakit berada di ILKKM Sungai Buloh. Program ini juga diharapkan akan mengurangkan tekanan pesakit COVID-19 yang sedang menghadapi krisis dan secara tidak langsung dapat mengurangkan aduan daripada pesakit mahupun keluarga sepanjang menerima rawatan.




UNIT KAJIAN KLINIKAL

Pengenalan


Hospital Sungai Buloh merupakan hospital yang menawarkan perkhidmatan perubatan secara perkhidmatan secondary dan tertiary di negeri Selangor, khususnya dalam bidang Penyakit Berjangkit, Kecemasan dan Trauma, Pembedahan Neuro, Pembedahan Maxillo-Fasial, Pembedahan Plastik dan Rawatan Kebakaran serta Ortopedik dan Traumatologi.

Pusat Penyelidikan Klinikal Hospital Sungai Buloh (CRC) merupakan salah satu daripada 36 rangkaian pusat penyelidikan yang terdapat di seluruh Malaysia. Ianya telah ditubuhkan pada tahun 2010 dan telah beroperasi sepenuhnya pada Januari 2011. Setelah 10 tahun beroperasi, CRC telah melaksanakan tugasnya sebagai pusat rujukan kepada penyelidik-penyelidik dari dalam dan luar hospital. CRC berperanan dalam penyelidikan klinikal terutamanya dalam menggalakkan contract research dalam kalangan kakitangan Hospital Sungai Buloh. Selain itu, CRC juga berperanan sebagai pusat sehati atau one stop centre kepada penyelidik-penyelidik di Hospital Sungai Buloh.


Kemunculan wabak COVID-19 di Malaysia pada awal tahun 2020 telah memberikan impak yang besar ke atas pertambahan jumlah penyelidikan yang dijalankan di Hospital Sungai Buloh. Pihak CRC menerima banyak permohonan untuk menjalankan penyelidikan berkaitan dengan COVID-19 dan ini memberi bebanan kerja yang sangat tinggi kepada kakitangan CRC. Tambahan pula, kakitangan CRC telah dimobilisasi ke Patient Under Investigation (PUI) Centre, Bilik Gerakan dan juga CPRC Kebangsaan bagi membantu dalam pengurusan pandemik COVID-19.




Statistik



Pembentangan Kertas Kajian



Beban Kerja Tambahan



Sepanjang tempoh pandemik COVID-19, Pusat Penyelidikan Klinikal (CRC) Hospital Sungai Buloh bergiat aktif dalam menjalankan penyelidikan, sama ada pada peringkat jabatan hospital mahu pun kolaborasi melibatkan universiti ternama. Proses penyelidikan yang diuruskan oleh CRC termasuk pendaftaran di National Medical Research Registry (NMRR), konsultasi penyelidikan serta sokongan dalam proses penerbitan dan pembentangan penyelidikan.

CRC bekerjasama rapat dengan semua jabatan di hospital yang kerap menjalankan penyelidikan seperti Jabatan Perubatan (Penyakit Berjangkit), Jabatan Farmasi, Jabatan Otorinolaringologi, Jabatan Ortopedik dan Pembedahan, Jabatan Pediatrik, Jabatan Patologi, Jabatan Psikiatri dan Unit Sajian. Setiap anggota hospital termasuk doktor, jururawat dan ahli farmasi turut serta menghasilkan kajian baru melibatkan COVID-19 .

Objektif utama CRC dalam pandemik ini ialah membantu penyelidik di Hospital Sungai Buloh dalam menjalankan Investigator Initiated Research (IIR), Industry Sponsored Research (ISR), Investigator Initiated Trial (IIT), Pembentangan Hasil Penyelidikan, Penerbitan Manuskrip, serta memenuhi Key Performance Index (KPI) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS).

Semua penyelidikan yang akan dijalankan di Hospital Sungai Buloh perlu melalui CRC bagi proses pendaftaran. Bagi permohonan menjalankan penyelidikan daripada penyelidik institusi luar, CRC akan menghubungi jabatan hospital yang relevan bagi mendapatkan input serta jemputan untuk berkolaborasi.

Semasa gelombang ketiga COVID-19 , Hospital Sungai Buloh berbesar hati dan berbangga kerana telah menjadi salah satu tapak kajian bagi kajian klinikal vaksin yang pertama di Malaysia, yang telah dirasmikan oleh KKM.


UNIT MEDICOLEGAL

Pengenalan

Pada peringkat permulaan di Hospital Sungai Buloh, kes-kes kompleks atau berpotensi medico-legal dan kes-kes medico-legal diuruskan oleh Unit Pengurusan Kualiti sejak Tahun 2015. Namun begitu, kes-kes aduan berpotensi medico legal ini saban tahun makin meningkat. Justeru itu, pada pertengahan tahun 2018 Unit Medico-Legal telah ditubuhkan bagi mengurus selia kes-kes berpotensi medico legal dengan lebih efektif dan produktif.


Kini, unit ini mempunyai 4 orang Pegawai Perubatan yang bertugas. Tujuan unit ini ditubuhkan adalah untuk menyelaras kes-kes berpotensi medico-legal serta mengendalikan kes-kes medico legal di Hospital Sungai Buloh. Unit ini juga ditubuhkan bagi memberi kesedaran kepada doktor dan anggota hospital mengenai isu-isu kecuaiian perubatan dengan cara memberi maklum balas penambahbaikan dari kes-kes medico legal.

Carta Organisasi Unit Mediko Legal 2020



Statistik

Beban Kerja



JKPD=Jawatankuasa Penyasatan Dalam

JKPB/JKPKS=Jawatankuasa Penyasatan Bebas/Jawatankuasa Penyasatan Kes Saman

^aAduan Kompleks/Berpotensi Medicolegal yang masih memerlukan Family Conference (pending/postponed due to full/hybrid Covid status for the past year)


^bAduan Kompleks/ Berpotensi Medicolegal yang tidak memerlukan Family Conference yang telah dijawab secara bertulis

^cAduan Kompleks/ Berpotensi Medicolegal yang telah diselesaikan terus di peringkat Jabatan yang terlibat

^dBilangan Aduan Yg Dirujuk ke Unit Medicolegal Keseluruhan 2020

^eTindakan Penambahbaikan JKPB yang dihantar ke JKNS

Warga Kerja



Unit ini juga bekerjasama dengan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) dan Bahagian Amalan Perubatan (BAP) KKM, untuk menyelesaikan kes-kes kecuai perubatan di luar mahkamah melalui pembayaran Ex-Gratia. Langkah ini diambil bagi mengurangkan kes-kes saman terhadap Kementerian Kesihatan Malaysia yang mana boleh menjejaskan imej Kerajaan dan KKM. Dengan langkah ini juga, masa dan kos dapat dijimatkan kerana kes-kes yang dikendalikan oleh mahkamah boleh berlanjutan dan mengambil masa yang lama.

Berikutan wabak COVID-19, beberapa perubahan cara kerja telah dilaksanakan. Selain mengamalkan saringan kesihatan harian bagi staf, tatacara perjumpaan keluarga dan siasatan dalaman turut mengikut SOP dengan pengamalan penjarakan antara ahli panel mesyuarat, penggunaan *hand rub*, pengisian kehadiran dengan *QR code* dan sebagainya. Beberapa kes siasatan terutamanya Jawatankuasa Penyiasatan Luar telah mengalami perubahan tarikh mengikut arahan semasa oleh Bahagian Amalan Perubatan dan juga Unit Aduan dan Medicolegal Jabatan Kesihatan Negeri Selangor. Bahagian Amalan Perubatan juga sentiasa mengemaskini Garis Panduan Pengurusan Kes Aduan dan Medicolegal untuk rujukan setiap PTJ termasuklah Hospital Sungai Buloh.

Selain itu, Mesyuarat Jawatankuasa Etika Perubatan Hospital Sungai Buloh turut telah diaktifkan semula pada 6 Ogos untuk membincangkan beberapa kes berkenaan etika staf yang telah melalui proses Jawatankuasa Siasatan Dalaman terlebih dahulu untuk meneliti isu yang terlibat, faktor-faktor yang menyumbang kepada isu-isu tersebut dan juga langkah-langkah penambahbaikan yang bersesuaian. Audit penambahbaikan yang dijadualkan untuk dijalankan pada akhir 2020 telah tertangguh berikutan peningkatan semula wabak Covid, namun dirancang untuk dilaksanakan pada 2021 pada masa yang bersesuaian.

Secara keseluruhannya, bilangan aduan pada tahun 2020 menunjukkan pola bilangan yang hampir sama berbanding tahun 2019, walaupun terdapat pengurangan bilangan kes siasatan iaitu 5 JKPD dan 4 JKPB pada tahun 2020 berbanding dengan 11 JKPD dan 9 JKPB pada 2019. Hal ini kerana terdapat banyak penangguhan sesi perjumpaan dengan pengadu berikutan Garis Panduan Pengurusan Kes-Kes Aduan dan Medicolegal oleh Bahagian Amalan Perubatan yang menggariskan bahawa perjumpaan dengan keluarga perlu ditangguhkan terutamanya ketika PKP. Selain itu, didapati terdapat peningkatan ketara bilangan aduan berpotensi medicolegal pada suku keempat tahun 2020, iaitu antara bulan Oktober hingga Disember 2020. Hal ini boleh dikaitkan dengan peningkatan semula kes-kes Covid di Semenanjung Malaysia khususnya di Lembah Klang iaitu negeri Selangor dan Kuala Lumpur yang telah menjalani PKPB semula pada jangka waktu tersebut. Oleh yang demikian, kes-kes tersebut telah disaring mengikut keutamaan dan sebahagian daripada aduan-aduan yang hanya melibatkan masalah komunikasi semata-mata tanpa isu klinikal yang jelas telah dijawab secara bertulis. Namun begitu, sebahagian lagi kes yang memerlukan maklumbalas jabatan dan perjumpaan secara fizikal tetap akan melalui proses seperti biasa.

UNIT PENDIDIKAN KESIHATAN

Pengenalan


Unit Pendidikan Kesihatan, Hospital Sungai Buloh mula dibuka pada 1 September 2006. Kini, setelah 14 tahun beroperasi, unit ini telah berjaya melaksanakan tugasnya sebagai pusat rujukan pendidikan pesakit dan orang awam terutama yang tinggal berhampiran Sungai Buloh. Selain itu, unit ini turut menjadi pilihan kakitangan hospital dan pelajar kolej berhampiran untuk mendapatkan maklumat dan bahan terkini berkaitan kesihatan.

Namun, bermula pertengahan Januari 2020 hingga sekarang, Hospital Sungai Buloh terlibat dalam menangani pandemik COVID-19. Unit Pendidikan Kesihatan secara tidak langsung terlibat dalam mempromosikan dan memberi pendidikan kesihatan mengenai pandemik ini.




Statistik


Perkhidmatan Klinik Berhenti Merokok




Penerbitan Bahan Khas COVID-19 2020 Media Cetak (Pencetakan Sekala Besar)



Penerbitan Bahan Khas COVID-19 2020 Media Cetak (Pencetakan Sekala Kecil) Dan Penerbitan Bahan Khas COVID-19 2020 Media Elektronik



Warga Kerja



Perkhidmatan COVID-19 Yang Disediakan

1. Penerbitan bahan informasi dan pendidikan seperti poster, risalah, gegantung, banner dan infografik untuk pengetahuan, kesedaran dan langkah pencegahan kepada kakitangan dan orang awam.
2. Mengadakan pameran mengenai COVID-19 .
3. Sudut pameran informasi dan data terkini COVID-19 .
4. Menayangkan video-video mengenai COVID-19 di fasiliti hospital yang mempunyai televisyen.

Perkhidmatan Bukan COVID Yang Disediakan Semasa COVID-19

5. Perkhidmatan Klinik Berhenti Merokok bagi klien yang baru.
6. Penerbitan bahan pendidikan bagi tajuk selain COVID-19 .
7. Sudut Pameran mengikut Sambutan Hari-hari Khas Kesihatan.
8. Kursus Pendidikan Kesihatan kepada kakitangan iaitu Program Take care..Ur Health.

Norma Baharu Di Unit

1. Penggunaan bilik seperti Bilik Grafik, Bilik Bahan Pendidikan, surau dan pantri terhad pada satu orang pada satu-satu masa.
2. Penjarakan sosial semasa mesyuarat dijalankan di unit.
3. Saringan suhu dan kesihatan dijalankan ke atas staf yang hadir bekerja pada setiap hari dan dicatatkan dalam rekod yang disediakan.
4. Program yang dijalankan mengikut garis panduan yang telah disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia bagi mencegah jangkitan COVID-19 seperti penjarakan sosial, tempat yang luas untuk bilangan peserta yang terhad, pemakaian pelitup muka, saringan suhu dan sebagainya.

Berdasarkan statistik, pengurangan Perkhidmatan Klinik Berhenti Merokok secara bersemuka berlaku apabila HSgB mula beroperasi penuh sebagai Hospital COVID-19. Peningkatan perkhidmatan promosi dan pendidikan dapat dilihat melalui penerbitan bahan khas COVID-19 seiring dengan pandemik melanda negara.



PENCAPAIAN 2020



GLOBAL HEALTH AWARD 2020
BRAND LAUREATE AWARD 2020
SME & ENTREPRENEUR BUSINESS
AWARD 2020
NATIONAL ENERGY AWARD 2020
EMERSION..TRANSCENDING THE
TIDE, COVID-19 JOURNEY
- HSGB COFFEE TABLE BOOK
HSGB REUSABLE MASK
COVID-19 GALLERY
COVID-19 PHOTOBOOK
COVID-19 TRIBUTE SONG FOR
FRONTLINERS



PENCAPAIAN 2020



GLOBAL HEALTH AWARD 2020



PENCAPAIAN

2020



TAHNIAH

Dr. Suresh Kumar

(Ketua Jabatan Penyakit Berjangkit Hospital Sungai Buloh)

Dr. Shaiful Azman Zakaria

(Ketua Jabatan Anestesia & Rawatan Rapi Hospital Sungai Buloh)

**Dan Pasukan COVID-19
Hospital Sungai Buloh**

**Atas Pengiktirafan di
Global Health Awards 2020**

Dr. Suresh Kumar

Dr. Shaiful Azman Zakaria

DARIPADA

**KDYMM SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG dan
KDYMM SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG**

استان نكلا
ISTANA NEGARA



www.istananegara.gov.my



[istana_negara](https://www.instagram.com/istana_negara)



[IstanaNegaraOfficial](https://www.facebook.com/IstanaNegaraOfficial)

BRAND LAUREATE AWARD



HEALTHCARE-CENTRE OF
EXCELLENCE FOR COVID-19
PANDEMIC

BRANDLEADERSHIP
E-BRANDING AWARD

SME & ENTREPRENEURS BUSINESS AWARD




NATIONAL ENERGY AWARD 2020



HOSPITAL SUNGAI BULOH COFFEE TABLE BOOK




 Past Graduate Society
SUNGAI BULOH HOSPITAL
Skill to Heal, Spirit to Care


An emotionally powerful recollection about


Personal Experiences, Struggles, Sacrifices, Memories and Triumphs of Sungai Buloh Hospital Frontliners

The much anticipated **COFFEE TABLE CUM MEMOIR BOOK FOR YEAR 2020** *The year when the **WHOLE GLOBE STOPPED** and **TRANSFORMED** to a **NEW BEGINNING...***

“Deeply touching... I couldn't stop turning the pages again and again even after I had finished reading this book... it brought me back to my time managing COVID-19 patients”


- anonymous frontliner -





PREMIUM EDITION		
Size 29 x 29 cm; hardcover; full colour and glossy paper		
Price	Normal	Special
Staff	RM100	RM80
Public / Corporate	RM150	RM120

PLATINUM EDITION		
Size 29 x 29 cm; hardcover; SIRIM certified eco; tear free, full colour, glossy paper and aluminium case		
Price	Normal	Special
Staff	RM300	RM200
Public / Corporate	RM380	RM250



To order scan QRCode or go to :
<http://bit.ly/coffeetablebookhsgb>

